

DISELENGGARAKAN OLEH WAN MOHD MAHYIDDIN & HARUN JOHARI

Tun Sulaiman Ninam Shah

Pengerusi Tetap UMNO



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

No. 1&3, Jalan 3/91A

Taman Shamelin Perkasa Cheras

56100 Kuala Lumpur

Tel: 03-92856577

Fax: 03-92846554/92875763

e-mail: enquiry@upnd.com.my

laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

Terbitan Pertama 2002

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Tun Sulaiman Ninam Shah: pengurus tetap UMNO / diselenggarakan oleh Wan Mohd Mahyiddin, Harun Johari

ISBN 967-61-1332-8

1. Sulaiman Ninam Shah, Tun 1920-. 2. Politicians -Johor -

Biography. 3. UMNO-History. 4. Malaysia-Politics and

goverment. I. Wan Mohd Mahyiddin. II. Harun Johari

923.2595119

K
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
F0014
f

Dicetak oleh

PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.

No. 29 Jalan 2/148A,

Tmn. Sg. Besi Industrial Park,

57100 Kuala Lumpur

23 AUG 2002

NASKAH PEMELIHARAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01076577

KATA PENGANTAR

Memandangkan penglibatan saya yang lama dalam UMNO, khasnya sebagai Pengurus Tetap parti ini di peringkat kebangsaan, telah timbul cadangan daripada rakan-rakan supaya saya membukukan pengalaman saya ini. Kerana cadangan ini baik, saya telah berusaha menjadikannya satu kenyataan walaupun saya mengakui bukanlah mudah untuk berbuat demikian. Pihak-pihak yang saya beri tanggungjawab menyiapkan buku ini telah menarik diri atas sebab tertentu. Namun, ini tidak menawarkan hati saya untuk melihat buku ini diterbitkan.

Dengan izin Allah S.W.T yang menentukan segala kejadian akhirnya buku ini siap juga setelah ia dimulakan oleh Harun Johari yang mengunjungi saya di Muar pada bulan puasa tahun 1999. Beliau tertarik dengan kedudukan saya sebagai Pengurus Tetap UMNO hingga terdorong untuk menulis riwayat hidup saya. Kepada nya saya telah hamburkan segala kisah hidup yang ada dalam ingatan saya untuk beliau rakam dan tuliskan selepas Hari Raya Aidilfitri 2000. Berikutnya beberapa pertemuan dalam tahun itu lahirlah sebuah buku yang terbahagi kepada beberapa bab.

Secara kebetulan pula pada bulan September, tiba seorang pengunjung lagi ke rumahnya iaitu Wan Mohd Mahyiddin yang baru tamat berkhidmat di Ibu Pejabat UMNO. Saya mengenalinya sebagai seorang yang cukup berpengalaman serta memiliki pengetahuan mendalam tentang sejarah dan perlembagaan parti. Di tangannya bab-bab dalam buku ini disusun semula, ayat-ayat dan bahasa diperkemaskan dan beberapa fakta baru dimasukkan hasil penyelidikan beliau. Beliau turut menyiapkan pengenalan bagi buku ini serta membantu saya mencatatkan pandangan-pandangan hidup yang merangkumi pelbagai perkara dari politik hingga ke soal perniagaan, kemasyarakatan dan keluarga, dengan itu buku ini tidak terhad kepada peristiwa-peristiwa sekitar diri saya sahaja.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membolehkan buku ini siap untuk penerbitan, terutama kepada Wan Mohd Mahyiddin yang telah menyemak kandungan buku ini beberapa kali dan memilih gambar-gambar dalam simpanan saya sebelum menghantarnya kepada penerbit. Begitu juga kepada Encik Harun Johari yang telah menyediakan skrip awal



Mesyuarat di rumah Tun Sulaiman bagi membincangkan kandungan buku. Di tengah-tengah ialah Tun Sulaiman dan di sebelah kanan beliau Wan Mohd Mahyuddin manakala Harun Johari di sebelah kiri.

buku ini, Encik Tukiran Hitam yang memperbetulkan perkataan dan ayat-ayat dalam skrip tersebut dan Haji Nik Mustaffa Nik Yusof yang memberi ulasan-ulasannya.

Saya amat terhutang budi kepada Tan Sri Kamarul Arifin, Pengurus Eksekutif, Utusan Melayu kerana bersetuju untuk menerbitkan buku ini. Tidak lupa juga kepada pihak Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd kerana bekerja keras untuk menyiapkan buku ini terutamanya kepada Cik Roselina Johari, Pengarah Eksekutif dan Puan Faridah Shamsudin, editor yang menyunting buku ini dan juga Jabatan Pengeluaran yang bertanggungjawab membuat reka bentuk buku ini. Ucapan terima kasih juga kepada Pusat Maklumat Utusan Melayu terutamanya kepada Puan Maimunah Rashid dan Encik Zainuddin Taib kerana mendapatkan gambar-gambar untuk dimuatkan dalam buku ini.

Kumpulan akhbar *The News Straits Times* juga turut bekerjasama dalam menjayakan penerbitan buku ini. Setinggi penghargaan saya berikan kepada Tan Sri Abdullah Ahmad kerana mengizinkan beberapa gambar dan bahan digunakan untuk penerbitan buku ini. Ucapan terima kasih juga kepada Puan Lamjan dan Encik Ramlan yang telah berusaha mencari gambar dan bahan yang diperlukan.

Akhirnya ucapan terima kasih juga saya berikan kepada setiausaha peribadi saya, Haji Ismail Shariff yang tekun menyiapkan manuskrip ini sehingga ke larut malam walaupun bukan tugas rasmi beliau. Begitu juga kepada Puan Siti Haliza Musa dari Ibu Pejabat UMNO Malaysia yang telah menyambung usaha ini dengan menaip beberapa kali bahan yang telah diserahkan kepadanya. Kepada Allah S.W.T saya bermohon agar penerbitan yang tidak seperti ini mendapat restu-Nya dan memberi faedah kepada semua ahli parti serta khalayak ramai yang menatapinya.

TUN SULAIMAN NINAM SHAH



فرتوبوهن كبغسائن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendafrahan 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN



Penerbitan buku mengenai Tun Sulaiman Ninan Shah, seorang tokoh dan pemimpin veteran UMNO adalah satu langkah bijak kerana ia bukan sahaja dapat merakamkan perjuangan hidup beliau semata-mata malah catatan sejarah parti UMNO dari sejak penubuhannya pada pandangan beliau.

Buku ini menyingskap peranan Tun Sulaiman sebagai Pengerusi Tetap UMNO selama lebih 25 tahun. Sudah tentunya beliau dapat menceritakan pengalamannya yang panjang itu untuk pengetahuan dan pedoman kepada ahli-ahli parti dan masyarakat umum. Peristiwa-peristiwa sejarah UMNO yang dipaparkan dapat menjadi rujukan kepada ahli UMNO.

Buku ini juga memaparkan kisah hidup Tun Sulaiman dalam bidang perniagaan dan sebagai penggiat sosial yang banyak menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, khasnya di sekitar Muar tempat kelahirannya. Tun Sulaiman tidak lokek memberi pandangan-pandangan yang sangat berguna dalam bidang-bidang yang diceburinya.

Saya berharap lebih ramai lagi tokoh parti akan tampil ke hadapan bagi menulis buku tentang sejarah hidup mereka dalam UMNO. Dengan demikian kita akan lebih insat tentang perjuangan dan sumbangan orang lama atau veteran UMNO semasa mengharungi cabaran dan dugaan dalam membela nasib orang Melayu dan memerdekaan tanah air kita.

DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO

Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tel: 03-40429511 Fax: 03-40412358

Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web: www.umno.org.my | e-Mel: info@umno.org.my



فرتیوهن کبغسائن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendafaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

TIMBALAH PRESIDEN



Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada YABhg. Tun Sulaiman Ninam Shah kerana telah berjaya menyiapkan sebuah buku mengenai pengalamannya sebagai Pengurus Tetap UMNO Malaysia dan sejarah perjuangannya.

Sebagai Pengurus Tetap UMNO yang menghormati dan tegas mengendalikan perjalanan Persidangan UMNO tentunya bukunya ini akan menjadi rujukan bagi seluruh ahli UMNO dan semua lapisan bangsa Melayu terutamanya generasi muda. Bagi saya buku karya YABhg. Tun Sulaiman Ninam Shah ini amat penting dan amat berharga sekali kepada para pengkaji sejarah UMNO.

Sebab saya katakan penting ialah bangsa Melayu mestи memahami sejarah perjuangan bangsanya sendiri yang pada waktu itu telah berjuang dengan satu hati, satu nada, satu suara dan satu tekad. Saya percaya semua ini dicatatkan dalam buku ini.

Membaca buku ini bermakna kita dapat menyelami dan mengkaji masa silam kita dari sudut pandangan seorang pejuang dan nasionalis tulen.

DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah diajukan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO
Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tel: 03-40429511 Fax: 03-40412358

Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web: www.umno.org.my | e-Mel: info@umno.org.my



فرتوبوهن كبغسائن ملايو برسانتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendaftran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

SETIAUSAHA AGUNG



Saya mengambil peluang ini bagi mengalu-alukan penerbitan buku mengenai Tun Sulaiman Ninam Shah yang merupakan Pengerusi Tetap UMNO yang tidak asing lagi kepada ahli-ahli parti dan masyarakat umum.

Tun Sulaiman adalah antara tokoh yang telah meninggalkan bekas ke atas UMNO melalui pembabitannya yang sangat lama sejak UMNO diasaskan pada tahun 1946 hingga ke masa ini. Dalam jangka masa itu beliau telah menghadiri kebanyakan Perhimpunan Agung yang diadakan sebagai wakil Bahagian dan kemudiannya sebagai Pengerusi Tetap.

Semua pihak bersetuju yang beliau telah melaksanakan tugasnya dengan amat memuaskan walaupun pada peringkat umur yang mana kebanyakan orang telah bersara. Wakil-wakil menerima sebagai Pengerusi Tetap bagi mengendalikan Perhimpunan Agung parti yang terbesar di tanah air kerana kewibawaan dan ketegasannya menjamin kelancaran persidangan.

Hingga pada masa kesihatannya tidak begitu mengizinkan Tun Sulaiman tetap berada di pentas bagi mempengaruhi persidangan. Ini memerlukan motivasi yang tinggi serta komitmen yang mendalam kepada sebuah parti yang sangat dicintai dan menjadi darah dagingnya.

Saya yakin perjuangan Tun Sulaiman dalam UMNO yang selama usia parti ini akan menjadi iktibar kepada semua ahli khasnya generasi baru dalam mendukung parti kita untuk lebih berjaya.

TAN SRI KHALIL YAAKOB

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tel: 03-40429511 Fax: 03-40412358

Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web: www.umno.org.my | e-Mel: info@umno.org.my



فرتوبوهن كبغسائن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendataran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

SETIAUSAHA KERJA



Saya mengucapkan tahniah kepada Tun Sulaiman Ninam Shah kerana telah berjaya menerbitkan sebuah buku mengenai riwayat hidup beliau yang melingkungi banyak bidang, terutama sekali politik. Beliau telah berkecimpung dalam UMNO sejak penubuhannya 55 tahun yang lalu dan masih memegang jawatan parti sebagai Pengurus Tetap UMNO.

Kesetiaan dan komitmen beliau kepada parti tidak dapat dinafikan terbit daripada kepercayaan bahawa hanya UMNO berupaya memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu, agama Islam dan pembangunan negara.

Tun Sulaiman adalah seorang Pengurus Tetap UMNO yang berwibawa dan telah mengendalikan setiap persidangan parti dengan amat memuaskan. Beliau akrab dengan ahli-ahli lama dan mesra dengan generasi baru dalam menjayakan kehendak-kehendak perjuangan UMNO sehingga beliau sangat disegani.

Beliau bukan saja mengambil bahagian yang aktif dalam UMNO tetapi penglibatannya dalam bidang pembangunan, perniagaan, sukan dan kebajikan telah mendatangkan banyak faedah kepada kaum bangsanya dan negara pada umumnya.

Saya berdoa semoga Tun Sulaiman berada dalam kandungan sihat untuk dapat terus memberi khidmatnya bagi kekuatan UMNO, parti yang kita dukung bersama.

DATUK TENGKU ADNAN TENGKU MANSOR

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tel: 03-40429511 Fax: 03-40412358
Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web: www.umno.org.my | e-Mel: info@umno.org.my

KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar Oleh Tun Sulaiman</i>	vii
<i>Perutusan Presiden UMNO</i>	viii
<i>Perutusan Timbalan Presiden UMNO</i>	viii
<i>Perutusan Setiausaha Agung UMNO</i>	ix
<i>Perutusan Setiausaha Kerja UMNO</i>	x
PENGENALAN	1
PERHIMPUNAN AGUNG UMNO ALAF BARU	17
PERANAN PENGERUSI TETAP	34
YBHG. TAN SRI PENGERUSI	56
PENGALAMAN SEMASA KECIL	78
MEMASUKI PERKHIDMATAN POLIS	92
MENCEBURI PERNIAGAAN	102
PENUBUHAN UMNO DI MUAR	118
WAKIL RAKYAT DAN PEMBANGUNAN JOHOR	142
DPMMNJ, BANK RAKYAT DAN DEWAN NEGARA	164
KEBAJIKAN DAN SUKAN	182
JASA PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO	198
KUNJUNGAN KE LUAR NEGARA	225
MASA LAPANG, KESIHATAN DAN KELUARGA	241
AMANAT TUN SULAIMAN	267
DARJAH KEBESARAN	280



Kompleks bangunan UMNO di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.



PENGENALAN

BAGI mereka yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO atau menyaksikan perhimpunan ini menerusi televisyen, tidak akan terlepas daripada memandang seorang yang duduk di sebuah kerusi besar di belakang barisan Ahli-ahli Majlis Tertinggi. Dialah Pengerusi Tetap persidangan buat lebih dua puluh lima tahun. Tun Sulaiman Ninam Shah, seorang tokoh veteran UMNO yang tidak asing lagi kepada ahli-ahli parti. Kalau dia boleh duduk bersama pemimpin-pemimpin tertinggi malah kata-katanya mesti dipatuhi oleh semua wakil semasa persidangan, tentulah dia seorang luar biasa. Inilah tanggapan orang yang memerhati persidangan UMNO.

Kebetulannya Tun Sulaiman bukan sebarang orang. Pada umur 81 tahun dia masih gagah mempengerusikan persidangan. Badannya yang tegap tinggi, suaranya yang garau, serius dalam menjalankan tugasnya dan diselini dengan teguran dan kadang-kadang gurau senda yang melucukan menjadikan dia Pengerusi Tetap yang tiada tandingan sehingga hari ini. Seorang presiden parti seperti Dato' Seri Dr. Mahathir pun boleh menghormatinya. Apa tidaknya di bawah pengendaliannya Perhimpunan Agung UMNO dapat berjalan dengan sempurna pada setiap tahun dan mengelak sebarang bencana yang boleh timbul akibat kerena wakil-wakil yang tidak dapat mengawal diri atau cenderung membuat kacau.

Tun Sulaiman dalam hidupnya lebih terkenal sebagai Pengerusi Tetap UMNO daripada bidang-bidang lain yang diceburinya. Apabila disebut saja Pengerusi Tetap UMNO pada masa ini tidak ada orang lain melainkan dia. Begitulah sebatinya dia dengan jawatan ini. Bukan tidak ada tokoh-tokoh lain yang berwibawa, yang jawatannya lebih tinggi tetapi tempoh mereka menjadi Pengerusi Tetap tidak lama berbanding Tun Sulaiman. Sehabis lama mereka mempengerusikan lapan perhimpunan agung sahaja dan ada sesetengahnya lebih singkat daripada itu. Maka mereka tidaklah terkenal sebagai Pengerusi Tetap dan kesan mereka juga tidak besar.

Kita berasa hairan bagaimana Tun Sulaiman boleh tahan begitu lama sebagai Pengerusi Tetap UMNO iaitu hampir separuh usia UMNO sendiri. Mengapakah tidak ada orang lain yang ingin melawannya, terutama yang lebih muda dan mahu mendaki tangga politik? Jawabnya semata-mata kerana tidak sanggup melawan beliau yang mempunyai segala kepakaran dan kebijaksanaan selaku orang yang berpengalaman lama. Beliau tahu

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





segala liku-liku dan lopak dalam mengendalikan persidangan yang sebesar UMNO ini dengan segala ragam ahlinya. Sehabis tinggi orang yang lebih muda daripadanya berjaya menjadi Timbalan Pengurus dan itu pun tidak lama kerana kurang daya tahan.

Selama pengalaman saya dengan beliau, saya dapati Tun Sulaiman cukup teliti dalam membuat persediaan bagi satu-satu perhimpunan agung. Beberapa hari sebelum persidangan, beliau sudah ada di ibu pejabat parti untuk meneliti peraturan-peraturan dan dokumen-dokumen yang perlu beliau tahu untuk tujuan persidangan. Beliau boleh mengarah hingga ke tahap 'memaksa' kakitangan supaya menyiapkan segala butir-butir yang beliau kehendaki. Beliau cukup tidak senang dengan pegawai-pegawai lekeh atau tidak dapat membekalkan perkara-perkara yang dimintanya sebagai persediaan menghadapi persidangan. Kita boleh persoalkan apakah dia perlu membuat persediaan yang rapi setiap kali persidangan sedangkan dia sudah terlatih dan mahir dalam bidang ini. Sebenarnya itulah sikap orang yang berjaya: tidak puas hati dengan usaha-usaha yang separuh masak dan tidak bermutu.

Ahli-ahli parti semua boleh berbangga dengan kehadiran Tun Sulaiman sebagai Pengurus Tetap yang kedudukannya sangat utuh. Kita tidak dapat gambaran kalau satu masa kelak dia akan berhenti. Dari segi rekod perkhidmatan dalam parti, beliau adalah antara dua orang pengasas UMNO sejak tahun 1946 yang masih memegang jawatan hingga ke hari ini. Seorang lagi ialah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi Presiden UMNO pada tahun 1981 dan kekal pada jawatannya hingga ke hari ini. Seorang berumur 82 tahun dan seorang 76 tahun. Seorang Pengurus Tetap dan seorang Presiden, iaitu dua jawatan yang teratas. Mengapa orang yang lebih muda dan dengan jawatan-jawatan yang lebih rendah tidak tahan? Tanyalah mereka ini, tetapi kita juga tahu jawapannya.

Mereka ini adalah orang yang mahu terus berbakti tanpa mengira usia. Bukan tidak ada contoh seperti ini pada masa-masa lalu atau dalam lain masyarakat dan

Dua ahli UMNO sejak tahun 1946 yang masih memegang jawatan parti. Seorang sebagai Presiden, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) dan seorang lagi Pengurus Tetap, Tun Sulaiman Ninam Shah (kanan).



negara hari ini. Kepimpinan dan ketokohan mereka suatu yang dikenali ramai dan diiktiraf kerana menyumbang kepada kejayaan pertubuhan. Terdapat orang jenis ini bukan sahaja dalam politik dan pemerintahan tetapi juga dalam bidang lain seperti ekonomi, pergerakan sosial dan budaya, malah sukan.

Kerana komitmen kepada jawatan serta sifat dedikasi dalam dirinya, Tun Sulaiman yang sudah lanjut umur sanggup melaksanakan tanggungjawab dalam serba keadaan tanpa mengira keadaan kesihatannya. Beberapa hari sebelum Perhimpunan Agung Khas pada November 2000, beliau telah dimasukkan ke hospital untuk dirawat tetapi atas permintaan parti telah keluar bagi mempengaruhi persidangan yang membincangkan pindaan Perlembagaan UMNO. Setelah selesai tugasnya, beliau keesokan hari terbang ke Singapura untuk rawatan lanjut. Jarang-jarang terdapat orang seperti ini yang sanggup melupakan kesihatannya sejenak demi menjalankan tugas parti.

Hari ini nama Tun Sulaiman sinonim dengan Pengurus Tetap UMNO, tetapi bukan satu-satunya jawatan yang beliau pegang. Dalam usianya yang lapan dekad, beliau telah dilantik/dipilih ke pelbagai jawatan yang tidak terhad kepada politik tetapi merangkumi bidang perniagaan dan sosial. Pengalamannya amat luas dikumpul sejak dari waktu muda hingga ke alam dewasa, suatu kehidupan yang penuh warna-warni. Daripada seorang anggota polis sebelum Perang Dunia Kedua, beliau melalui zaman Jepun sebagai pegawai polis yang berpangkat. Dalam masa pendudukan Jepun itu semangat nasionalis membawa dalam dirinya hingga mendorong beliau membantu gerakan kemerdekaan Indonesia dan kemudiannya selepas Jepun berundur, terlibat dalam penentangan terhadap rancangan Malayan Union yang ditaja oleh British.

Seperti orang Melayu lain, Tun Sulaiman cukup terasa ketidakadilan rancangan itu yang akan menguburkan bangsanya sendiri dalam sebuah negara yang menjadi hak mereka selama ini. Justeru beliau turut menyokong penubuhan UMNO yang dipelopori oleh Dato' Onn

Sultan Johor, DYMM Sultan Mahmood Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail bersahabat baik dengan Tun Sulaiman Ninam Shah.

Jaafar bagi menumpaskan Malayan Union. Beliau turut bersama mengasaskan penubuhan UMNO Muar yang merupakan antara bahagian yang terawal ditubuhkan di tanah air. Ini menunjukkan tahap kesedarannya terhadap bangsa dan tanah airnya begitu tinggi. Dia sanggup berkorban masa dan tenaga sejak dari muda lagi. Semangatnya ternyata tidak pernah pudar sehingga usianya mencapai 80 tahun.

Pada saat-saat terakhir ini dengan parti pembangkang menggugat kedudukan UMNO dan sesetengah ahli tidak yakin dengan arah perjalanan parti dan negara. Tun Sulaiman telah tampil ke hadapan bagi membantu pucuk pimpinan parti menangkis serangan mereka itu. Beliau telah mengumpul ahli-ahli veteran UMNO dari seluruh negara bagi menyatakan pendirian dan sokongan mereka kepada parti dalam perhimpunan merayakan ulang tahun UMNO baru-baru ini. Usia ini bukan untuk UMNO bersa lemah dan mengundur diri tetapi untuk menghimpun tenaga semula bagi satu perjalanan yang memerlukan langkah-langkah yang bijaksana, tegas dan penuh keyakinan.

Selain bergiat dalam politik, beliau turut terlibat dalam perniagaan kecil pada peringkat awal yang kemudiannya berkembang menjadi lebih besar. Sebagai seorang tokoh masyarakat setempat, beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Perbandaran Muar dan kemudiannya terpilih pula sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor. Ia berlaku pada tahun 1954, iaitu tiga tahun sebelum merdeka. Ia merupakan penghormatan bagi dirinya sebagai seorang yang tidak berpendidikan tinggi tetapi sedia berkhidmat kepada ramai dengan penuh azam dan minat.

Berikutnya pelantakan jawatan Dato' Onn di peringkat nasional dan perubahan dalam UMNO Bahagian Muar, Tun Sulaiman telah dipilih sebagai Timbalan Ketua Bahagian. Ketuanya ialah Tun Dato' Hassan Haji Yunos, yang kemudiannya mengetuai UMNO negeri Johor. Sebagai orang nombor dua dalam bahagian, apabila tiba pilihan raya umum 1959 tidak dapat tidak namanya tertonjol sebagai calon. Beliau menang dalam pilihan raya itu dengan memperoleh undi majoriti terbesar berbanding calon-calon Dewan Undangan Negeri Johor

Tun Sulaiman bergambar bersama isteri tersayang, Toh Puan Rose Othman di Kuala Lumpur sempena kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.



TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





yang lain. Dia dilantik menjadi Ahli Exco yang bertanggungjawab ke atas Majlis Tempatan.

Sebagai wakil rakyat dan Ahli Exco dengan portfolio perumahan, prestasi Tun Sulaiman cukup memuaskan. Tanpa sebarang ijazah dan kemahiran akademik dari mana-mana universiti, beliau mampu membuat perubahan-perubahan dan melancarkan projek-projek yang dapat meningkatkan pendapatan rakyat dan memberikan mereka kehidupan yang lebih selesa. Kejayaannya yang utama ialah pada penyedian rumah murah kepada penduduk bandar yang terpinggir, khasnya bumiputera. Namun betapa aktif beliau dalam pembangunan negeri Johor pada penggal 1959-1964, Allah S.W.T telah menentunkan perkhidmatannya sebagai wakil rakyat negeri hanya satu penggal sahaja selain satu penggal sebelum merdeka. Ini adalah kerana beliau telah diserang penyakit jantung waktu usianya kira-kira 40 tahun dan terlantar di hospital selama satu bulan.

Dengan kesihatannya terganggu, beliau membuat perkiraan tidak akan menyambung lagi tugasnya sebagai wakil rakyat. Sebagai gantinya beliau mencuei semula dunia perniagaan yang menjadi minat asalnya. Dengan hubungan yang luas dan tapak yang telah dibinanya sewaktu dalam politik, tidak menjadi kesukaran baginya untuk melangkah ke bidang ini. Usaha pertamanya ialah dalam industri pembalakan, diikuti dengan pembukaan kebun kelapa sawit, kontrak-kontrak pembangunan dan pengangkutan.

Sewajarnyalah penglibatan dalam perniagaan ini membawa kepada penyertaannya

Ahli Dewan Undangan Negeri Johor bagi tempoh 1954-59 bergambar bersama Almarhum DYMM Sultan Ismail Ibni Sultan Ibrahim. DYMM Sultan kelihatan di barisan hadapan dan bercermati mata gelap. Di sebelah kiri baginda ialah Menteri Besar, Dato' Wan Idris. Berdiri di barisan tengah ialah Tun Sardon Jubir (dua dari kiri), Tun Sulaiman (lima dari kiri), Tan Sri Hassan Haji Yunus (tiga dari kanan) dan Dato' Sulaiman Abdul Rahman (empat dari kanan). Berdiri di barisan belakang: Dato' Yassin Abdul Rahman (dua dari kanan).

dalam Dewan Perniagaan Melayu. Tun Sulaiman turut menjadi pengasas cawangan Johor bagi dewan ini. Dia amat menyedari hanya melalui kerjasama rapat antara peniaga-peniaga Melayu akan memungkinkan kejayaan, apalagi dengan saingan peniaga-peniaga bukan Melayu yang sedar wujud. Beliau sendiri menjadi contoh seorang peniaga yang gigih dan sanggup menggunakan sepe-nuhnya peluang-peluang yang dicetuskan oleh kerajaan tanpa niat untuk menyeleweng seperti yang sering berlaku pada peniaga-peniaga bumiputera. Dengan itu beliau sangat berjaya dalam bidang yang dipilihnya ini, sentiasa mengesahkan peluang-peluang baru, merancang langkah-langkah yang perlu dan menguruskan dengan baik projek-projek di bawah pengendalian syarikat-syarikatnya.

Kerana penglibatannya yang aktif dalam perniagaan, beliau terpilih sebagai seorang peneraju Dewan Perniagaan Melayu di peringkat kebangsaan. Beliau memberi banyak sumbangan termasuk mencadangkan langkah-langkah bagi memajukan perniagaan bumiputera. Sesuai dengan peranannya ini, beliau kemudiannya dilantik sebagai Penggerusi Bank Rakyat, lembaga pengarah perbadanan-perbadanan kerajaan dan beberapa syarikat swasta. Di situ beliau berperluang untuk sama-sama membantu meningkatkan kemajuan ekonomi bangsa di samping menjalankan syarikat-syarikat bersama dengan keluarganya.

Selelah meninggalkan jawatan wakil rakyat, Tun Sulaiman tidak terfikir untuk akan kembali ke jawatan dalam dewan perundangan. Tetapi pada tahun 1979 masa itu beliau telah dicadangkan sebagai senator yang akan menduduki Dewan Negara. Tentunya pelantikannya itu kerana jasa beliau dalam bidang perniagaan Melayu dan penglibatannya yang berterusan dalam politik di peringkat bahagian dan kebangsaan. Selama dua penggal beliau bertugas sebagai senator dan pada penghujung khidmat itu dilantik sebagai Timbalan Speaker Dewan, sesuai dengan kedudukannya yang juga Penggerusi Tetap UMNO.

Tun Sulaiman bukan seorang yang semata-mata mementingkan jawatan atau mengejar kemewahan material. Beliau bergerak bagi kemajuan bangsa dan negaranya, tanpa menolak faedah-faedah yang turut menimpanya. Tetapi dalam menikmati kejayaan, beliau tidak mudah lupa diri. Atas keprihatinannya dan rasa insaf terhadap orang yang kurang bernasib baik, beliau telah mengasaskan penubuhan rumah anak-anak yatim

daerah Muar. Sebahagian masa dan tenaganya ditumpukan bagi membantu golongan ini semoga mereka sama-sama dapat mencegah kemajuan dan menjadikan manusia yang berguna. Kemurahan hati Tun Sulaiman bukan terletak di sini saja. Kunjungilah rumah beliau menjelang setiap Hari Raya Puasa. Kehilatan berduduy-dudyun orang dari kawasan sekitar datang untuk merenerima zakat atau sumbangan wang daripadanya.

Dalam bidang sukan, beliau turut memberi sumbangan terutama sekali bagi permainan golf. Minat beliau dalam sukan golf ini mendorong beliau sama-sama membina padang golf di Tanjung Ketupang, Muar untuk kegunaan orang ramai. Kemudianya sebagai wakil rakyat, beliau turut mengasaskan sebuah klub golf di Johor Bahru. Dengan kesuntutan masanya, beliau masih berkesempatan menguruskan pasukan bola sepak Melayu di peringkat negeri. Penglibatan beliau dalam kedua-dua sukan ini adalah bukti tumpuannya tidak semata-mata kepada politik atau perniagaan.

Semasai berkhidmat dalam kerajaan dan sektor swasta, beliau mengunjungi beberapa negara kerana urusan-urusan tertentu. Kunjungan beliau itu dimanfaatkan sepuhnya untuk mempelajari perkara baru atau mengambil contoh-contoh yang baik untuk dilaksanakan di negaranya sendiri. Beliau tertarik dengan perkara-perkara yang dilihatnya dan merekodkannya dalam ingatan. Yang diperhatikannya itu bukan sekadar kemajuan-kemajuan yang dicapai atau sifat-sifat terpuji sesetengah bangsa. Kedaifan dan kemunduran turut di perhatian, khasnya yang berkait dengan kedudukan kaum bumiputera di negara-negara tertentu.

Ada pemimpin yang lebih muda dan lebih tinggi pendidikan berperluang ke luar negara sewaktu menjalankan tugas mereka tetapi tiada sensitiviti seperti Tun Sulaiman. Beliau berasa gundah terhadap keadaan penduduk asal di pulau Hawaii yang diletakkan dalam kawasan rezab hingga kalau kita hendak melihat mereka dikenakan bayaran beberapa dolar. Sementara di Pulau Fiji pula, bumiputera hilang kuasa politik buat seketika kepada kaum imigran, tetapi nasibnya baik ada pihak yang bertindak pantas mengembalikan kuasa itu.

Dua sahabat baik Tan Sri Hassan Haji Yunos (Menteri Besar Johor 1959-1967) dan Tun Sulaiman Ninam Shah (Ahli Exco Kerajaan Johor).



TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO






Implikasi daripada penglihatan beliau ialah apakah perkara yang sama tidak akan menimpa orang Melayu dan bumiputera lain di Malaysia?

Sebagai seorang yang telah berjuang dalam kancang politik tanah air sejak zaman British lagi, Tun Sulaiman tidak sanggup melihat kejadian seperti ini berlaku di negaranya sendiri. Sebab itulah, apa pun yang melanda UMNO beliau tidak meninggalkan parti. Beliau bimbang perbuatan ini akan menyebabkan orang Melayu hilang ketuanan mereka. Dia yang telah makan garam terlebih dahulu tahu bagaimana gerombolan komunis nyaris-nyaris dapat berkuasa di Tanah Melayu dan kemudian dia tidak kurang kumpulan lain yang bernafsu cuba merampas hak bumiputera di negara ini. Dalam konteks itulah beliau bangun menentang tuntutan Suciqur sedangkan orang muda diam seribu bahasa.

Kebanyakan orang apabila telah kaya atau mempunyai wang lebih tidak mahu lagi mempedulikan hal seperti ini. Tetapi tidak dengan Tun Sulaiman. Seorang nasionalis yang komited kepada bangsanya, beliau tidak mahu generasi baru yang hidup serba mewah lupa sejarah. Hak-hak bumiputera yang ada hari ini diperoleh melalui kontrak sosial yang dicapai dengan kaum lain menjelang kemerdekaan yang tidak boleh dirundingkan. Keamanan dan kestabilan negara bergantung kepada kontrak ini yang perlu dihormati oleh semua pihak. Mempersoalkan kontrak ini pasti akan membawa bencana.

Walaupun telah beroleh kejayaan dalam bidang yang diceburinya dan meningkat daripada seorang rakyat biasa hingga boleh bersentuh bahu dengan pemimpin-pemimpin tertinggi negara, Tun Sulaiman tidak lupa pada akarnya. Betapa sibuk beliau semasa menjadi Ahli Exco Kerajaan Johor atau menjalankan perniagaan di Kuala Lumpur, dia tetap pulang ke rumahnya di Muar. Dia tidak pernah pindah ke rumah lain kerana tidak mahu memisahkan dirinya dari kawasan sekitar dan penduduknya yang menjadi sebahagian daripada hidupnya. Muar dan dirinya adalah sebatik kerana perjuangannya bermula dari sini sebagai pengasas UMNO dan Ketua Bahagian UMNO.

Tun Sulaiman Ninam Shah sedang berucap di Majlis Perhimpunan Rakyat di Muar.





Dalam segala pergerakannya beliau tidak lupa kepada tuntutan agama Islam yang mahat suci. Setiap sesuatu yang berlaku adalah kerana kehendak Allah S.W.T dan beliau berasa amat bersyukur kerana atas limpah kurniawinya beliau telah beroleh pelbagai rezeki hidup dan jawatan-jawatan yang tidak diduganya. Justeru itu beliau sentiasa mengingati Allah baik pada waktu senang atau susah. Beliau kerap mengunjungi tanah suci Makkah kerana mengucap syukur dan bermohon diberikan keadaan sihat walafiat untuk membolehkan beliau terus berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara.

Dengan jawatan dan statusnya yang tinggi, Tun Sulaiman tidak sombong. Beliau boleh bermesra dengan rakyat biasa, ahli-ahli parti dan kerabat diraja. Sahabatnya ramai di seluruh negara yang dikumpulunya sejak dari zaman sebelum perang. Dia rapat dengan pemukim-pemukim tanah air yang hidup sezaman denganannya dan orang muda yang baru dikenalinya dalam tempoh melaksanakan tugas-tugasnya. Dia tidak kekok bergaul dan mudah melayani semua orang yang mendatanginya. Rumahnya sentiasa terbuka kepada semua. Antara pengunjungnya termasuk DYMM Sultan Johor, Perdana Menteri, peniaga-peniaga, orang parti dan pemain bola sepak.

Personaliti yang dominan menjadikan beliau pemimpin yang disegani. Selama bertahun-tahun beliau mengetuai UMNO Bahagian Muar beliau tidak ada pencabar. Begitu juga sebagai Pengerusi Tetap UMNO Malaysia. Beliau kerap menang tanpa bertanding, seperti pada pemilihan 2000. Lebih penting beliau seorang yang dapat menyempurnakan kerjanya dengan baik. Beliau boleh menjerit dan mengherdik pembantu-pembantunya sehingga sesuatu kerja itu selesai. Tetapi jangan ambil hati. Itulah tabiat semula jadinya. Di sebalik kekerasan dan suaranya yang kuat ada pula senda gurau yang menyenangkan.

Kejayaannya baik dalam politik atau perniagaan adalah kerana ketelitian kerjanya, ketegasan dalam membuat arahan-arahan dan melaksanakannya serta hubungan manusia yang baik. Setiap orang yang berjaya

Berjalan di pekarangan istana untuk pergi menghadap sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Mahmood Iskandar. Tun Sulaiman di hadapan.



Perdana Menteri bersama beberapa pemimpin Barisan Nasional di kediaman Menteri Besar Johor menjelang pilihan raya 1999. Di barisan hadapan (dari kiri): Dato' Seri Ong Ka Ting, Dato' Zainal Abidin bin Mohd. Zain, Dato' Chua Ju Meng, Tun Sulaiman, Dato' Seri Dr. Mahathir, Dato' Abdul Ghani Othman, Dato' Seri Syed Hamid Albar. Di barisan belakang (dari kiri): Dato' Hishamuddin Tun Hussein, Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd. Yassin, Dato' Ali Hassan, Dr. Abdul Latiff Haji Ahmad dan Dato' Subramaniam.

pasti cepat mengesan peluang-peluang di hadapannya. Kegigihan yang disertai semangat tidak mahu mengalah inilah yang mendorong beliau bergerak aktif dalam persada politik tanah air dan liku-liku perniagaan yang sensit. Sedangkan selama lebih tiga puluh tahun penglibatannya itu, beliau berada dalam keadaan kesihatan yang tidak begitu mengizinkan. Kalau kita, terkena sahaja serangan jantung, mungkin telah mengundurkan diri atau tidak mahu berbuat apa-apa lagi. Tetapi Tun Sulaiman, seperti juga Dato' Seri Dr. Mahathir, tidak begitu. Sejak penyakitnya dikesan beliau tidak berhenti-henti aktif dalam perniagaan dan bidang kemasyarakatan di samping menjadi Pengerusi Tetap UMNO.

Dalam melaksanakan pelbagai tugasannya, Tun Sulaiman masih ada masa untuk kaum keluarga dan hobinya. Beliau sentiasa bekerja dan membuat persediaan untuk anggota keluarganya supaya dapat hidup seperti yang selayaknya. Kasih sayang dicurahkan kepada mereka. Ikatan keluarga sentiasa dijaga dan dikalkan dengan pertemuan yang berterusan. Pada usia mudanya beliau bermain golf untuk latihan jasmani, yang kemudiannya beralih kepada berkebun dan memelihara ternakan di sekitar kawasan rumahnya yang luas. Beginilah cara beliau mendapat ketenangan di tengah-tengah kesibukan tugas.

Kesihatannya cukup dijaga. Beliau kuat berpegang kepada hadis Nabi bahawa setiap penyakit ada ubatnya. Maka apabila penyakit jantung mula-mula dikesan

pada dirinya, beliau tidak puas-puas berikhtiar mencari penawarnya. Apabila beliau pergi ke luar negara untuk lawatan kerja atau melancang, beliau mengambil kesempatan ini menemui doktor-doktor pakar bagi menyembuhkan penyakitnya. Selain usaha-usaha yang zahir, beliau bertawakal kepada Allah dan memohon restu-Nya agar diberi kesihatan, dilanjutkan usia dan dapat terus menumpahkan khidmat kepada masyarakat. Alhamdulillah hingga ke hari ini beliau masih mampu menuunaikan kewajipannya.

Semasa berada di atas pentas, Tun Sulaiman nam-pak begitu hebat mengendalikan persidangan. Begitu juga dalam mesyuarat parti atau urusan perniagaan sehingga kita tidak menyangka beliau ada menyimpan kesakitan. Itulah keluarbiasaananya. Beliau sentiasa bergerak cergas seperti orang muda dengan membuat segala yang patut bagi kekuatan UMNO yang benar-benar dipercayainya sebagai parti penyelamat bangsa Melayu. Dengan itu ahli-ahli parti, masyarakat Melayu dan negara amnya beruntung dengan kehadiran seorang seperti beliau. Kita berdoa (selagi diizin Allah) agar beliau akan terus berada di samping kita untuk dapat mendengar hilai ketawanya di samping menyumbangkan khidmat yang tidak ternilai kepada agama, bangsa dan negara.

WAN MOHD MAHYIDDIN



Tun Sulaiman (tengah) bergambar bersama Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) dan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi (kiri) selepas penerimaan Darjah Kebesaran S.S.M. yang bergelar "Tun".



PERHIMPUNAN AGUNG UMNO ALAF BARU

DALAM sejarah politik negara tidak ada perhimpunan agung parti yang lebih meriah dan lebih bermakna daripada Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan pada setiap tahun. Wakil-wakil parti dari seluruh negara berhimpun di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra bagi membincangkan dasar-dasar yang akan diterima menjadi sebahagian dasar negara. Ini adalah kerana mereka yang memimpin UMNO adalah juga memimpin negara. Pada tahun-tahun tertentu juga berlangsung pemilihan Majlis Tertinggi UMNO, menyebabkan suasana lebih meriah dan lebih mendebarkan daripada biasa. Ahli-ahli yang terpilih itu akan menjadi peneraju parti dan negara, dengan itu merupakan orang yang sangat penting dalam parti dan masyarakat Melayu.

Semasa menjadi Pengurus Tetap UMNO, saya berpeluang mempengerusi perhimpunan-perhimpunan ini sebanyak 25 kali baik bagi menjalankan agenda bisaya atau pemilihan pucuk pemimpin parti. Di sini saya ingin mengambil peluang merakamkan detik-detik bersejarah Perhimpunan Agung UMNO pertama pada alaf baru yang berlangsung pada 11 hingga 13 Mei 2000.

Pada hari pertama, sebaik sahaja Tan Sri Khalil Yaacob, Setiausaha Agung UMNO selesai membentangkan kertas persidangan UMNO di hadapan ahli-ahli Majlis Tertinggi serta para perwakilan, beliau menyerahkan perhimpunan yang bersejarah itu kepada saya untuk dikendalikan.

Saya pun mengambil tempat di kerusi Pengurus Tetap dan majlis perhimpunan dimulakan dengan nyanyian lagu-lagu kebangsaan, UMNO dan Barisan Nasional. Kemudian diikuti seperti lazimnya dengan bacaan doa semoga perhimpunan UMNO sentiasa diberkati Allah S.W.T. Selepas bacaan doa, saya terlebih dahulu memaklumkan bahawa parti-parti politik dari beberapa negara telah diundang sebagai pemerhati ke perhimpunan UMNO. Wakil-wakil yang turut hadir ialah dari Kemboja (3), Laos (3), Afrika Selatan (2), Sudan (2), Yemen (3), Singapura (2), Korea Utara (3), PKMS-Singapura (2), Myanmar (2), China (4), Bosnia-Herzegovina (1), Cuba (1), Filipina (3), Indonesia (8), Iraq (3), Vietnam (3) dan Libya (1). Di samping itu terdapat 18 kelab UMNO luar negara yang menghantar 21 orang pemerhati ke perhimpunan ini. Jumlah keseluruhan perwakilan yang menghadiri perhimpunan ialah seramai 2011 orang.



Bendera UMNO berkibar megah di pekarangan Ibu Pejabat UMNO.

Saya juga menyampaikan ucapan dan pesanan kepada majlis perhimpunan itu sebelum menjemput Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO untuk menyampaikan ucapan dasarnya. Ucapan saya:

"Hari ini adalah sejarah bagi UMNO kerana umurnya telah menjangkau 54 tahun; dan hari ini juga adalah satu sejarah bagi saya dalam UMNO kerana saya juga telah 54 tahun menjadi ahli UMNO dari UMNO mula ditubuhkan pada tahun 1946. Sehingga hari ini tidak pernah saya keluar dan masuk kembali, melainkan menjadi ahli yang setia. Dalam tempoh tersebut, selama 18 tahun saya menjadi Timbalan Ketua dan Ketua UMNO Bahagian Muar, 10 tahun menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan Exco Johor dan enam tahun

menyandang jawatan senator termasuk tiga tahun sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara.

"Dan hari ini menjadi sejarah bagi diri saya kerana telah genap 25 tahun menjadi Pengurus Tetap UMNO (termasuk sebagai pemangku). Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada 162 Bahagian yang telah mencalonkan saya untuk terus memegang jawatan ini. Satu pencalonan yang menantang saya tidak sah. Dengan ini saya mendapat pencalonan sah daripada 162 Bahagian. Ini adalah satu penghormatan bagi saya. Terima kasih banyak-banyak kepada 162 Bahagian yang berkenaan.

"Hari ini genap umur saya 80 tahun, 5 bulan 9 hari. Insya-Allah jika dipanjangkan Allah usia saya untuk menjalankan tugas sebagai Pengurus Tetap sehingga tahun 2003. Ini bererti umur saya akan mencapai 83 tahun tengah. Sekiranya sebelum tahun 2003, saya telah tiada hayat, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana saya dapat berkhidmat kepada UMNO sehingga ke akhir hayat saya.

"Para perwakilan sekalian, ahli-ahli UMNO serta orang Melayu. Marilah kita bersatu padu mempertahankan hak kita, negara kita dan agama kita. Jangan lepaskan kuasa orang Melayu memerintah negara kita kepada orang lain yang bukan orang Melayu. Kata-kata Hang Tuah, 'Tak kan Melayu hilang di dunia' itu betul. Adakah kita suka terjadi kepada orang Melayu macam orang Hawaii? Di Hawaii, kalau kita hendak mencari perkampungan penduduk asal, kita kena bayar 10 dolar A.S baru berjumpa. Saya harap kita jangan terjadi seperti orang Hawaii itu. Begitu juga di Fiji, bukan orang Fiji yang memerintah tetapi orang India. Ini banyak menimbulkan masalah kepada bumiputera pulau itu. Akhirnya George Speight telah mengambil alih kuasa daripada orang India.

"Saya sangat berharap kepada orang Melayu jangan lepaskan kuasa yang ada di tangan mereka sekarang kepada bangsa lain. Kuasa ini hendaklah dikekalkan sampai bila-bila masa pun. Pepatah Melayu menyebut, 'Biar putih tulang, jangan putih mata.' Apa gunanya jika bangsa kita wujud tetapi tiada kuasa di negara sendiri. Jawabnya senang sahaja, marilah kita orang Melayu bersatu dalam UMNO. Insya-Allah kita akan berjaya. UMNO tidak bersalah. Kalau ada yang silap, barangkali kerana segerintir pemimpin, bukan UMNO."

Saya mengakhiri pesanan saya dengan menegaskan:

"UMNO sahajalah penyelamat bangsa Melayu, negara Melayu dan kekuasaan Melayu. Daripada itu marilah kita memelihiaranya dengan baik. Insya-Allah. Merdeka, terima kasih."

Selepas menyampaikan pesanan tersebut, saya menjemput Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO untuk menyampaikan ucapanannya kepada perhimpunan alaf baru itu. Inilah kali yang ke-20 beliau berucap di Perhimpunan Agung UMNO sejak beliau mengambil alih jawatan Presiden pada Jun 1981. Dalam tempoh dua puluh tahun itu, kandungan ucapan dan nada penyampaianya tidak berubah. Tetapi bernes, analitikal, segar dan mencabar menyebabkan dia terus diberi perhatian. Antara lain, beliau berkata:

"Perhimpunan Agung UMNO pada tahun ini diadakan pada hari jadi UMNO bagi memperingati kita akan asal usul UMNO dan sejarah 54 tahun parti kita. Dalam jangka masa itu banyak sudah kejayaan yang telah kita kecapai. Kita telah menggagalkan percubaan British untuk merampas hak orang Melayu sebagai pemilik asal Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat dan dengan itu mengekalkan hak kita ke atas Tanah Melayu.

"Kita UMNO telah berjaya menyusun strategi kerjasama luar biasa antara kaum di Tanah Melayu supaya masing-masing mengiktiraf hak masing-masing dan dengan itu dapat

Menyanyikan lagu UMNO sebaik sahaja bendera dinalikkan.







menjaya perjuangan untuk kemerdekaan negara dan kemajunya.

"Bermula dengan Persekutuan Tanah Melayu sebagai pengganti Malayan Union, kita telah menubuhkan negeri Malaysia yang lebih besar bersama-sama dengan negeri Sabah, Sarawak dan Singapura. Tidak ada kekerasan yang digunakan untuk menyatupadukan negeri-negeri ini. Hanya diplomasi dan rundingan di meja oleh sesebuah kerajaan yang dipimpin oleh parti yang dianggap tidak berpengalaman dalam bidang rundingan yang mempunyai sensitiviti kedaerahan, kaum dan agama.

"Pada tahun 1969 berlaku rusuhan kaum yang telah lama diramalkan oleh pemerhati-pemerhati asing. Peramal-peramal ini gembira dengan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 kerana mereka percaya Malaysia akan hancur, tidak aman dan tidak selamat. Malaysia, kata mereka, tidak mungkin dibangunkan dan dimajukan. Orang Melayu yang berkuasa melalui UMNO tetap akan mengadakan pemerintahan yang zalim yang akan merampas harta kepunyaan bukan Melayu.

"Tetapi sekali lagi UMNO membuktikan kebijaksanaannya. Tidak ada rampasan yang dilakukan tetapi dibentuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan dengan membesarkan kek ekonomi, bumiputera memperoleh hak mereka tanpa merampas hak bukan bumiputera.

"Dengan itu berlaku pembangunan negara yang berterusan dalam suasana aman dan harmoni. Bumiputera dan bukan bumiputera mendapat nikmat yang banyak, jelas kelihan kemakmuran yang tidak dijangka oleh sesiapa. Mereka yang meramalkan Malaysia hancur terpinga-pinga melihat apa yang dipanggil oleh mereka *The Malaysian economic miracle* atau 'keajaiban ekonomi Malaysia'."

Tentang perpecahan orang Melayu, Dato' Seri Dr. Mahathir berkata, "Jika dahulu UMNO berjaya menyatupadukan orang Melayu, apakah UMNO kali ini tidak boleh menyatupadukan mereka semula? Tetapi boleh atau tidak, kita mesti cuba. Itu adalah semangat UMNO. Kita tidak boleh mudah kecewa dan menyerah kalah. Kita bertanggungjawab kepada bangsa Melayu."

Ahli-ahli Majlis Tertinggi memberi tepukan sebaik saja Presiden UMNO, Dato' Seri Dr. Mahathir dijemput untuk menyampaikan ucapan perasmian di Perhimpunan Agung Alaf Baru tahun 2000.



Tun Sulaiman Ninam Shah mempengerusikan
Perhimpunan Agung 2000.

Beliau menyesali nilai-nilai murni agama Islam yang terbentuk pada zaman Nabi Muhammad s.a.w sudah diketepikan oleh kebanyakan orang Islam. Katanya, "Persaudaraan dan perpaduan dalam Islam tidak lagi diamalkan oleh orang Islam. Di mana-mana sahaja mereka bermusuhan sesama sendiri bahkan sanggup berubah dengan musuh-musuh Islam untuk mengalahkan orang yang seagama dengan mereka.

"Di Malaysia, ini juga sudah berlaku. Sudah ada orang Melayu yang membentarkan diri mereka dihasut oleh musuh supaya menggalakkan usaha untuk memaju dan mengembalikan kecemerlangan tamadun Melayu dan Islam.

"Dengan terbentuknya puak-puak yang bertentangan pendapat berkenaan agama, maka permusuhan sesama orang Islam akan berlaku dan mereka akan memusuhkan diri mereka sendiri. Oleh itu musuh mereka menggalak dan memuji kumpulan-kumpulan serpihan di kalangan orang Islam supaya menyerang kumpulan tunjang yang majoriti. Akhirnya gagalalah usaha orang Islam untuk menguasai segala ilmu dan kecekapan yang membolehkan mereka bersaing dengan bangsa lain.

"Tugas UMNO ialah cuba menyeru orang Melayu kembali kepada persaudaraan dan perpaduan seperti yang diajar oleh Islam supaya strategi mereka yang benci kepada orang Islam tidak akan berjaya. Untuk ini parti-parti serpihan orang Islam mestilah disedarkan bahawa mereka sudah dipermain dan diperalat oleh musuh-musuh Islam.

"Insya-Allah, jika UMNO terus berusaha menyuarakan yang benar, akhirnya akan ada juga mereka yang akan menolak kemungkaran dan menerima kebenaran. Ini jelas seperti mana firman Allah S.W.T dalam *Surah al-Isra'*, ayat 81 yang bermaksud:

Telah datang kebenaran dan hilang lenyaplah perkara yang salah; sesungguhnya yang salah itu suatu perkara yang tetap lenyap.

Surah Ali-Imran, ayat 104 yang bermaksud:

Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.

Dato' Seri Dr. Mahathir amat bimbang dengan globalisasi atau dunia tanpa sempadan. Dapat dilihat bagaimana syarikat dan bank-bank di negara berdekatkan menjadi tenat dan terpaksa dijual kepada orang Barat. Jika perkara yang sama menimpah Malaysia, beliau berpendapat: "Kita hanya akan menjadi pekerja dalam syarikat asing. Mereka akan membayar gaji yang lebih tinggi kerana ini akan membolehkan kita membeli barang mereka yang terpaksa kita import. Tidak akan ada perusahaan nasional lagi. Tidak akan ada Dasar Ekonomi Baru. Tidak akan ada keistimewaan apa-apa bagi bumiputera dalam bidang ekonomi.

"Apabila mereka (Barat) sudah menguasai semua urusan ekonomi kita, mereka akan campur tangan dalam bidang politik pula dan mereka akan menentukan siapa yang akan membentuk kerajaan di negara kita. Kita sudah lihat ini berlaku di negara-negara lain di mana mereka menaik dan menjatuhkan kerajaan sesuka hati mereka. Percubaan juga dibuat di negara kita untuk menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang."

Tentang pilihan raya dan keadaan dalam UMNO, Dr. Mahathir berkata: "Parti PAS berjaya memperalatkan Dato' Seri Anwar Ibrahim, Parti Keadilan dan Parti DAP untuk meraih undi dalam pilihan raya 1999. Tetapi ini tidak bermakna bahawa UMNO dan ahli-ahlinya tidak menyumbang kepada prestasi yang kurang baik ini. Kejayaan orang Melayu kerana DEB telah membawa pertukaran yang ketara dalam budaya dan nilai hidup mereka. Hari ini sikap kebendaan dan tamak haloba sudah mengganti semangat kemeluan di kalangan ramai orang Melayu.

"Ahli-ahli UMNO juga sudah lupa kepada semangat kemeluan. Mereka juga sudah menjadi tamak. Penyertaan dalam UMNO kerap kali lebih disebabkan untuk mendapat jawatan dan nikmat tertentu. Ada yang ingin mendapat kekayaan dengan mudah. Justeru itu perebutan sering berlaku untuk menjadi pemimpin UMNO di semua peringkat, dari ketua cawangan sehingga ke presiden parti.

"Jika perebutan kedudukan atau jawatan memecahkan parti, menimbulkan perasaan melut di kalangan orang ramai terhadap parti, ini tidak mengapa. Yang penting bukan parti, bukan bangsa, bukan negara tetapi yang penting dan utama ialah diri sendiri. Jika gagal mendapat sesuatu, gagal menjadi calon umpamanya, ada pemimpin UMNO dan penyokongnya yang sanggup berusaha mengalahkan calon parti."

Setelah berucap hampir dua jam, Presiden UMNO menutup ucapan dasarnya dengan memanjangkan doa ke hadrat Allah S.W.T yang turut diaminkan oleh semua perwakilan dalam perhimpunan itu. Sepengetahuan saya belum pernah lagi mana-mana Presiden UMNO yang terdahulu daripadanya telah mengangkat tangan memohon doa secara terus ke hadrat Allah S.W.T. Doa-doa sebelum ini dipanjangkan oleh tokoh-tokoh agama yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.

Dato' Seri Dr. Mahathir mengajak ahli-ahli UMNO supaya bersama-sama berdoa ke hadrat Allah S.W.T, dengan mengangkat tangan kita dan memohon kepada-Nya:

Ya Allah, Ya Tuhan kami, berikanlah kami kekuatan iman, ketabahan hati supaya kami meneruskan perjuangan kami untuk kaum bangsa kami yang juga umat Islam-Mu, perjuangan untuk memajukan bangsa, agama dan negara kami sebagai sebahagian daripada usaha memulihkan kecemerlangan tamadun Islam. Ya Allah, berilah hidayah-Mu kepada kami supaya waras dalam membuat pertimbangan dan pilihan. Lindungi hati kami daripada terpengaruh dengan apa-apa hasutan dan pujanan. Lindungi bangsa dan negara kami daripada niat dan tindakan buruk oleh musuh-Mu dan musuh kami.

Selesai Presiden UMNO menyampaikan ucapan dasarnya, saya mengumumkan bahawa perhimpunan berhenti rehat seketika dan akan disambung semula pada pukul 12.30 tengah hari. Saya memberitahu bahawa pengundian bagi pemilihan Ahli Majlis Tertinggi akan dilaksanakan sebaik sahaja perhimpunan disambung semula. Oleh yang demikian saya mengingatkan supaya semua perwakilan dikehendaki berada semula di dalam dewan lima minit sebelum persidangan dimulakan.

Apabila persidangan disambung semula, semua Ahli Majlis Tertinggi termasuk Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden serta perwakilan telah sedia mengambil tempat masing-masing. Saya menjelaskan bahawa proses pengundian pemilihan Ahli Majlis Tertinggi termasuk jawatan Naib-naib Presiden, Timbalan Pengurus Tetap akan dilaksanakan beberapa ketika lagi. Jawatan Pengurus Tetap, Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan kali ini. Ini kerana bagi jawatan Presiden Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah

menang tanpa bertanding setelah mendapat 162 pencalonan daripada 165 undi Bahagian. Seorang lagi mendapat 2 pencalonan dari 2 Bahagian manakala pencalonan satu lagi ditolak kerana persidangan Bahagian berkenaan tidak sah.

Jawatan Timbalan Presiden pula telah dimenangi oleh Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang berjaya memperoleh 161 pencalonan daripada jumlah 165 Bahagian. Saya sendiri selaku Pengurus Tetap menang tanpa bertanding berikutan pencalonan seorang yang menentang saya dibuat oleh sebuah Bahagian UMNO yang persidangannya tidak sah.

Sebelum proses pengundian pemilihan Ahli Majlis Tertinggi dijalankan, saya menjemput Tan Sri Kamarul Ariffin, Pengurus Jawatankuasa Pemilihan bagi menerangkan tatacara perjalanan pemilihan yang akan dilaksanakan. Terang beliau kepada perwakilan: "Pemilihan jawatan-jawatan UMNO berdasarkan Fasal 8 dan Fasal 9, Perlumbagaan UMNO serta kaedah pencalonan dan pengundian Peraturan 28 persidangan Perhimpunan Agung. Satu jawatan Timbalan Pengurus Tetap hingga Naib-naib Presiden dan 25 Ahli Majlis Kerja Tertinggi perlu dipilih. Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden telah dimenangi tanpa bertanding, begitu juga jawatan Pengurus Tetap." Kata beliau lagi, "Supaya undi tidak rosak, setiap ahli perwakilan hendaklah memangkah kertas undi mengikut jumlah yang dikehendaki sahaja. Tidak kurang dan tidak lebih."

Saya kemudiannya menerangkan tatacara pengundian supaya majlis pengundian dapat dijalankan dengan lancar. Jelas saya kepada perwakilan: "Saya ingin memberitahu sedikit. Pertama sekali, saya akan menjemput Presiden dan Timbalan Presiden serta Naib-naib Presiden dan kemudian Ahli Majlis Tertinggi untuk pengundian. Selepas membuat pengundian, Ahli Majlis Tertinggi mengambil tempat semula di pentas. Bagi perwakilan Bahagian, habis sahaja mengundi boleh meninggalkan dewan ini dan boleh masuk kembali ke dewan ini pada jam 4.00 petang. Kerana saya difahamkan oleh Pengurus Jawatankuasa Pemilihan pengundian dapat diselesaikan dalam tempoh tiga jam."

Sambung saya lagi, "Majlis Tertinggi telah memutuskan bahawa keputusan pengundian akan diisytiharkan hari ini juga. Pukul berapa saya tidak tahu. Tetapi apabila keputusan itu diperoleh, insya-Allah saya akan memaklumkannya walaupun pada pukul 3.00 pagi."

Untuk pengundian, mula-mula saya menjemput 45 Ahli Majlis Tertinggi turun membuang undi di meja No.



Tiga orang Ahli Jawatankuasa Pemilihan UMNO berdiri sebelum Perhimpunan Agung bermula. Tan Sri Kamarul Ariffin (Pengerusi) di kanan, Tan Sri Jeneral (B) Zaini Hashim di tengah dan Tan Sri Zaki Tun Azmi (Setiausaha) di kiri.





Tun Sulaiman (kanan) bersama Tengku Razaleigh Hamzah sebelah kanannya, diikuti dengan Tun Daim Zainuddin dan Tan Sri Sanusi Junid.

Persidangan Perhimpunan Agung UMNO 2000 sedang berlangsung.

14. Selepas itu diikuti oleh wakil Pergerakan Pemuda seramai 10 orang di meja No. 7 dan wakil Pergerakan Wanita juga 10 orang di meja No. 8. Seterusnya saya menjemput wakil-wakil Bahagian Selangor seramai 11 orang di meja No. 1. Begitulah seterusnya proses pengundian dijalankan mengikut perwakilan bahagian-bahagian sehingga kesemua 164 Bahagian yang layak mengundi selesai berbuat demikian pada pukul 3.30 petang itu.

Selepas rehat minum teh pukul 4.30 petang, saya memberi peluang kepada perwakilan untuk membahaskan usul Ucapan Dasar Presiden yang dicadangkan oleh wakil dari Johor. Empat orang wakil telah berucap pada hari yang pertama, iaitu wakil Pergerakan Pemuda UMNO, negeri Johor, Pahang dan Sabah sebelum persidangan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.

Sewaktu menghadiri majlis Jamuan Perdana pukul 8.30 malam, saya menerima keputusan pemilihan Majlis Tertinggi daripada Pengurus Jawatankuasa Pemilihan, Tan Sri Kamarul Ariffin. Saya menunggu pukul 9.30 untuk mengisyiharkan keputusan pemilihan jawatan-jawatan daripada Timbalan Pengerusi Tetap, Naib-naib Presiden serta 25 orang Ahli Majlis Tertinggi bagi tempoh tahun 2000-2003. Pengisyiharan keputusan tersebut telah disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM dan TV3.



Mesyuarat Majlis Tertinggi pada malam sebelum Perhimpunan Agung. Tun Sulaiman memaklumkan kepada Presiden UMNO, Dato' Seri Dr. Mahathir tentang persediaan beliau untuk mempengerusikan persidangan keesokan hari.

Kata saya sewaktu mengumumkan keputusan tersebut di Dewan Merdeka: "Assalamualaikum wbkt. Bismillahirrahmanirahim. Adalah saya Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai Pengerusi Tetap UMNO Malaysia, akan mengumumkan keputusan yang telah dibuat oleh perwakilan UMNO pada sebelah pagi ini. Keputusan pemilihan jawatan-jawatan Pengurus Tetap, Timbalan Pengurus Tetap dan Ahli Majlis Tertinggi adalah seperti, berikut...."

Saya menyebutkan mereka yang telah menang itu, iaitu (1) Pengurus Tetap – Tun Sulaiman Ninam Shah (menang tanpa bertanding), (2) Timbalan Pengurus - Dato' Seri Haji Onn Ismail (867 undi), (3) Presiden - Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (menang tanpa bertanding), (4) Timbalan Presiden – Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi (menang tanpa bertanding), (5) Naib-naib Presiden – Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak (1289 undi), Tan Sri Muhammad bin Muhsin Taib (853 undi) dan Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin (813 undi).

Dan seterusnya keputusan bagi 25 orang yang telah berjaya menduduki Majlis Tertinggi. Saya mengakhiri ucapan dengan berkata, "Sekianlah saya maklumkan keputusan yang telah dibuat pada malam ini. Saya bagi pihak UMNO Malaysia mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan, Tan Sri Kamarul Arifin serta Ahli Jawatankuasa kerana telah dapat menyempurnakan kewajipan yang memuaskan hati semua pihak."

Persidangan hari yang kedua bermula pada 8.30 pagi dengan saya mengulangi keputusan pemilihan bagi jawatan Ahli Majlis Tertinggi yang telah saya umumkan sebelum itu. Ini bertujuan supaya setiap ahli perwakilan mendapat maklumat yang sah dan tepat. Selesai sahaja pengumuman, saya menjemput wakil negeri Perak untuk meneruskan perbahasan Usul Ucapian Dasar Presiden. Ini diikuti dengan wakil-wakil dari negeri Terengganu, Melaka, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Pergerakan Wanita UMNO dan Kelab UMNO Luar Negara.

Pada sebelah petang Usul Agama telah dibawa oleh wakil UMNO negeri Kedah diikuti dengan tiga orang wakil berucap menyokong usul ini, iaitu daripada Pergerakan Wanita UMNO, Pulau Pinang dan Pahang. Persidangan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.

Sebelum saya memulakan persidangan pada hari yang ketiga, saya mengumumkan kepada perwakilan

jumlah keahlian UMNO bagi negeri-negeri dalam Malaysia seperti yang terdapat dalam rekod Ibu Pejabat: (1) Johor – 398 983, (2) Sabah – 378 582 (3), Selangor – 329 544, (4) Kelantan – 301 747, (5) Perak – 267 809, (6) Kedah – 241 930, (7) Pahang – 203 396 (8) Terengganu – 117 030 (9) Pulau Pinang – 130 152 (10) Negeri Sembilan – 129 116, (11) Wilayah Persekutuan – 115 805, (12) Melaka – 93 911, (13) Perlis – 43 620. Jumlah keseluruhan ialah 2 813 625 ahli.

Saya juga mencatat 10 bahagian yang paling banyak keahliannya untuk pengumuman, iaitu Bahagian Silam (Sabah) – 36 117; Bahagian Gombak (Selangor) – 31 963; Bahagian Kota Tinggi (Johor) – 30 519; Bahagian Beaufort (Sabah) – 30 011; Bahagian Libaran (Sabah) – 28 726; Bahagian Sri Gading (Johor) – 28 524; Bahagian Samporna (Sabah) – 27 692; Bahagian Pasir Putih (Kelantan) – 27 589; Bahagian Shah Alam (Selangor) – 27 129 dan Bahagian Tawau (Sabah) – 25 905.

Setelah para perwakilan yang memenuhi tempat masing-masing melebihi satu pertiga, saya mengumumkan bahawa persidangan pada hari itu akan bermula. Kata saya: "Saya berharap wakil setiap negeri dapat berucap sebelum saya menamatkan sesi pagi ini pada pukul 10.30. Pada pukul 11.00 pagi saya akan mulakan Usul Ekonomi sehingga 1.00 petang. Pada pukul 2.30 petang, Ahli-ahli Majlis Tertinggi, Naib-naib Presiden, Timbalan Presiden dan Presiden akan menjawab segala hujah wakil-wakil yang telah berucap."

Usul Agama yang belum selesai dibahas pada hari kedua disambung pada sebelah pagi dengan empat orang wakil dapat berucap iaitu dari negeri Johor, Sabah, Perak dan Wilayah Persekutuan.

Bagi Usul Ekonomi, wakil negeri Pahang menjadi pencadang manakala wakil-wakil yang berucap menyokong usul ialah dari negeri Selangor, Terengganu, Perlis dan Melaka. Kerana kesukutan masa, empat orang ini sahaja dapat berucap sebelum usul ini diluluskan. Pada pukul 2.30 petang saya menjemput Ahli Majlis Tertinggi untuk menggulung perbahasan, bermula dengan Dato' Paduka Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata, "Tindakan akan diambil segera bagi mengatasai salah faham mengenai Islam di negara ini. Dengan maklumat dan penerangan, rakyat akan lebih yakin bahawa UMNO sentiasa memperjuangkan Islam. Kita juga akan menjelaskan tentang kepentingan fardu ain dan kifayah kepada masyarakat. Ramai orang keliru dan tidak faham bahawa fardu kifayah seperti pem-



Tun Sulaiman mengumumkan keputusan pemilihan Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO bagi tempoh 2000-2003, di Dewan Merdeka. Sebelah beliau Dato' Tengku Adnan Tengku Mansor, Setiausaha Kerja UMNO.

bangunan negara penting dalam Islam...."

Saya kemudiannya menjemput Dato' Hishamuddin Tun Hussein, Ketua Pemuda UMNO untuk menyampaikan ucapananya. Antara lain beliau berkata, "Pemuda UMNO bertanggungjawab untuk memelihara kesucian Islam, membela nasib anak bangsa dan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan tanah air yang kita cintai. Tidak mungkin saya dapat melaksanakan tanggungjawab ini secara berseorang-sendirian dan tidak mungkin barisan Pemuda UMNO mampu tunaikan amanat ini tanpa tunjuk ajar. Maka bagi pihak barisan Pemuda saya sedia menerima teguran, nasihat dan kritikan dengan ikhlas dan hati terbuka...."

Ini diikuti dengan penjelasan Tun Daim Zainuddin berhubung dengan keadaan ekonomi negara. Kata beliau, "Ekonomi kita telah pulih. Kerajaan mahukan rakyat memahami ekonomi baru. Sekolah-sekolah akan dilengkapkan dengan komputer supaya anak-anak kita boleh gunakan komputer pada umur yang muda. Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang besar untuk tujuan ini.

"Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan

untuk membuat pembayaran biasiswa serta-merta. Jabatan Perkhidmatan Awam boleh mula bayar pada hari Isnin ini. Saya merayu kepada pelajar-pelajar supaya bersabar sedikit sehingga lusa. Kabinet juga telah meluluskan kenaikan eluan biasiswa berikutkan inflasi yang tinggi di negara tempat anak-anak kita belajar. Dana untuk pinjaman pelajar dalam negeri juga ditambah sebanyak RM2 bilion."

Selepas ucapan mereka yang tersebut ini, saya menjemput Naib-naib Presiden untuk menyampaikan ucapan masing-masing. Ia didahului oleh Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd. Yassin. Kata beliau, "Selepas kekalahan saya pada tahun 1996, saya telah menghadap Presiden Parti dan menyatakan bahawa saya tidak seharusnya kekal dan duduk dalam kabinet beliau kerana perwakilan sudah menolak saya. Namun, Presiden menyatakan bahawa saya seharusnya meneruskan tugas saya yang beliau tawarkan selaku Menteri Belia dan Sukan. Ini membuktikan apa yang disebut oleh Presiden bahawa kemenganan di peringkat Majlis Tertinggi tidak menentukan jawatan dalam kerajaan."

Tan Sri Muhammad Taib pula dalam ucapannya ber-

kata, "Saya pernah berkata apabila saya menjadi imam, makmum ikut saya. Sekarang saya jadi makmum, saya kena ikut imam. Jadi imam saya di negeri Selangor ialah Dato' Abu Hassan. Saya akan membantu Pak Abu untuk mengukuhkan parti di negeri Selangor dan juga seluruh negara. Saya melihat keyakinan orang Melayu kepada UMNO mesti dikembalikan.... Mereka harus sedar bahawa UMNO-lah tempat mereka perlu bergantung. UMNO inilah yang melindungi hak mereka...."

Ucapannya ini diikuti oleh Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak yang menyentuh soal latihan dalam UMNO dan pendaftaran pengundi-pengundi baru. Beliau seterusnya berkata, "Berkat sokongan dan kerjasama semua ahli UMNO, saya berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dan kewajiban saya dengan sebaik mungkin. Saya juga berjanji dan berikrar untuk memberi kerjasama

kepada Presiden dan Timbalan Presiden parti serta rakan-rakan saya yang lain supaya pentadbiran parti dan segala kerja parti dapat dijalankan dengan sebaik-sebaiknya."

Demikianlah suasana kekeluargaan dan keakraban yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO. Sesungguhnya keinsafan dan keseitaran serta semangat kekeluargaan ini harus diperkuatkan demi perpaduan dan persahabatan yang tulen. Pepatah Melayu 'Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga' harus dihayati dan diamalkan oleh setiap lapisan ahli demi memelihara kekuatan parti pada sepanjang masa.

Tiba pula giliran Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi selaku Timbalan Presiden yang baru untuk menyampaikan amanatnya yang sulung. Kata Datuk Seri Abdullah, "Pemilihan tahun ini telah selesai. Moga-moga



Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Ninam Shah tenggelam di tengah-tengah pemerhati ke Perhimpunan Agung UMNO.



Tun Sulaiman bersama Dato' Hishamuddin Tun Hussein daripada generasi ketiga keluarga Dato' Onn.

UMNO terus kukuh dan kita akan terus bersatu bagi menghadapi cabaran. Terimalah keputusan pemilihan dengan semangat penuh demokrasi. Pemilihan bijaksana para perwakilan sebenarnya telah memberi kemenangan kepada UMNO dengan menentukan barisan kepimpinan yang berwibawa. Insya-Allah barisan inilah yang akan menggerakkan segala kegiatan dalam parti dan membuat persediaan bagi meningkatkan lagi perjuangan kita."

Datuk Seri Abdullah melafazkan taat setia serta janji kepada Presiden parti dengan berkata, "Saya berjanji akan memberi kerjasama kepada Dato' Seri Presiden dan kita akan pastikan bahawa beliau tidak keseorangan. Bersama-sama dengan rakan-rakan dalam Majlis Tertinggi, kita akan menegakkan perjuangan parti. Kita tidak akan membiarkan Presiden kita menghadapi serangan daripada musuh-musuh parti dan negara berseorangan. Kita tetap bersatu."

Selapis Timbalan Presiden menyampaikan ucapannya, saya menjemput Presiden UMNO, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menyampaikan ucapan penangguhan. Beliau memulakan ucapan, "Yang Berbahagia, Tan Sri Pengurus Tetap, Ahli-ahli Majlis Tertinggi, yang lama dan yang baru, para perwakilan dan pemerhati-pemerhati khasnya. Saya hendak mulakan ucapan saya dengan mengucapkan terima kasih

kepada Pengurus Tetap. Sebabnya saya selalu lupa. Sampai sudah habis dan saya hendak balik ke tempat duduk, orang peringatkan saya telah lupa ucap terima kasih kepada Pengurus Tetap.

"Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus Tetap, terima kasih. Dalam dewan ini, dia seorang saja yang lebih tua daripada saya dan dia berjanji tiga tahun lagi dia tidak bertanding. Kalau saya tidak lupa, dulu pun dia berjanji macam itu juga. Tetapi kita kena maafkan dia kerana dia dah tua; memang macam saya juga, selalu lupa."


Dato' Seri Dr. Mahathir seterusnya berkata, "Saya tidak ada perasaan marah ataupun tersinggung atau kecewa kalau teguran dibuat terhadap diri saya. Saya di sini kerana UMNO. UMNO yang memilih saya, UMNO yang memberikan saya tempat dalam kerajaan. Tak mungkin saya menjadi Perdana Menteri jika UMNO tidak memilih saya untuk jadi Presiden.

"Apa pula kita hendak buat dengan ahli UMNO sendiri yang menentang kita? Hendak kita singkirkan semua? Kalau satu dua orang tidak mengapa. Tapi kalau 100, 200, 1000, 2000 kita singkirkan ... akhirnya UMNO akan menjadi semakin kecil dan apabila ramai yang tersingkir itu marah, mereka akan menggagalkan UMNO. Maka sukar bagi kita untuk memenangi pilihan raya."

Presiden UMNO melahirkan rasa dukacitanya terhadap segelintir mahasiswa yang telah menerima biasiswa daripada kerajaan mudah terpengaruh dengan parti lawan dan tidak berterima kasih kepada tangan yang memberi. Kata beliau, "Kerajaan kita rajin membuat macam-macam untuk rakyat. Untuk bumiputera, untuk orang Melayu. Tetapi setiap kali kita buat sesuatu kebijakan, kita dapat hasil yang tidak baik. Umpamanya, kalau dulu tidak ramai daripada orang Melayu yang dapat biasiswa, dapat pergi luar negeri, dapat pergi ke universiti, hari ini puluhan ribu yang dapat pergi ke menara gading itu.

"Apabila kita buat kerja kebijakan yang macam ini yang sebenarnya berupa ibadat. Kita percaya bahawa mereka tentulah akan berasa terhutang budi kepada kita dan berterima kasih serta menyokong kita. Tetapi oleh kerana kita biarkan begitu sahaja maka orang lain pergi mempengaruhi mereka sehingga mereka menjadi orang kuat menentang kita."

Sambung beliau, "Ada orang kata kepada saya bahawa ucapan saya (pembukaan) pada kali ini amat menarik sekali. Sebabnya ialah saya baca doa di penghujung



Dato' Seri Dr. Mahathir sedang memerhatikan label 'Perjuangan Yang Belum Selesai'. Berdiri di hujung sekali Datuk Ibrahim Ali.

ucapan saya.... Tuan-tuan dan puau-puan, saya berasa terdesak. Saya telah dipujuk, saya telah diugut, saya telah menangis di sini tetapi tidak jadi apa-apa juga. Macam-macam sudah saya buat untuk menyatapadukan UMNO. Kita berjuang untuk agama, bangsa dan tanah air. Tetapi hasilnya tidak seperti yang saya jangka. Sebab itu akhir-akhir ini saya baca doa meminta pada Allah S.W.T supaya dibuka mata hati, telinga kita dan faham bahaya yang kita hadapi sekarang ini. Kalau saya kata kita akan dijahah semula, bukan nak takutkan sesiapa kerana itu benar."

Selesai sahaja Dato' Seri Dr. Mahathir menyampaikan ucapan penangguhannya, saya terus mengumumkan bahawa persidangan ditangguhkan kepada suatu ketika

pada tahun 2001. Majlis diakhiri dengan selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Demikianlah Perhimpunan UMNO pada alaf baru yang memberikan nafas baru kepada perjuangan UMNO, membolehkannya meneruskan kekuasaan orang Melayu di tanah air ini. Walau apa pun diperkatakan tentang kekurangan parti ini, bahawa ia kownnya sudah tidak relevan lagi, ia mampu bangkit semula dengan lebih gagah dan bertenaga. Ini kerana perjuangannya lahir dari lubuk hati rakyat dan ia terus berusaha bagi memenuhi hasrat mereka itu tanpa mempedulikan pelbagai rintangan dan dakyah yang disebarluaskan terhadapnya oleh pihak-pihak yang tidak berniat baik.



PERANAN PENGERUSI TETAP

DALAM mengendalikan persidangan UMNO sejak tarikh penubuhannya hingga sekarang saya dapat peranan Pengerusi Tetap sangat penting. Dia adalah orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam memastikan setiap agenda persidangan berjalan dengan licin dan mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Justeru tidak semua orang layak menjadi Pengerusi Tetap, malah ramai yang gugup sekiranya dicadangkan memegang jawatan ini.

Jawatan Pengerusi Tetap nampak tidak berpengaruh berbanding jawatan-jawatan yang dipilih oleh perwakilan atau jawatan-jawatan dilantik. Ini kerana Pengerusi Tetap menampakkan kehadirannya seolah sahaja dalam setahun iaitu sekutu persidangan berlangsung. Pada masa itu dia menjadi orang penting dan perhatian tertumpu kepada dirinya. Dia memberi amanat dan nasihat-nasihat kepada ahli perwakilan sebelum persidangan dimulakan. Kebijaksanaannya dalam memandu persidangan dipandang tinggi dan dihargai walaupun beliau bukan seorang pembuat dasar atau aktivis parti seperti penyandang jawatan lain.

Di peringkat tertinggi iaitu UMNO Pusat, ahli-ahli yang mempunyai pengalaman yang lama dalam parti atau kerajaan biasanya terpilih ke jawatan Pengerusi Tetap. Mereka adalah orang yang berwibawa dan disegani kerana jasa-jasa mereka, di samping kelayakan memegang jawatan yang melibatkan interaksi dengan pemimpin-pemimpin utama parti, termasuk Presiden. Kerusi tempat duduknya adalah sekali lebih tinggi dari meja yang membariskan Ahli Majlis Tertinggi. Sesatu Perhimpunan Agung itu mungkin sempurna atau kecoh bergantung kepada cara beliau mengendalikan persidangan. Majlis Tertinggi dan ahli-ahli perwakilan berharap kepada beliau agar persidangan berjalan dengan baik.

Bagi Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Pusat, pemilihan Pengerusi Tetap adalah juga daripada kalangan ahli-ahli yang berpengalaman dalam parti dan juga kerajaan. Biasanya dalam Pemuda mereka yang telah mencecah umur 40 tahun dipilih dengan keutamaan kepada yang memegang jawatan dalam kerajaan seperti Timbalan Menteri atau Ahli Exco Negeri. Bagi Wanita tiada had umur dengan ahli-ahli yang veteran dan pernah berkhidmat sebagai menteri mudah dipilih.

Di peringkat Bahagian, Pengerusi Tetap yang terpilih



Pengerusi Tetap, Tun Sulaiman Ninam Shah memberikan arahan di satu Perhimpunan Agung UMNO.



Dato' Seri Dr.Mahathir Mohamad menyatakan sesuatu kepada DYMM Sultan Iskandar di Istana Balai Besar Johor Bahru sempena hari ulang tahun UMNO pada 11 Mei 1989. Di sebelah kiri sekali Tan Sri Mohamad Rahmat dan di sebelah kanan Tun Sulaiman.

adalah mereka yang berpengalaman dan ada keupayaan mengendalikan persidangan. Dia seorang yang mengetahui aturan dan peraturan parti dan dianggap tidak begitu berminat untuk menjadi ahli jawatankuasa yang dipilih atau lantikan. Prestijnya tidak setinggi Pengerusi di peringkat pusat namun apabila ada pertandingan untuk jawatan-jawatan dia boleh memainkan peranan yang menguntungkan sesuatu pihak, tetapi sebagai Pengerusi dia perlu berkecuali.

Sampai di peringkat cawangan, pemilihan Pengerusi Tetap menjadi masalah. Tidak ramai ahli parti yang cukup berminat atau mempunyai kemahiran untuk memegang jawatan ini. Terpaksa tolak orang itu dan orang ini supaya dipilih. Kebanyakan ahli lebih suka menjadi ahli jawatankuasa cawangan daripada pengerusi yang dianggap menyusahkan. Yang ada ketokohan biasanya dipilih sebagai Ketua Cawangan. Dalam Pergerakan Wanita kadang-kadang tiada ahli yang layak menjadi pengerusi, kerana itu peraturan UMNO membolehkan Pengerusi Tetap Cawangan (lelaki) mengendalikan persidangan wanita.

Jawatan Pengerusi Tetap kurang diminati kerana selain kesukaran mengendali persidangan, ia tidak begitu berprestij. Ia dipandang sebagai jawatan untuk ahli-ahli yang tidak aktif atau tidak terpilih ke jawatan-jawatan lain dalam parti, la tidak cukup berpengaruh kerana pemegangnya tidak berhak menghadiri mesyuarat jawatankuasa sesuatu peringkat parti. Bukan itu saja, pemegang itu tidak menjadi wakil automatik dalam persidangan bahagian dan persidangan peringkat pusat.

Setelah pindaan Perlembagaan UMNO pada Disember 1998, buat pertama kali Pengerusi Tetap menjadi seorang wakil secara automatik dalam perwakilan bahagian dan Perhimpunan Agung parti. Bermakna walaupun beliau dianggap berkecuali, adalah berhak mengundi seperti mana wakil-wakil lain. Sebagai Pengerusi, beliau juga boleh mengundi apabila didapat sesuatu usul yang sedang diputuskan oleh persidangan beroleh undi yang sama. Yang bererti undi Pengerusi Tetap boleh menentukan usul itu diterima atau ditolak.

Presiden UMNO, Tun Abdul Razak, sedang berucap kepada ahli-ahli UMNO semasa perasmian Perhimpunan Agung UMNO di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 20 Jun 1973.



UANGAN PERHIMPUNAN AGUNG D.O MALAYSIA YANG KE - 24



Tetapi dalam pengundian bagi jawatan-jawatan parti semasa persidangan, beliau tiada kuasa ini. Jika berlaku pertandingan bagi sesuatu jawatan dan ada pihak-pihak yang beroleh undi sama, Pengerusi Tetap hanya berkuasa mencabut undi yang akan memberi kemenangan kepada salah satu calon yang bertanding.

Di sini kita perlu teliti kuasa Pengerusi Tetap yang sebenar seperti mana tercatat dalam peraturan persidangan. Pertamanya, ketiadaan Pengerusi Tetap menyebabkan persidangan tidak dapat berlangsung. Ketua Cawangan atau Ahli Jawatankuasa Bahagian tidak dibenarkan mempengaruhi persidangan kerana dia adalah orang yang berkepentingan. Pada suatu masa yang lalu pemegang-pemegang jawatan ini kerap mengambil alih tugas Pengerusi bagi tujuan mempengaruhi ahli-ahli persidangan supaya mengundang jika berlaku pertandingan. Perbuatan ini tidak dibenarkan sekarang.

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Tetap dipilih tiap-tiap tiga tahun sekali dalam persidangan tahunan di peringkat pusat, bahagian dan cawangan. Di peringkat bahagian dan cawangan, mereka hendaklah terdiri daripada ahli-ahli UMNO dalam Bahagian dan Cawangan itu sendiri. Jika perlu, pemegang-pemegang jawatan ini boleh diberhentikan oleh sesuatu peringkat parti iaitu dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua per tiga bilangan wakil yang hadir dan tempatnya diganti dengan orang lain.

Pengerusi Tetap yang dipilih itu akan menjadi pengerusi dalam sebarang persidangan. Jika beliau tidak dapat hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah mengambil tempatnya ataupun bolehlah mereka bergilir-gilir mempengaruhi mesyuarat yang sama. Dalam keadaan kedua-dua Pengerusi dan timbalannya tidak hadir, seorang daripada ahli persidangan boleh dipilih menjadi pengerusi bagi persidangan itu sahaja dan pengerusi itu tidak hilang hak asalnya untuk mengundi sebagai seorang wakil persidangan.

Jika kedua-dua pengerusi dan timbalannya berhenti serentak, setiausaha hendaklah menjalankan persidangan bagi memilih pengerusi dan timbalan pengerusi yang baru. Kedua-duanya akan memegang jawatan



Tun Sulaiman bersama Tan Sri Sanusi Junid menyambut ketibaan bekas Presiden UMNO, Tunku Abdul Rahman yang datang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO.



dalam tempoh yang tinggal bagi satu-satu penggal yang penuh.

Saya telah menyiapkan sebuah kertas kerja yang lengkap tentang peranan Pengerusi Tetap semasa persidangan. Adalah diharapkan ia dapat memberi panduan kepada mereka yang diberi tanggungjawab mempengaruhi persidangan UMNO dengan lebih berkesan. Segala kandungannya adalah hasil daripada pengalaman saya sebagai Pengerusi Tetap UMNO di peringkat pusat. Ia telah disampaikan dalam beberapa kursus parti anjuran bahagian-bahagian yang meminta saya memberi penerangan dari semasa ke semasa.

Sebelum persidangan cawangan, bahagian dan peringkat pusat dijalankan, seboleh-bolehnya perkara yang berikut ini hendaklah ada dalam tangan pengurus:

- (a) Buku panduan persidangan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung UMNO
- (b) Acara dan susunan persidangan
- (c) Susunan agenda persidangan
- (d) Buku Perlembagaan UMNO
- (e) Buku Peraturan Persidangan Perhimpunan Agung UMNO


Sangat mustahak Pengerusi Tetap hendaklah memiliki senarai nama-nama perwakilan seperti berikut:

- (a) Di Perhimpunan Agung bererti Ahli Majlis Tertinggi dan wakil-wakil Bahagian, wakil-wakil Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita.
- (b) Di perwakilan Bahagian, bererti wakil-wakil Cawangan, wakil-wakil Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita.
- (c) Di persidangan Cawangan, bererti ahli yang telah membayar yuran dan berhak hadir.

Bagi semua persidangan ketiga-tiga peringkat ini hendaklah juga terdapat senarai wakil/ahli yang tidak hadir dan sebab-sebabnya. Hendaklah diambil ingatan bahawa perkara di atas ini akan dijawab oleh Pengerusi jika berbangkit pertanyaan.

Semasa Perhimpunan Agung berlangsung, hendaklah terdapat senarai nama jurucakap dari tiap-tiap ne-









geri termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita yang mengambil bahagian membahaskan usul-usul. Tiap-tiap negeri boleh menamakan dua orang iaitu nama pertama dan nama kedua.

Pada suatu masa dahulu sebelum tahun 1970-an, cara ini tidak diikuti. Sesiaj sahaja di kalangan perwakilan boleh minta untuk berucap dengan mengangkat tangannya dan dipersetujui oleh Pengurus Tetap. Tetapi cara ini membawa kepada kekecohkan apabila wakil-wakil tersebut berucap dengan tidak cukup persediaan atau ramai wakil yang berebut hendak bercakap.

Bagi perwakilan Bahagian, hendaklah terdapat senarai jurucakap dari Cawangan-cawangan, Pergerakan Pemuda dan Wanita. Manakala bagi Persidangan Cawangan, mana-mana ahli boleh membahaskan usul. Usul-usul biasanya adalah terbahagi kepada berikut:

- (a) Usul ucapan dasar
(hanya bagi Perhimpunan Agung UMNO)
- (b) Usul politik
- (c) Usul ekonomi
- (d) Usul pendidikan
- (e) Usul agama
- (f) Usul sosial
- (g) Lain-lain usul

Sebarang usul lain yang tiada dalam agenda tetapi hendak dikemukakan perlu diberitahu terlebih dahulu dan boleh dibahaskan jika mendapat kebenaran Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Bahagian dan Cawangan.

Pada kebiasaannya, dalam Perhimpunan Agung pembawa usul dan penyokongnya dinamakan oleh Majlis Tertinggi dan nama-nama mereka itu disampaikan kepada Pengurus Tetap terlebih dahulu. Jika amalan seperti ini dapat dilakukan di peringkat Bahagian dan Cawangan adalah juga baik.

Majlis Tertinggi menerima pelbagai usul daripada bahagian-bahagian yang dibahagikan seperti berikut:

- (a) Usul-usul yang diterima untuk dibahaskan.
- (b) Usul-usul yang diterima tanpa bahas.
- (c) Usul-usul yang ditolak.

Demikian juga di peringkat Bahagian, usul-usul boleh

Tun Hussein Onn sedang berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 1980 di Dewan Nirwana, Hotel Hilton.

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO



disusun mengikut cara yang sama dan disampaikan kepada Pengerusi Tetap dahulu.

Pengerusi Tetap perlu memberi tumpuan yang penuh semasa pembahasan usul. Wakil yang mencadangkan usul akan dijemput membaca usulnya dan selepas itu penyokong atau pembangkang usul menyampaikan hujah masing-masing. Cadangan-cadangan juga boleh dibuat bagi memindah sesuatu usul itu. Pengerusi Tetap akan membuat pengundian di atas usul asal atau usul yang dipindah. Keputusan sama ada ia diterima atau ditolak terserah kepada suara majoriti. Bagi usul-usul yang mudah dan mendapat persetujuan ramai wakil, cukup dengan pengerusi meminta perwakilan berkata "setuju" atau "tak setuju" dan tidak perlu pembilangan undi.

Pada kebiasaananya, usul-usul yang hendak dikemukakan itu telah terlebih dahulu dibincangkan dan dipersejuaui dalam mesyuarat jawatankuasa sesuatu peringkat parti. Terutama sekali bagi Perhimpunan Agung, Majlis Tertinggi cukup berhati-hati kerana sesuatu usul yang akan diluluskan itu mempunyai kesan ke atas seluruh parti dan pentadbiran negara. Ia sebegini rupa tidak akan menimbulkan kontroversi atau pertikaian yang hangat sehingga ditolak oleh perwakilan. Usul-usul utama yang dibahaskan ialah usul terima kasih kepada ucapan Presiden yang merangkumi semua aspek parti dan kedudukan negara. Kemudiannya usul-usul khusus tentang politik, ekonomi, agama, sosial dan lain-lain mengikut kesesuaian.

Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita juga turut membincang usul ucapan ketua pergerakan masing-masing dan lain-lain usul semasa persidangan yang hanya satu hari. Antara usul-usul ini satu daripadanya akan dibawa ke Perhimpunan Agung untuk perbaahan yang lebih lanjut dan diluluskan dalam persidangan itu.

Di peringkat bahagian, cawangan-cawangan diberi peluang mengemukakan usul-usul melalui wakil-wakilnya dalam Mesyuarat Perwakilan. Kebanyakan usul bersifat tempatan dalam erti berkaitan dengan hal-hal dalam daerah atau negeri tetapi menyentuh juga dasar-dasar parti di peringkat pusat untuk tindakan pucuk



Buku panduan ceramah Pengerusi Tetap oleh Tun Sulaiman Ninam Shah.

pemimpin. Usul-usul daripada Pergerakan Pemuda dan Wanita Bahagian diterima untuk dijadikan sebahagian daripada usul bahagian. Di peringkat Cawangan, jumlah usul tidak begitu banyak dan bergantung kepada minat ahli-ahli dalam sesuatu Cawangan. Usul-usul yang diluluskan diantar kepada Bahagian untuk perbaahan dalam Mesyuarat Perwakilan.

Selain usul-usul biasa, usul tergempar boleh dibawa dalam sesuatu persidangan. Pengerusi kena cukup teliti kerana usul itu boleh menjelaskan suasana persidangan dengan wakil-wakil tidak dapat dikawal lagi kerana masing-masing mahir berucap menyokong atau menentang usul itu. Antara usul-usul ini ialah usul meminda cadangan yang telah dikemukakan kepada persidangan oleh Pengerusi; usul hendak mendahulukan sesuatu perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa dan usul daripada Majlis Tertinggi (atau Jawatankuasa

Tun Sulaiman (kanan) mengiringi Presiden UMNO Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah) dan Timbalan Presiden (kiri) Tan Sri Musa Hitam masuk ke dewan persidangan.



Presiden UMNO, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad berdiri di hadapan pada upacara melaikan bendera UMNO. Di belakangnya Timbalan Presiden, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Setiausaha Agung Dato' Sabbaruddin Chik. Di barisan ketiga, Tun Sulaiman Ninam Shah, Dato' Zahid Hamidi, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Dato' Sri Najib Tun Razak.

Bahagian di Perwakilan Bahagian) yang pada pendapat pengurus adalah mustahak; usul hendak menangguhkan persidangan; usul hendak mengantung keahlilan atau membatalkan undi seseorang.

Sekarang kita lihat pula tugas Pengurus dalam persidangan, iaitu seperti berikut:

- (a) Pengurus hendaklah menjalankan persidangan mengikut aturan dan peraturan mesyuarat serta Perlembagaan UMNO.
- (b) Jika perkara yang hendak diputuskan itu tiada dalam Peraturan Persidangan dan Perlembagaan UMNO, Pengurus hendaklah memutuskan perkara itu mengikut fikiran dan budi bicara yang betul. Beliau tidak boleh sekali-kali memihak kepada sebarang wakil atau ahli.
- (c) Pengurus kadangkala perlu membuat keputusan sendiri yang difikirkan lojik bagi menyelamatkan sesuatu persidangan. Beliau tidak boleh bertanya kepada orang lain.
- (d) Jika sekiranya Pengurus tidak dapat mengendalikan persidangan dengan baik, perwakilan berhak minta beliau digantikan.
- (e) Di Perhimpunan Agung, Pengurus hendaklah menjalankan mesyuarat dengan didahului urusan Majlis Tinggi. (Saya menyebut perkara ini kerana ada perwakilan yang membawa usul tergempar untuk didahului. Pengurus berkuasa jika usul itu diluluskan untuk menetapkan masa bagi membahasannya).
- (f) Pengurus hendaklah pada setiap masa menumpukan perhatian kepada jurucakap dan mesti faham apa yang diucapkannya. Jika beliau tidak faham, boleh meminta penerangan daripada ahli yang berucap itu. Ini kerap berlaku dalam Perhimpunan Agung


UMNO, seperti loghat negeri-negeri yang susah kita hendak memahaminya.

- (g) Peringatan Perhimpunan Agung/Perwakilan Bahagian/Persidangan Cawangan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi sebelum ia dihantar kepada peringkat parti yang berkenaan.
- (h) Jika Pengerusi tidak dapat memutuskan sesuatu perkara, maka hendaklah ditangguhkan mesyuarat selama 15 minit atau setengah jam untuk beliau berfikir bagi mengatasi masalah.

Sebelum persidangan bermula, Pengerusi hendaklah berpuas hati bahawa persidangan yang hendak dijalankan itu cukup bilangan (korum) mengikut peraturan persidangan. Untuk tujuan ini, beliau mesti dapatkan daripada setiausaha (pada sesuatu peringkat parti) terlebih dahulu senarai kehadiran dengan tanda tangan setiausaha.

Di bawah ini diperturunkan perkara-perkara atau agenda dalam sesuatu persidangan:

- (a) Doa.
- (b) Lagu UMNO.
- (c) Membentangkan peringatan persidangan yang lalu, biasanya oleh Setiausaha Agung/Setiausaha Bahagian/Setiausaha Cawangan.
- (d) Ucapan Presiden/Ketua Bahagian/Ketua Cawangan.
- (e) Pesanan Pengerusi.
- (f) Membentangkan kerja-kerja persidangan:
 - (i) Penyata tahunan oleh setiausaha.
 - (ii) Penyata kewangan oleh bendahari.
(Penyata-penjata yang dibentangkan ini tidak boleh dibahaskan tetapi boleh bertanya jika perlu).
 - (iii) Usul melantik syarikat audit dibawa oleh bendahari dan minta kelulusan persidangan (hanya bagi peringkat pusat).
- (g) Memilih Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa (pada tahun-tahun berkenaan). Ini hendaklah dilakukan dalam dewan persidangan di bawah kelolaan Pengerusi. Undi di peringkat Majlis Tertinggi dan Bahagian hendaklah dijalankan dengan sulit. Undi-undi yang lain boleh dengan berkata "setuju" atau "tidak bersetuju". (Tetapi saya lebih suka dengan angkat tangan, dan jika mustahak dengan berdiri.)
- (h) Penerangan daripada Majlis Tertinggi/jawatankuasa Bahagian/jawatankuasa Cawangan.



Dato' Haji Khalid Yunus sedang mempengerusikan Perhimpunan Agung Pemuda UMNO.

- (i) Memberitahu daripada hal usul-usul yang hendak dibahaskan (jika ada).
 - (j) Sebarang cadangan atau kerja yang difikirkan oleh Pengerusi patut didahulukan (jika ada).
 - (k) Usul-usul yang telah diberitahu terlebih dahulu (jika ada).
 - (l) Bagi menangguhkan persidangan, minta seorang ahli mencadangkan dan seorang menyokong dan diper-setujukan.
 - (m) Ucapan penangguhan (jika ada).
- Dalam membahaskan usul-usul, ahli persidangan boleh berucap atas perkara-perkara berkaitan dengan usul itu sahaja. Tidak boleh menyeleweng kepada perkara-perkara yang lain. Pengerusi berkuasa menegur dan meminta ahli yang berkenaan berbalik semula kepada usul yang asal dan jika sekiranya dia enggan, Pengerusi boleh memberhentikan dia daripada bercakap.

Dalam perbahasan persidangan hendaklah menggunakan bahasa Melayu. Jika bahasa lain hendak diguna-



Tun Sulaiman bersama dengan kawan setia, Tan Sri Shoir Ahmad yang menjadi Timbalan Pengurus Tetap sehingga meninggal dunia pada Disember 1999.

kan, terlebih dahulu perlu meminta kebenaran daripada Pengerusi. Bahasa lain itu hendaklah diterjemahkan ke bahasa Melayu.

Jika Pengerusi menegur atau bercakap, seseorang yang sedang membahaskan usul berkenaan hendaklah berhenti-bercakap dan hendaklah duduk di tempat duduknya. Pengerusi berkuasa memberi arahan sebagaimana yang diperlukan jika dia enggan berbuat demikian.

Antara perkara-perkara yang ditegah dan mustahak diketahui oleh ahli yang berucap ialah:

- Perkara dalam perbicaraan mahkamah.
- Menggunakan bahasa yang kasar dan tidak beradab mengikut pertimbangan Pengerusi.
- Mengeluarkan sangkaan jahat ke atas lain-lain ahli.
- Menggunakan nama DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan DYMM Raja Permaisuri Agong, DYMM Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri atau yang menyentuh mana-mana yang tersebut.
- Menyebut kelakuan atau sifat-sifat lain ahli selain daripada kerja-kerja tentang urusan parti.
- Menggunakan perkataan-perkataan yang bersifat menderhaka kepada negara dan yang boleh membawa permusuhan antara kaum di Malaysia.

Perkara-perkara ini boleh menjadi kesusahan kepada Pengerusi jika menegurnya, tetapi tidak boleh juga kita mendiamkan diri. Tujuannya supaya persidangan dapat berjalan dengan sempurna. Tadi disebut jawatan Pengerusi tidak dianggap berpengaruh dalam konteks aktiviti yang luas tetapi semasa mengendalikan persidangan, beliau mempunyai kuasa-kuasa tertentu iaitu:

- Memerintah mana-mana wakil yang degil atau yang tidak patuh kepada arahan atau yang membuat kacau supaya dikeluarkan daripada persidangan.
- Menangguhkan persidangan jika berlaku huru-hara dan berkuasa menetapkan tarikh persidangan semula.
- Menetapkan masa seseorang itu berucap, umumnya selama 15 minit atau lebih. Ini bergantung kepada berapa lama masa yang diberi kepadanya dan berapa ramai pula yang hendak berucap.
- Mendapatkan nama-nama Ahli Majlis Tertinggi yang hendak menjawab ucapan wakil-wakil dan menetapkan masa seseorang itu hendak menjawab. (Khas kepada Perhimpunan Agung tetapi boleh juga digunakan di Bahagian).

Dalam Perhimpunan Agung Khas yang diadakan



Puan Normah Kamaruddin (kanan) bersama Tan Sri Aishah Ghani (kiri) yang mengambil alih jawatan Pengerusi Tetap Wanita UMNO daripada beliau.

bagi tujuan meminda Perlembagaan, Pengerusi Tetap menjalankan persidangan dipandu dengan peraturan-peraturan tertentu. Beliau akan memanggil wakil Majlis Tertinggi untuk menerangkan cadangan pindaan-pindaan yang akan dibawa dan setelah cadangan itu dikehendaki wakil-wakil akan bersidang secara jawatankuasa. Setiap pindaan akan dibawa oleh Pengerusi dan dibahaskan oleh wakil-wakil, diikuti dengan pengundian. Biasanya pindaan yang dapat diterima diluluskan dengan mudah. Jika bersifat kontroversial, mungkin berlaku perdebatan yang sengit dan Pengerusi perlu mengarah pembilangan undi disebabkan jumlah yang menyokong atau menentang cadangan mungkin tidak jauh berbeza. Setelah selesai pindaan dibahas dan diluluskan sama ada melibatkan pengundian atau tidak, perwakilan akan balik ke persidangan penuh. Semua pindaan yang telah diluluskan tadi dibawa semula kepada persidangan untuk mengesahkannya. Sekiranya tidak ada pindaan-pindaan baru, semua pindaan asal dianggap mendapat persetujuan seluruh perwakilan.

Peranan Pengerusi Tetap sangat penting bagi kesempurnaan proses pencalonan dan pengundian bagi jawatan-jawatan dalam parti. Urus setia bertanggungjawab membuat persiapan dengan menyediakan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan. Tetapi kelincinan persidangan semasa mencalon dan mengundi terserah kepada Pengerusi. Bagi jawatan-jawatan Majlis Tertinggi, persiapan hendaklah cukup rapi bagi mengelakkan sebarang unsur penipuan. Nama-nama calon perlu dise-



PENGURUSI TETAP, TIMBALAN PENGURUSI TETAP DAN AHLI MAJLIS TERTINGGI 2002-2003

Duduk dari kiri:

Dato' Hishammuddin Tun Hussein (Ketua Pergerakan Pemuda), Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd Yassin (Naib Presiden), Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib (Naib Presiden), Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak (Naib Presiden),

Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi (Timbalan Presiden), Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (Presiden),

Tun Sulaiman Ninam Shah (Pengerusi Tetap), Tan Sri Khalil Yaacob (Setiausaha Agung),

Dato' Mustapa Mohamed (Ketua Penerangan), Dato' Seri Datin Paduka Rafidah Aziz (Ketua Pergerakan Wanita),

Dato' Seri Onn Ismail (Timbalan Pengurus Tetap).

Berdiri barisan tengah (dari kiri):

Datok Tengku Adnan Tengku Mansor (Setiausaha Kerja), Dato' Azmi Khalid, Tan Sri Dato' Ramli Ngah Talib,

Dato' Seri Tajol Rosli Mohd Ghazali, Dato' Annuar Haji Musa, Dato' Hasan Ariffin, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (turut hadir),

Cik Azalina Othman Said (Ketua Puteri), Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Dato' Seri Shahidan Kassim, Datuk Hassan Harun,

Dato' Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, Dato' Dr. Mohd Yusof Noor, Dato' Abdul Aziz Shamsuddin,

Dr. Norraeesah Haji Mohamad, Dato' Seri Syed Razak Syed Zain (turut hadir), Datuk Abdul Aziz Mohd Zabidi, Datuk Mohd Shafie Apdal.



Berdiri barisan belakang (dari kiri):

Dato' Seri Adnan Yaacob, Dato' Idris Jusoh, Datuk Md. Said Keruak, Dato' Ahmad Zahid Hamidi, Dato' Dr. Hilmil Haji Yahya, Datuk Seri Panglima Haji Lajim Haji Ukin, Dato' Seri Dr. Sulaiman Mohamed, Dato' Dr. Shafie Mohd Salleh, Dato' Mohd Khalid Yunus, Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, Datuk Seri Panglima Osu Haji Sukam, Encik Azimi Daim, Dato' Shahril Abdul Samad, Dato' Jamaludin Dato' Mohd Jarjis, Tan Sri Musa Mohamad (turut hadir), Dato' Seri Dr Mohamad Khir Toyo (turut hadir), Tengku Razaleigh Hamzah.

diakan lebih awal setelah mendapat cadangan-cadangan daripada bahagian-bahagian. Pengurus Tetap hanya meminta wakil-wakil daripada setiap Bahagian datang satu demi satu untuk mengambil kertas undinya dan membuang undi. Ada jawatankuasa khas yang dilantik untuk membilang undi ini.

Dalam perwakilan Bahagian, prosedur yang sama digunakan. Pengurus akan memanggil wakil-wakil daripada Cawangan untuk mengambil kertas dan seterusnya mengundi. Kekecohan dapat dielak kerana pembuangan undi dibuat secara sulit dan nama-nama calon telah disediakan lebih awal dalam satu senarai. Berlainan pula keadaan dalam persidangan Cawangan. Kerana pencalonan boleh dibuat di situ juga, Pengurus hendaklah memastikan setiap ahli yang ingin bertanding diberi haknya. Jika tidak, boleh berlaku perbalahan. Demikian juga, semasa pengiraan undi yang selalunya mengikut jumlah yang mengangkat tangan bagi seseorang calon hendaklah dibuat dengan betul.

Inilah antara kaedah-kaedah yang perlu diketahui dan diikuti oleh Pengurus Tetap. Tugasnya nampak mudah, tetapi boleh berlaku kejadian-kejadian yang tidak diuga terutama semasa pembahasan atas sesuatu usul. Di Perhimpunan Agung, ketegasan dan kebijaksanaan adalah perlu dalam mengawal wakil-wakil yang merupakan tokoh-tokoh parti dari seluruh tanah air. Manakala di peringkat paling rendah iaitu persidangan cawangan, Pengurus hendaklah dapat menentukan ahli-ahli yang berhak hadir dan persidangan berjalan mengikut peraturan. Dengan persidangan/mesyuarat UMNO berjalan lancar di setiap peringkat adalah melambangkan kematangan parti kita sebagai parti yang mendukung kerajaan. Kekecohan atau ketidaksempurnaan persidangan akan memberi gambaran yang sebaliknya.



Pengurus Tetap UMNO, Tun Sulaiman Ninam Shah, bersalam dengan Presiden UMNO Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di pentas Majlis Tertinggi semasa Perhimpunan Agung.





Tun Sulaiman (tengah) ketawa riang bersama Tan Sri Mohamed Yaakob (kiri) dan Tun Daim Zainuddin (kanan) semasa menghadiri perasmian Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita.



Empat pemimpin wanita di persidangan 1993: Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Dato' Napsiah Omar, Dato' Seri Rafidah Aziz dan Dato' Paduka Zaleha Ismail.



KETUA WANITA

PENOLONG



YBHG TAN SRI PENGGERUSI

SETELAH menghuraikan detik-detik dalam Perhimpunan Agung alaf baru dan peranan Penggerusi Tetap yang begitu penting dalam menjayakan sesuatu persidangan, sewajarnya saya beralih kepada kisah bagaimana dengan izin Allah S.W.T saya telah terpilih sebagai Penggerusi Tetap UMNO Malaysia tanpa kehendak saya sendiri atau hasil sebarang rancangan ke arahnya. Mula-mula sekali baiklah saya menyebut latar belakangnya.

Dalam Perhimpunan Agung pada 21 Jun 1975 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, Tan Sri Haji Yahya bin Mohd. Seh seorang tokoh veteran UMNO dan bekas Menteri Besar Pahang telah terpilih ke jawatan Penggerusi Tetap. Tetapi tahun berikutnya ketika persidangan hendak diteruskan, beliau tidak dapat melaksanakan tugasnya kerana uzur sementara Timbalan Penggerusi Tetap juga menarik diri. Keadaan yang mencemaskan ini berlaku sewaktu Tun Hussein Onn baru sahaja mengambil alih jawatan Pemangku Presiden UMNO selepas Tun Abdul Razak kembali ke rahmatullah.

Sewaktuh rehat di perhimpunan itu, saya didatangi oleh Tan Sri Syed Jaafar Albar, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Sedang saya duduk minum teh di restoran hotel itu bersama beberapa orang perwakilan dari Muar, berkata Tan Sri Jaafar kepada saya, "Dato' Hussein menyampaikan salam."

Sambil berpaling ke arahnya dan mempelawanya duduk, saya menjawab, "Waalaikumussalam. Terima kasih." Dalam mengambil tempat duduk itu Tan Sri Syed Jaafar berkata kepada saya, "Begini Dato', oleh kerana Timbalan Penggerusi Tetap perhimpunan tiada, Dato' Hussein minta supaya Dato' dicalonkan sebagai Timbalan Penggerusi Tetap."

Saya segera menjawab hasrat yang telah disampaikan oleh Ketua Pemuda UMNO itu. "Sekarang saya tidak sanggup terima, Tan Sri," tegas saya kepada beliau. "Dahulu pada masa Tunku Abdul Rahman lagi, beliau telah minta saya jadi Penggerusi Tetap. Tetapi apabila datang calon lain, Pak Syeikh (Tan Sri Syeikh Ahmad bin Hashim) dari Perlis suruh saya tarik diri dan saya bersetuju."

Tan Sri Syed Jaafar terdiam apabila mendengar kata-kata saya itu dan sambung saya, "Kali ini janganlah saya dibuat begitu lagi. Sudahlah, carilah orang lain. Saya tidak mahu pening." Mendengar keputusan saya itu, Tan Sri Syed Jaafar balik pergi berjumpa Tun Hussein

Onn. Kemudian pada pukul 2.30 petang, beliau datang semula menemui saya. Kata beliau, "Dato' Hussein minta nak jumpa Dato'."

"Baiklah," jawab saya sambil mengikut beliau pergi menemui Tun Hussein di meja utama persidangan. Tun Hussein menjelaskan kepada saya hasrat Majlis Tertinggi UMNO. Kata beliau, "Dato' Sulaiman, saya harap Dato' terimalah tawaran jawatan Timbalan Pengurus Tetap ini kerana rasa kurang eloklah jika dalam perhimpunan ini Dato' menolaknya memandangkan keadaan sekarang ini." Beliau menanti keputusan daripada saya. Mendengar kata-kata Tun Hussein Onn itu, saya menjadi segan dan oleh kerana saya menghormati beliau maka saya terima pencalonan itu.

Pada pukul 3.00 petang itu atas nama Majlis Tertinggi UMNO diumumkan nama saya sebagai calon bagi jawatan Timbalan Pengurus Tetap Perhimpunan Agung UMNO. Pencalonan itu mendapat persetujuan daripada seluruh perwakilan yang menghadiri persidangan itu. Sejurus kemudian Majlis Tertinggi meminta saya turus mengambil alih tempat Pengurus persidangan kerana Pengurus Tetap yang ada telah tidak dapat menjalankan kewajipan beliau pada persidangan itu. Maka saya

mempengerusikan persidangan tahun 1976 itu sehingga selesai.

Mengikut Perlembagaan UMNO, pada tahun 1978 akan berlangsung pemilihan untuk jawatan Pengurus Tetap dan Ahli Majlis Tertinggi yang sejak 1972 diadakan tiga tahun sekali. Sebelum pemilihan itu dilakukan, saya telah berbincang dengan Tan Sri Haji Yahya bin Mohd. Seh. Saya berkata kepada beliau, "Dato', adalah Dato' masuk bertanding jawatan Pengurus Tetap? Sekiranya Dato' bertanding, saya tidak masuk. Saya masuk untuk Timbalan." Jelas saya lagi, "Ini kerana ada orang berkehadiran saya supaya menjadi Pengurus Tetap."

Tan Sri Yahya menjawab, "Tidak. Saya tidak boleh lagilah. Dato'lah yang masuk bertanding." Dengan itu beliau menolak daripada masuk bertanding merebut jawatan Pengurus Tetap itu.

Setelah mendapat persetujuan daripada Tan Sri Haji Yahya, saya dicalonkan bersama dua orang lagi untuk merebut jawatan Pengurus Tetap Perhimpunan Agung pada 15 September tahun itu. Pada pengundian yang telah diadakan, saya terpilih ke jawatan tersebut. Begitulah seterusnya pada tiga tahun sekali saya terpilih lagi dalam pemilihan yang diadakan. Kadangkala saya



Pemimpin-pemimpin UMNO mengaminkan doa yang dibaca sebelum perasmian Perhimpunan Agung UMNO tahun 1965. Dari kiri Tun Dr. Ismail (Naib Presiden), Tun Abdul Razak (Timbalan Yang Dipertua), Tunku Abdul Rahman (Yang Dipertua) dan Tan Sri Jaafar Albar (Setiausaha Agung).

menang tanpa bertanding kerana tiada calon lain. Mengikut hitungan saya, hampir 26 kali saya mempernegerusikan Perhimpunan Agung UMNO.

Sebelumnya saya, jawatan Pengurus Tetap disandang oleh beberapa tokoh yang merupakan orang yang terkenal dalam masyarakat Melayu. Jasa-jasa mereka dalam melicinkan perjalanan persidangan UMNO pada tahun-tahun sebelum ini patutlah tinggal dalam ingatan kita semua, baik ahli lama atau generasi yang baru menyertai UMNO.

Dalam Kongres Melayu yang pertama yang menghimpunkan pemuka-pemuka Melayu dari seluruh tanah air di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, Pendeta Za'aba telah dipilih menjadi Pengurus Sementara bagi memulakan persidangan. Za'aba bukan sahaja seorang sarjana yang terkenal tetapi adalah seorang nasionalis yang sangat cinta kepada bangsanya hingga turut mengendalikan kongres ini yang bakal melahirkan UMNO. Selepas permulaan, kongres dipengerusikan oleh Dato' Onn Jaafar yang sangat dihormati sebagai pembela hak-hak orang Melayu. Selama tiga hari kongres bersidang itu pada 1 hingga 3 Mac 1946 bagi merumuskan dasar-dasar dan tindakan yang akan diambil seterusnya.

Kongres Melayu ini dimansuhkan semasa persidangan di Johor Bahru pada 11 Mei tahun yang sama bagi membuka jalan kepada penubuhan UMNO. Dalam persidangan UMNO yang pertama itu, Dato' Panglima Bukit Gantang, seorang pembesar yang mewakili Perikatan Melayu Perak telah dipilih sebagai Pengurus sementara. Selepasnya, Dato' Onn sekali lagi dipilih menjadi Pengurus bagi mengendalikan urusan-urusan persidangan dan seterusnya dipilih sebagai Yang Dipertua UMNO.

Semasanya pimpinan Dato' Onn, ada keluarbiasaan sedikit persidangan UMNO kerana ia diadakan bukan sekali tetapi sampai dua hingga tiga kali dalam setahun. Ini menandakan banyak perkara yang perlu dibincang dan mendapat persetujuan perwakilan terlebih dahulu sebelum berhadapan dengan penjawat Inggeris. Dalam Perlembagaan UMNO yang mula-mula, persidangan

Tun Abdul Razak berucap di Perhimpunan Agung UMNO di Hotel Merlin, Kuala Lumpur pada 1971. Kelihatan beberapa orang ketua kerajaan negara-negara Komunal hadir sebagai tamu. Di kerusi Pengurus Tetap ialah Tan Sri Nik Ahmad Kamil.







Pendeta Za'aba



Panglima Bukit Gantang

UMNO disebut sebagai Majlis Mesyuarat Agung iaitu istilah yang saya pakai di sini untuk persidangan-persidangan hingga ke tahun 1955.

Majlis Mesyuarat Agung UMNO yang kedua diadakan di Dewan Bandaran Ipoh, Perak, pada 24 hingga 30 Jun 1946. Dato' Tahir Setia Raja dipilih sebagai Pengerusi Tetap dalam persidangan ini dan beberapa persidangan lagi yang penting bagi menentukan gerak langkah UMNO. Beliau menjadi Pengerusi persidangan di majlis-majlis Mesyuarat Agung yang berlangsung di Sekolah Francis Light, Pulau Pinang pada 27 dan 28 Julai 1946; di Balai Besar, Alor Setar pada 10 hingga 12 Januari 1947 dan di Kelab Negeri Sembilan, Seremban pada 1 dan 2 Mac 1947.

Majlis Mesyuarat Agung di Kota Bharu, Kelantan pada 11 hingga 13 Mei tahun itu, Tengku Muhamad bin Tengku Besar Burhannuddin dipilih bagi menggantikan Tahir Setia Raja yang dilantik ke jawatan Timbalan Yang Dipertua UMNO. Tengku Muhamad ialah daripada keluarga diraja Negeri Sembilan yang sangat berminat kepada UMNO. Beliau mempergerusikan persidangan UMNO sebanyak dua kali lagi dalam tahun itu, iaitu di Istana Besar, Johor Bahru pada 2 hingga 4 Disember dan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 26 dan 27 Disember.

Persidangan pada bulan Januari 1948 melihat pelantikan Dr. Mohd. Salleh bin Abdul Hamid sebagai Pengerusi Tetap dan pada April tahun yang sama, per-



Tengku Muhammad Tengku Besar Burhanuddin.



Dato' Syed Abdul Kadir

wakilan dalam persidangan di Sekolah Francis Light, Pulau Pinang memilih Zainal Abidin sebagai Pengerusi Tetap. Mereka itu masing-masing mempengerusikan persidangan hanya sekali sahaja.

Jawatan Pengerusi Tetap bergilir pula kepada Dato' Syed Abdul Kadir bin Syed Mohamad apabila Majlis Mesyuarat Agung UMNO berlangsung di Istana Arau, Perlis pada bulan Mei 1949. Beliau berterusan menjadi Pengerusi Tetap pada persidangan-persidangan di Butterworth, Seberang Prai (Ogos 1949); di Muar (Februari 1950) dan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur (Mei 1950). Persidangan pada 10 dan 11 Jun 1950 yang diadakan di Hotel Majestic, khas bagi membincangkan undang-undang kerakyatan bagi negeri-negeri Melayu

berjalan dengan begitu hangat hingga menyebabkan Dato' Syed Abdul Kadir memohon meninggalkan kerusi Pengerusi Tetap. Tempat beliau diambil alih oleh Dato' Nik Ahmad Kamil dan diikuti oleh Dato' Haji Mohamad Yusof yang menjadi Pengerusi sehingga persidangan selesai. Dato' Syed Abdul Kadir menjadi Pengerusi lagi pada persidangan di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar pada Ogos 1950.

Dalam persidangan UMNO pada 25 dan 26 Ogos 1951 yang memilih Tunku Abdul Rahman sebagai Yang Dipertua Parti, Tan Sri Mohamad Noah bin Omar menjadi Pengerusi Tetap. Beliau yang berasal dari Muar ialah seorang yang sangat dikenali kerana merupakan antara pengasas UMNO. Beliau juga menjadi Ahli Majlis



Tan Sri Mohamad Noah Omar



Syed Esa Alwie

Undangan Persekutuan 1951-1959 dan Speaker Dewan Rakyat yang pertama dari 1959 hingga 1964.

Pada 18 April 1954, persidangan tergempar UMNO telah diadakan di Dewan Perhimpunan Cina, Melaka bagi membincangkan soal pilihan raya. Perwakilan telah memilih Syed Esa Alwie dari Batu Pahat, Johor sebagai Pengurus Tetap. Persidangan itu berjalan dengan suasana hangat dan akhirnya Syed Esa memohon meninggalkan kerusi Pengurus Tetap dan tempatnya digantikan oleh Jasmi bin Abdul Hamid dari Melaka.

Pada Perhimpunan Agung 6 dan 7 Mei 1961 yang diadakan di Panggung Wayang Capitol, Melaka, perwakilan telah memilih kembali Syed Esa sebagai Pengurus Tetap. Beliau pada masa itu adalah juga Timbalan

Speaker Dewan Rakyat dan Ahli Parlimen Batu Pahat Dalam. Tempat beliau kemudian diambil alih Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohamad dalam persidangan yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada Ogos 1963. Tan Sri Sheikh Ahmad ialah Ahli Majlis Undangan Persekutuan 1948-1955 dan berikutnya pilihan raya 1959, menyandang jawatan Menteri Besar Perlis. Beliau memegang jawatan Pengurus Tetap selama setahun sahaja.

Pada tahun 1964, Tan Sri Mohamad Noah dipilih semula sebagai Pengurus Tetap persidangan dan memegang jawatan itu sehingga tahun 1968 apabila beliau dilantik menjadi Presiden Dewan Negara. Setelah dikira kesemuanya, Tan Sri Mohamad Noah berada di jawatan Pengurus Tetap kira-kira lapan tahun iaitu satu rekod



Tan Sri Sheikh Ahmad

dalam UMNO sebelum saya-

Pada tahun 1966 pula buat pertama kali seorang Timbalan Pengurus Tetap dipilih bagi membantu tugas-tugas Pengurus. Beliau ialah Tan Sri Nik Ahmad Kamil, seorang yang aktif pada peringkat awal UMNO dan merupakan Menteri Besar Kelantan sewaktu penjajahan selain menduduki Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu. Bermula pada tahun 1971, beliau dipilih sebagai Pengurus Tetap dan Timbalan Pengurus disandang oleh Tan Sri Shohib bin Haji Ahmad.

Apabila Tan Sri Nik Ahmad Kamil berhenti kerana menjadi Speaker Dewan Rakyat pada tahun 1975, tempatnya sebagai Pengurus Tetap diambil alih oleh Tan Sri Yahya Mohd. Seh untuk tempoh tiga tahun. Tan Sri



Tan Sri Nik Ahmad Kamil

Yahya ialah seorang pengasas UMNO dan menjadi Menteri Besar Pahang dari tahun 1959 hingga 1972. Seperti yang disebut awal-awal tadi, beliau tidak meneruskan jawatannya sebagai Pengerusi Tetap dan saya mengantikannya tempat beliau. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T dan berterima kasih kepada ahli-ahli UMNO, khasnya para perwakilan dan Ahli-ahli Majlis Tertinggi kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk terus mempengerusikan Perhimpunan Agung yang begitu besar serta penting bagi pertubuhan ini.

Siapa saya ini? Daripada seorang biasa hingga diberi amanah mempengerusikan Majlis Perhimpunan Agung UMNO. Di sini saya merujuk kepada sejarah Islam yang telah terbaca oleh saya. Yang tidak luput dalam ingatan



Tan Sri Yahya Mohd. Seh

saya ialah kehendak Allah S.W.T mengangkat Nabi Muhammad s.a.w menjadi rasul. Baginda tidak tahu membaca dan menulis. Tetapi oleh sebab Tuhan Yang Maha Mengetahui segala-galanya. Dia telah mengangkat junjungan Nabi kita sebagai pemimpin/rasul 1500 tahun dahulu. Dengan itu sehingga ke hari ini kita mengikuti suruhan Tuhan yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Demikian juga saya terfikir tentang diri saya yang dengan penentuan Allah S.W.T, perwakilan UMNO telah bersetuju mengangkat sebagai Pengurus Tetap Perhimpunan Agung UMNO sedangkan pengetahuan saya tidak begitu luas untuk menjalankan persidangan yang dihadiri oleh perwakilan daripada kalangan cerdik



Tun Sulaiman Ninam Shah

pandai Melayu seluruh negara. Oleh itu saya serahkan segala-galanya kepada Allah S.W.T supaya menolong saya agar dapat menjalankan persidangan ini mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Setiap kali saya naik untuk menjalankan tugas Pengurus itu terdapat beribu biji mata tertumpu perhatiannya ke arah saya dengan disertai sorakan yang menjadikan saya terasa gerun. Maka kepada Allah saya berserah kerana niat saya ikhlas.

Antara banyak persidangan UMNO yang saya telah turut hadir salah satu yang kekal dalam ingatan saya ialah Majlis Mesyuarat Agung di Alor Setar pada 1953. Kami sepuluh orang dari Muar telah pergi dengan menaiki dua buah kereta dan tidur berhimpit di dalam satu bilik



Tun Hussein Onn sedang menyampaikan ucapan di Perhimpunan Agung UMNO dipengerusikan oleh Tan Sri Yahya. Duduk di baris hadapan (kiri ke kanan) Tan Sri Syed Nahar Shahabudin, Tan Sri Haji Kamaruddin Mat Isa, Tan Sri Musa Hitam, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Tan Sri Aishah Ghani, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Sri Senu Abdul Rahman, Tun Ghafar Baba, Tan Sri Syed Jaafar Albar dan Dato' Haji Othman Abdullah.

di sebuah hotel di bandar itu. Dalam persidangan yang diadakan di beberapa buah bangsal yang beratapkan daun nipah, saya berkesempatan bergambar kenangan bersama Tunku dan beramah mesra dengan perwakilan yang datang dari seluruh pelosok tanah air. Antara perwakilan Muar ialah Haji Mohd. Zaini Maidin dan Haji Abdul Latif Omar. Saya hanya menumpang mereka kerana masih belum mempunyai kereta.

Apabila UMNO berjaya mendirikan bangunannya di jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur di situah beberapa kali persidangan telah diadakan. Oleh kerana

bangunan itu kecil para perwakilan yang menghadiri persidangan itu memenuhi segenap ruang sehingga ke tangga dan ruang di bawahnya. Dengan perwakilan semakin bertambah ramai, tidak dapat dielak lagi persidangan UMNO terpaksa diadakan di dewan-dewan yang lebih besar iaitu bermula pada tahun 1962 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Kebetulannya pula Tan Sri Syed Nasir Ismail, seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO menjadi pengarah agensi tersebut telah memudahkan dewannya digunakan untuk parti.

Kemudiannya buat dua tahun berturut-turut per-

sidangan berlangsung di dalam Pavilion Rothman di tapak MAHA, Jalan Kelang Lama, Petaling Jaya semasa Tan Sri Nik Ahmad Kamil menjadi Timbalan Pengurus Tetap. Selepas pembekuan politik selama hampir dua tahun, persidangan bermula semula pada tahun 1971, tetapi anehnya ia diadakan di "Dewan Naga," Hotel Merlin, ia telah menimbulkan kehangatan kerana bahang Peris-tiwai 13 Mei masih lagi terasa. Kerana menerima kritikan perwakilan, tempat persidangan UMNO kemudianya balik kepada Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1972. Apabila Hotel Hilton di Jalan Sultan Ismail siap dibina, maka bermulalah Perhimpunan Agung UMNO di situ buat lebih sepuluh tahun dari 1973 hingga 1984.

Sukacita kini kita dapat bersidang di dalam sebuah mahlai yang boleh dikatakan begitu hebat sekali di tanah air kita ini. Pada waktu perasmian tapak Kompleks UMNO yang baru di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur oleh Tun Hussein Onn pada Jun 1981, upacara dipengerusikan oleh Tengku Razaleigh dan turut dihadiri oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir. Saya ditugaskan menjadi Pengurus menyiapkan batu asas bagi tapak bangunan itu. Kini saya benar-benar bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dapat mempengaruhi persidangan parti di Dewan Merdeka di dalam bangunan berkenaan yang merupakan sejarah bagi UMNO untuk selama-lamanya. Saya berharap Kompleks UMNO yang didirikan itu akan kekal selagi orang Melayu ada di tanah air ini.

Banyak yang telah berlaku dalam persidangan-persidangan UMNO antaranya ada yang lucu dan ada yang sangat bersejarah. Perkara-perkara ini patut dirakamkan sebagai sebahagian sejarah negara dan tamadun bangsa dalam tempoh Perhimpunan UMNO diadakan. Yang tidak boleh saya lupakan selagi ada hayat saya ialah peristiwa pada tahun 1987. Ketika itu telah berlaku pertandingan bagi merebut jawatan Presiden parti antara Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang mempertahankan jawatannya dan Tengku Razaleigh Hamzah yang mencabarinya.

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Senu Abdul Rahman sedang berucap di Perhimpunan Agung UMNO 1978, dipengerusikan oleh Tun Sulaiman. Di kanan Tan Sri Senu ialah Tun Hussein Onn. Di kiri, Tengku Razaleigh Hamzah, Tun Ghafar Baba, Tan Sri Ghazali Shafie dan Tan Sri Samad Idris.





TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





Upacara peletakan batu asas Bangunan UMNO di Jalan Tun Ismail pada Jun 1981 oleh Tun Hussein Onn. Di belakang beliau berbarju Melayu ialah Tun Sulaiman dan Tengku Razaleigh Hamzah (Bendahari UMNO).



Tun Sulaiman meneliti keputusan pertandingan jawatan Timbalan Presiden UMNO tahun 1981 di tangan Tun Mohamad Zahir Ismail (Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan).

Pada hari pertama perhimpunan selepas Ucapan Dasar Presiden disampaikan, proses pemilihan bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden serta Ahli Majlis Tertinggi telah berjalan dengan lancar. Para perwakilan begitu tertib melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam memilih pemimpin tertinggi parti yang bakal menerajui negara. Walaupun akalalnya suasana nampak tegang akibat tindakan segelintir penyokong pihak-pihak yang bertanding tidak dapat menahan emosi mereka, keadaan keseluruhannya dapat dikawal dengan bantuan pasukan keselamatan serta campur tangan pemimpin-pemimpin parti yang menghadiri persidangan itu.

Setelah selesai pengundian dijalankan, proses pengiraan undi perwakilan bermula pada puluk 2.30 petang di Dewan Tun Dr. Ismail. Pengiraan undi ini turut disaksikan oleh wakil-wakil daripada kedua-dua belah pihak yang bertanding. Setelah selesai proses pengiraan, didapati keputusan berpihak kepada Dato' Seri Dr. Mahathir dengan kelebihan sebanyak 43 undi. Atas permintaan pemerhati pada sebelah Tengku Razaleigh, undi bagi jawatan Presiden parti telah dikira semula kerana pihak ini inginkan kepastian yang sungguh-sungguh bahawa majoriti yang diperoleh oleh Dato' Seri Dr. Mahathir benar-benar tepat.

Proses pengiraan itu dibuat berulang-ulang kali sehingga mencapai kali yang ketiga belas. Namun, jum-

lah yang diperoleh kedua-dua belah pihak tetap sama, dengan kelebihan 43 undi kepada Dato' Seri Dr. Mahathir. Akhirnya, setelah pemerhati yang menghadiri pengiraan undi itu betul-betul berasa puas hati, tepat pada pukul 3.30 pagi sebelum masuk hari kedua persidangan, saya mengambil keputusan untuk mengumumkan kepada semua perwakilan Perhimpunan Agung UMNO pada tahun itu bahawa pertandingan bagi mengisi jawatan Presiden telah dimenangi oleh Dato' Seri Dr. Mahathir dengan majoriti sebanyak 43 undi mengatas Tengku Razaleigh Hamzah. Dengan itu kekallah Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia hingga sekarang.

Selain daripada kejadian tersebut, peristiwa UMNO diharamkan berikutan keputusan mahkamah juga menjadi satu kenangan hidup saya semasa menjalankan tugas sebagai Pengurus Tetap UMNO. Pengharaman UMNO itu saya rasai seolah-olah sebuah batu besar telah menimpa kepala saya. Saya memikirkan dan mencari-cari apakah keburukan orang Melayu, khususnya UMNO yang telah menyebabkan peristiwa itu. Ini adalah kerana saya dapat sejak tahun 1946 lagi orang Melayu telah bersatu dan bersama-sama membina UMNO hingga dapat menumbangkan Malayan Union dan mencapai kemerdekaan. Apakah sebab dalam memperjuangkan hak-hak orang Melayu di tanah air mereka sendiri, tiba-tiba UMNO diharamkan.


Itu satu pukulan yang sangat hebat yang bagi saya seolah-olah rasanya dunia sudah tiada lagi. Tetapi alhamdulillah segala pujian hanya kepada Allah, Tuhan semesta alam yang mempunyai segala hikmah. UMNO telah dapat dihidupkan semula bagi menerajui negara dan kuasa pemerintahan kekal di tangan orang Melayu berkat usaha para pemimpin kita yang diketuai oleh Dato' Seri Dr. Mahathir.

Peristiwa itu akan tinggal dalam ingatan hingga ke anak cucu kita. Sebagai orang Melayu, kita tidak boleh lupai bahawa barang yang sudah terlepas daripada tangan kita telah berjaya disambar balik demi keselamatan agama, bangsa dan tanah air ini. Saya berpen-



Berdiri di hadapan batu asas Bangunan UMNO (dari kanan) Tun Hussein Onn (Presiden), Tengku Razaleigh Hamzah (Naib Presiden/Pengerusi Jawatankuasa Bangunan), Dato' Seri Dr.

Mahathir Mohamad (Timbalan Presiden), Tunku Abdul Rahman (bekas Yang Dipertua) dan Tun Sulaiman (Pengerusi Jawatankuasa Upacara).







dapat ia merupakan satu pertolongan daripada Allah S.W.T kepada bangsa Melayu. Sebelum ini kita telah pernah dijajah oleh Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun buat seketika dan kemudian balik kepada Inggeris. Pada akhirnya tanah air kita dapat kembali kepada kita. Inilah perjuangan orang Melayu melalui UMNO. Inilah juga sebabnya barangkali mana-mana pemimpin UMNO yang menyelenggara terpaksa melepas jawatannya.

Ia bukan salah UMNO tetapi kesilapan diri sendiri. Jasa UMNO menebakkan agama, bangsa dan tanah air tidak harus dipersekutkan. Dengan itu saya menyeru kepada setiap orang Melayu pada hari ini untuk melihat bahawa tiada lain pertubuhan yang dapat menyelamatkan bangsa kita melainkan UMNO. Oleh itu marilah kita bersatu dalam UMNO.

Dalam hubungan ini saya sedar kesan satu peristiwa lagi ke atas parti sewaktu saya menjadi Pengurusi Tetap. Ia berkait dengan pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada jawatannya dalam kerajaan dan keahlian UMNO pada September 1998. Apa yang berlaku kepada dirinya adalah amat malang dan suatu yang tidak dapat dielak dalam senario politik semasa. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri/Presiden UMNO serta barisan Ahli-ahli Majlis Tertinggi bersetuju dengan pemecatan tersebut. Dato' Seri Anwar Ibrahim enggan menerima keputusan itu yang disabitkan dengan peribadinya. Beliau memilih untuk membawa kesnya melalui proses undang-undang hingga menimbulkan simpati yang luas terhadapnya. Sedangkan pilihan raya umum terpaksa diadakan dalam tempoh yang singkat.

Akibat perbicaraan yang lama dalam mahkamah dan publisiti yang mengiringinya telah mengurangkan sokongan kepada UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya pada tahun 1999. Sekarang keadaan telah reda dan keyakinan terhadap kerajaan kembali seperti biasa. Kita perlu bersifat rasional dan menumpu kepada perjuangan parti yang sebenar dan tidak membiarkan satu-satu isu yang khusus menjelaskan pertimbangan kita.

Perhimpunan Agung UMNO pada akhir-akhir ini dihadiri oleh kira-kira 2000 orang perwakilan dari

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sedang berucap merasmikan Perhimpunan Agung UMNO 1987 sebelum pemilihan jawatan Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi.





seluruh negara kecuali Sarawak. Boleh dikatakan di sini terhim-punya kalangan cerdik pandai Melayu yang memiliki ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang dan mewakili negeri masing-masing. Dengan kerjasama ahli-ahli perwakilan, Perhim-punan Agung ini telah dapat ber-jalan begitu baik pada setiap kali. Kita amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana sepanjang 25 tahun ini tiada kejadian-kejadian buruk yang telah mencakatkan persidangan UMNO.

Sepanjang tempoh saya ber-khidmat sebagai Pengerusi Tetap, saya telah dibantu oleh seorang sahabat setia saya iaitu Tan Sri Shuib bin Haji Ahmad. Beliau adalah Timbalan Pengurus Tetap yang kedua selepas jawatan itu diwujudkan. Pengalamannya, termasuk sebagai Ahli Exco Negeri Selangor dan pernah menyandang jawatan Timbalan Menteri Besar dan pada satu ketika menjalankan tugas Speaker Dewan Undangan Negeri. Pemergiannya pada usia yang lebih muda dari-pada saya pada akhir 1999 adalah atas penetapan Allah S.W.T dan parti telah kehilangan seorang yang sangat dedikasi terhadap tugasnya.

Sekarang Timbalan saya juga

Tun Sulaiman membacakan keputusan pemilihan Ahli Majlis Tertinggi UMNO 1987. Sebelah kiri beliau Tun Zahir Ismail dan Tan Sri Abdul Kadir Yusof dan sebelah kanan ialah Tan Sri Shuib Ahmad.



seorang anak Selangor iaitu Dato' Seri Onn Ismail yang telah terpilih ke jawatan ini dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 2000. Beliau bekas Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor dan Speaker Dewan Undangan selain bekas Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda UMNO.

Di urusetri Ibu Pejabat, saya banyak terhutang budi kepada beberapa Setiausaha Agung UMNO dan pegawai-pegawai mereka yang telah memudahkan tugas-tugas saya dengan membekalkan kertas-kertas yang perlu saya rujuk untuk tujuan persidangan. Antara mereka yang saya tidak boleh lupakan ialah Tan Sri Mustaffa Jabar, yang walau tidak berpendidikan tinggi cukup teratur dalam menjalankan kewajipannya. Demikianlah juga beberapa Setiausaha Agung yang lain dalam tempoh saya menjadi Pengerusi Tetap, iaitu Tan Sri Senu Abdul Rahman, Tan Sri Sanusi Junid, Tan Sri Mohamed Rahmat, Tan Sri Sabaruddin Chik dan Tan Sri Mohd. Khalil Yaakob. Tanpa kerjasama mereka itu tentulah persidangan yang saya kendalikan tidak akan begitu sempurna.



Tun Sulaiman (di tengah) sedang berbual-bual sambil minum bersama Tengku Razaleigh Hamzah (kiri) dan Tan Sri Musa Hitam (kanan).

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Ghafar Baba setelah dilisytihar menang sebagai Presiden dan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1987.



SEBAGAI seorang yang terlibat dalam kehidupan orang ramai baik yang menyngkut hal-hal politik, perniagaan dan kemasyarakatan, saya bergaul dengan pelbagai pihak sehingga sesetengahnya saya sangat kenal dan mereka itu mengenali saya. Kebanyakan pertemuan dengan mereka itu berkisar pada soal-soal tugas dan tanggungjawab dan tentunya juga yang bersifat peribadi. Tetapi tidak ramai yang mengetahui latar belakang hidup saya. Hari ini ingin saya ketengahkan untuk makluman sahabat handai, ahli-ahli parti dan juga kaum keluarga saya sendiri semoga tidak lupa akan asal usul mereka.

Terlebih dahulu tentang persekitaran tempat tinggal saya di mana sebahagian besar hidup saya laulai. Ia adalah daerah Muar yang terletak di sebelah utara, pantai barat Johor. Ia sebuah bandar sederhana besar dengan bangunan-bangunan tersergam indah di tepi sungai yang mengalir di situ. Nampak jelas warisan penjajah yang pernah berkuasa di Johor. Johor satu-satunya negeri yang telah berusaha menangkis campur tangan Inggeris dalam pemerintahannya namun melalui pelbagai tekanan dan muslihat kuasa itu akhirnya telah berjaya meletakkan seorang Penasihat Amnya pada tahun 1914.

Pemerintahan yang baik menjadikan Johor sebuah negeri yang maju dan dilengkapi kemudahan-kemudahan moden. Kehadiran pentadbir tempatan yang bijak di belakang sultan seperti Dato' Jaafar Muhammad, Mohd. Salleh bin Perang dan Abdul Rahman Andak banyak menyumbang kepada kemajuan Johor. Dengan tindakan dan perancangan mereka ini, Johor berjaya membangun sebelum kedatangan Inggeris lagi. Tradisi pentadbiran mereka itu berlanjutan ke zaman merdeka dengan negeri ini melahirkan rama pemimpin negeri dan negara yang terbilang. Daerah Muar boleh berpuas hati kerana telah menyumbang beberapa Menteri Besar kepada pentadbiran negeri Johor.

Mereka datang daripada keluarga ternama dan rakyat biasa. Sebagai pemastautin Muar saya dapat berkenalan dengan mereka itu khasnya setelah saya mencebur politik dan alam perniagaan. Bekerjasama dengan mereka itu tidak begitu sukar kerana semuanya berasaskan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Saya bangga kerana dapat bersama mereka menuhubkan UMNO dan seterusnya memainkan peranan dalam pemerintahan.

Di sini biarlah saya ceritakan sedikit tentang keluarga




Kampung Peserai di Batu Pahat hari ini yang pernah didiami oleh Tun Sulaiman.

dan diri saya. Datuk sebelah ibu saya berasal dari Kelantan manakala sebelah ayah saya dari Nagor, sebuah wilayah yang terletak di selatan India. Ayah saya bernama Ninam Shah pada waktu mudanya telah merantau ke Kuching, Sarawak untuk menjalankan perniagaan. Perniagaannya maju dan tidak beberapa lama beliau menetap di sana, beliau bertemu jodoh dengan seorang gadis Melayu. Hasil daripada perkahwinannya itu, beliau telah dikurniakan seorang anak lelaki yang diberi nama Abu Bakar. Setelah lima belas tahun hidup bersama, dengan kehendak Allah S.W.T isteri ayah saya itu meninggal dunia.

Sedih kehilangan isteri tercinta menyebabkan ayah saya mengambil keputusan menjual semua hartanya serta kedai miliknya yang ada di situ. Dia berpindah ke Johor.

Dengan berbekalkan modal yang sedia ada, beliau meneruskan perniagaannya tetapi kali ini dalam bidang kontrak pembinaan jalan. Maklumlah pada sekitar tahun-tahun 1920-an, pembukaan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu sedang giat dilaksanakan oleh penjajah Inggeris. Maka banyaklah jalan-jalan raya di antara daerah-daerah utama dibina. Ayah saya memasuki tender dan berjaya mendapatkan kontrak membina jalan tanah merah yang menghubungkan Daerah Muar dan Batu Pahat. Kemudiannya jalan raya yang menghubungkan bandar Johor Bahru dan Kota Tinggi.

Teman-teman bersympati dengan ayah saya. Mereka menasihatinya supaya berkahwin lagi. Setelah disersetujui, beliau telah dikahwinkan dengan seorang anak gadis bernama Mariam binti Omar yang ketika itu





tinggal di Kampung Peserai, Batu Pahat dan nenek sebelah ibu saya adalah anak jati kampung itu. Hasil perkahwinannya itu mereka telah dikurniakan seramai empat cahaya mata. Yang sulung lelaki bernama Ahmad, yang kedua perempuan dinamakan Yah, yang ketiga lelaki bernama Mohamad dan yang keempat saya, Sulaiman.

Saya dilahirkan pada 2 Januari 1920 di sebuah rumah kerajaan yang terletak hampir dengan Sarang Buaya yang menjadi sempadan Daerah Batu Pahat-Muar. Waktu itu ayah saya sedang membuat kontrak pembinaan jalan raya Muar ke Batu Pahat. Menurut ayah saya, semasa pembinaan jalan besar terlebih dahulu laluan itu dialas dengan batang-batang pinang yang dikerat-kerat mengikut ukuran lebar jalan yang sedang dibina itu. Kata-nya, ia bertujuan supaya jalan yang dibina bertambah mantap apabila diletakkan tanah merah di atasnya. Setelah batang-batang pinang itu diatur dalam keadaan melintang barulah ditimbul dengan kerikil merah yang diambil dari sebuah bukit terletak di Kampung Bukit Tapai, Air Hitam, Muar.

Tanah merah yang bercampur batu-batu kecil diangkut dengan menggunakan beberapa buah perahu yang disewa. Perahu-perahu ini mudik ke Bukit Tapai, kemudian menghilang semula membawa muatan ke jeti Sarang Buaya. Di sana diangkut pula dengan kereta lembu. Hampir sebanyak empat puluh buah kereta lembu digunakan dalam melakukan kerja-kerja mengangkut itu. Terdapat lebih seratus orang pekerja terdiri daripada orang Melayu, India, Cina dan Sikh yang bekerja dengan ayah saya. Oleh kerana nilai mata wang Ringgit pada masa itu tinggi, pekerja-pekerja dan kakitangan lain yang bekerja dengan ayah saya dibayar gaji bulanan masing-masing sejumlah tiga ke empat ringgit sahaja. Menurut ayah saya, gaji sejumlah itu boleh dianggap lumayan oleh itu ramai orang yang ingin bekerja dengan ayah saya.

Buruh asing datang bekerja bukan saja dalam bidang pembinaan tetapi juga bidang pertanian. Pada awalnya mereka menanam lada hitam dan gambir di merata

Satu pemandangan Kampung Sarang Buaya tempat kelahiran Tun Sulaiman.

kawasan termasuk daerah Batu Pahat dan Muar. Hal ini mendorong lahirnya masayarakat berbilang kaum di Johor. Kehadiran buruh asing itu pada suatu ketika dahulu melebihi bilangan orang Melayu dan keturunan Jawa. Keadaan ini disebabkan oleh pembangunan dan sikap liberal kerajaan Johor yang memerlukan khidmat mereka; dasar ini disambung oleh penjajah Inggeris.

Keluarga saya menetap di satu kawasan di Sarang Buaya sehingga umur saya menjangkau tujuh tahun. Sembilan puluh lima peratus penghuni kawasan ini ialah orang Melayu, Jawa dan Banjar. Ayah saya membina rumah yang besar. Pendek kata kalau saya menjerit di hujung sini, di hujung sana tidak kedengaran. Begitulah besarnya rumah yang kami duduki itu. Selain kami sekeluarga, rumah itu turut didiami oleh beberapa keluarga lain yang bekerja dengan ayah saya. Mereka tinggal di sebelah bahagian rumah saya.

Di simlah kami semua hidup dengan aman sehingga pada suatu hari kemalangan menimpakeluarga saya. Rumah yang kami diami habis terbakar. Kerana kebakaran itu berlaku secara mengejut, tidak ada harta benda yang dapat diselamatkan. Menurut maklumat yang ayah saya peroleh kemudian, kebakaran itu adalah akibat daripada perbuatan khianat tetapi tiada bukti yang sahih tentangnya. Ada kemungkinan juga kebakaran itu berpunca daripada kecuaian. Keluarga lain yang tinggal di rumah kami mempunyai dapur masing-masing bagi memasak makanan harian mereka.

Satu kejadian lagi yang masih kekal dalam ingatan saya ialah perbuatan kami empat beradik berebut makan durian. Suatu hari, ayah saya pulang dengan membawa beberapa biji buah durian yang dibeli daripada seorang peraih di tepi sebuah jalan. Dukacitanya buah-buah itu tidak mencukupi dan kami hanya dapat merasa sedikit sahaja. Melihatkan kami berbebat-bebut, ayah saya menghidupkan enjin keretanya lalu pergi ke Sungai Balang kerana di sana terdapat ramai peraih menjual durian. Di situ ayah saya membeli sekertenya buah durian lalu membawanya balik.

Setibanya di rumah, dia terus memberikan buah-buah itu kepada kami. Katanya kepada kami, "Engkau adik-beradik jangan bergaduh lagi. Makanlah buah durian ini sebanyak mana yang engkau kehendaki." Sambil itu dia memandang ke arah kami dengan senyuman puas. Apalagi, kami masing-masing pun berebut memakan buah-buah durian yang dikopekan oleh ibu.

Saya diberitahu kemudiannya oleh pemandu ayah saya yang dikenali dengan panggilan Abang Puasa bahwa harga durian yang dibeli oleh bapa untuk kami makan cuma satu ringgit sahaja! Beliau mendapat tahu hal ini daripada orang di Sungai Balang yang telah pergi bersama ayah saya untuk membeli buah durian itu. Demikianlah harga barang makanan harian berbanding dengan gaji pendapatan bulanan para pekerja pada waktu itu kelihatan amat seimbang.

Pada tahun 1928, keluarga saya mengambil keputusan berpindah ke Kampung Peserai yang terletak satu setengah kilometer dari jeti sungai untuk menyeverang ke bandar Batu Pahat. Jalan ke Batu Pahat pada masa itu tidaklah begitu baik kerana terdapat banyak lekul-lekul. Kalau naik kereta dari Muar ke situ akan memakan masa tiga jam berbanding dengan tidak sampai sejam sekarang. Kalau kita dari utara, untuk sampai ke kedua-dua bandar ini terpaksa menaiki feri yang diusahakan oleh syarikat penambang Melayu. Pengukutan feri ini wujud seawal-awal ingatan saya dan ditutup hanya setelah jambatan-jambatan dibina merentangi kedua-dua sungai selepas negara merdeka.

Di Kampung Peserai bapa saya meninggal dunia tatkala umurnya kira-kira tujuh puluh tahun lebih. Kami kehilangan seorang bapa yang sangat menjaga disiplin pekerja atau anak-anaknya. Beliau merantau jauh demi mencari penghidupan dan dengan usahanya kami telah disediakan kemudahan-kemudahan hidup yang boleh dikatakan mencukupi.

Saya dihantar oleh ayah memasuki Darjah 1 di Sekolah Bandar Tinggi, yang terletak di tengah-tengah bandar Batu Pahat. Bersama abang serta kakak, saya berjalan kaki dari rumah pergi ke sekolah itu sejauh kira-kira lima kilometer. Kami terpaksa menyeberangi Sungai Batu Pahat menaiki sampan pada hari persekolahan. Penambang sampan yang kami naiki itu tidak menge nakam sebarang bayaran kepada kami murid-murid sekolah yang berulang-alik. Tetapi bagi orang dewasa yang menaikinya, tetap dikenakan bayaran lima sen dan sepuluh sen jika membawa basikal. Bagi pemandu yang membawa kereta, lori atau kereta lembu bayarannya ialah sepuluh sen dan dua puluh sen.

Apa yang menarik di Sekolah Bandar Tinggi itu semua murid yang datang belajar mempunyai komitmen serta tatatertib yang tinggi terhadap peraturan sekolah. Waktu itu pakaian seragam sekolah telah mula dikuat-



kuasakan pemakaianya. Ada antara murid yang datang itu memakai kemeja dan ada yang memakai baju Melayu dengan bersongkok. Jabatan Pendidikan Negeri Johor menetapkan waktu belajar bagi murid-murid mulai dari pukul 7.30 pagi sehingga pukul 12.00 tengah hari sahaja. Selepas itu murid-murid akan pulang ke rumah untuk makan tengah hari dan bersalin pakaian. Mulai pukul 2.30 hingga 4.30 petang, semua murid diwajibkan menghadiri kelas agama di sekolah yang sama. Dengan itu saya terpaksa dua kali berulang-alik ke sekolah pada setiap hari persekolahan demi mendapatkan ilmu pengetahuan.

Tujuan sistem pendidikan seperti ini ialah supaya mata pelajaran yang disampaikan dalam pengantar bahasa Melayu dapat diterima sekali dengan ilmu pengetahuan agama di bawah satu bumbung sekolah. Pendidikan agama yang diintegrasikan dengan sistem persekolahan yang ada itu telah melahirkan kesedaran bahawa pengetahuan agama tidak dapat dipisahkan daripada ilmu dunia yang penting bagi menghadapi cabaram moden. Kita dapat rasai manfaat pendidikan serupa ini hingga sekarang dengan kehadiran pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota masyarakat yang tidak mudah dipengaruhi oleh dakyah politik yang beralaskan agama.

Pelajaran agama disampaikan sehingga ke Darjah Khas, iaitu darjah yang melepassi tahap pelajaran tahun empat sekolah Melayu. Murid-murid yang lulus dari Darjah Khas itu selalunya layak untuk menyandang jawatan sebagai guru sekolah, baik di sekolah Melayu mahupun di sekolah agama tetapi mereka hendaklah terlebih dahulu

Ibu Tun Sulaiman, Mariam binti Omar.





menjalani ujian khas untuk masuki bidang perguruan itu. Bagi murid-murid perempuan pula, kerajaan Johor menyediakan sekolah yang berasingan supaya tidak bercampur dengan murid lelaki sewaktu berada di dalam darjah.

Setelah empat tahun saya belajar di Sekolah Tinggi Batu Pahat, saya berpindah ke Sekolah Melayu di Jalan Lim Poon dan memasuki Darjah Khas Kebangsaan selama dua tahun lagi. Cikgu Amir guru besar ketika itu, seorang anak tempatan Batu Pahat. Saya dapat para pelajar di sini memiliki semangat kebangsaan yang tinggi ditanam oleh para guru yang mengajar mereka. Boleh dikatakan kesemua pelajar ini terdiri daripada anak-anak Melayu yang mengamalkan tatatertib serta budi pekerti yang baik seperti yang selayaknya. Tiada sifat-sifat tidak menyenangkan akibat daripada persekitaran yang buruk mempengaruhi fikiran murid-murid yang sedang belajar itu. Terdapat dua puluh orang guru yang mengajar hampir kira-kira seribu orang murid dari sekitar Daerah Batu Pahat.

Kegembiraan yang paling dirasai oleh para murid yang belajar di sekolah itu ialah sewaktu menyambut Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar. Pada hari keputeraan itu diadakan perhimpunan. Murid-murid dan guru berbaris di padang sekolah me-

Sekolah Melayu di Jalan Lim Poon, Batu Pahat. Tun Sulaiman menuntut di sini semasa kecilnya.



Bersama sanak saudara di Muar pada awal 1950-an. Tun Sulaiman duduk di kerusi (bersama anak) dan di sebelah kirinya Hajah Pon binti Abdul Rahman. Duduk di tengah-tengah ialah Abbas bin Jaafar, bapa tiri kepada Toh Puan Rose yang duduk memegang anak.





Almarhum DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar memerintah negeri Johor lebih daripada enam puluh tahun (dari 1895 sehingga 1959).



Pengangkutan feri di Sungai Muar pada tahun 1960-an sebelum jambatan dibina merentangi sungai ini.

nyanyikan lagu hari keputeraan. Selesai istiadat itu, setiap murid dihadiahkan sekeping kuih karipap besar berkari daging serta segelas minuman air oren. Hari Keputeraan DYMM Baginda Sultan amat dinanti-nantikan oleh murid sekolah. Kami amat gembira kerana pada sepanjang tahun persekolahan, kami tidak menerima pemberian selain daripada itu.

Saya menganggap kuih karipap serta minuman air oren itu sebagai satu hadiah yang sangat istimewa kepada kami murid-murid. Untuk makluman pembaca, Sultan Ibrahim ialah raja pemerintah negeri Johor pada masa itu, menggantikan Sultan Abu Bakar sebelumnya. Baginda berada di takhta selama lebih 60 tahun iaitu melalui zaman British, Perang Dunia Kedua dan hingga selepas kemerdekaan. Zaman remaja saya ialah di bawah pemerintahan baginda. Johor pesat membangun dari segi kemudahan perhubungan, pertanian dan komoditi-komoditi seperti getah dan kumiannya kelapa sawit.

Setelah tamat di Sekolah Jalan Lim Poon, saya masuk belajar di Sekolah Melayu Bukit Cina, Melaka hingga sampai Darjah Enam. Sewaktu belajar di Melaka ini saya tinggal bersama datuk saya, Ahmad yang lebih dikenali

dengan panggilan mesra "Mat Siam." Dari rumahnya di Semabok, saya berbasikal ke sekolah yang jauhnya kira-kira lima kilometer. Dua tahun selepas saya bersekolah di situ, saya lulus peperiksaan akhir dengan cemerlang. Keputusan itu membolehkan saya membuat permohonan untuk memasuki Maktab Perguruan Melayu di Tanjung Malim. Namun, cita-cita saya memasuki maktab itu telah terhalang kerana ibu saya mahukan saya mengikutinya tinggal bersama di Johor Bahru. Dia merindui saya kerana kami telah lama tinggal berjauhan.

Maka itulah saja tahap pendidikan yang saya peroleh. Ia tidak tinggi tetapi sekurang-kurangnya membolehkan saya menulis dan membaca untuk menjadi seorang manusia yang menyediari perkembangan di sekelilingnya dan mengetahui agamanya. Ramai lagi anak bangsa sezaman dengan saya yang langsung tidak berpeluang memasuki sekolah. Tinggallah mereka itu dalam keadaan buta huruf. Hingga ke zaman menjelang kemerdekaan, masih terdapat lagi sebilangan orang Melayu yang tidak tahu membaca. Yang berpendidikan pun kebanyakannya adalah di peringkat rendah sahaja.

Pendidikan yang saya terima adalah dalam rangka

dasar penjajah Inggeris. Di Johor khususnya, pegawai-pegawai Inggeris yang bertanggungjawab dalam soal pendidikan mahukan anak-anak Melayu menumpu pada mata pelajaran asas di peringkat rendah di samping mahir berkebun dan bertukang tangan. Dasar ini juga dilaksanakan di negeri-negeri Melayu yang lain. Pada jangka panjangnya orang Melayu tidak terdedah kepada pendidikan tinggi menyebabkan mereka tercicir dalam persaingan hidup moden. Anak-anak bukan Melayu yang tinggal di bandar-bandar sebaliknya berpeluang memasuki sekolah menengah Inggeris dengan segala kemudahan yang disediakan.

Bagi keperluan penjajah, sekolah Inggeris telah dibina di bandar-bandar seperti Johor Bahru, Batu Pahat dan tidak ketinggalan Muar. Selain segelintir anak-anak pembesar, amat kurang anak-anak Melayu dapat masuk ke sekolah-sekolah ini. Dato' Onn sebagai seorang yang pernah belajar di England, bersama pembesar-pembesar Melayu membantah dasar pendidikan penjajah ini. Mereka mahu kerajaan turut memberi pendidikan Inggeris kepada anak-anak Melayu supaya dilengkapi dengan pengetahuan moden untuk lebih berdaya saing. Pendidikan ini bukan kerana mereka tidak sayang kepada bahasa Melayu yang digunakan dalam pendidikan tetapi sedar kandungannya adalah terhad dan tidak bertujuan memajukan orang Melayu.

Saya dididik dengan pendidikan Melayu sahaja. Namun ia tidak mengurangkan keazaman saya untuk meningkat maju. Saya sentiasa dahagakan kejayaan dan kemajuan. Jadi pendidikan yang terhad itu tidak menghalang saya daripada bergerak memasuki lapangan hidup yang boleh memberi kepuasan kepada saya. Saya tidak mencadangkan pendidikan seperti ini diikuti oleh anak-anak Melayu sekarang. Semua anak Melayu hendaklah berusaha mencapai pendidikan yang setinggi-tingginya dalam pelbagai bidang ilmu yang ada dan menjadi manusia yang berguna kepada bangsanya dan berharga di sisi Tuhan-Nya.



Permandangan pekan Batu Pahat yang sedang pesat membangun hari ini (foto NST).





PADA tahun 1939 apabila usia saya mencapai sembilan belas tahun, saya telah memasuki perkhidmatan polis negeri Johor. Dengan bayaran gaji RM128.00 sebulan, saya berkhidmat sebagai anggota polis selama dua tahun, iaitu sebelum tentera Jepun memasuki Tanah Melayu dari utara dengan menawan Kelantan terlebih dahulu dan kemudiannya ke selatan tanpa dapat dihalang oleh pertahanan British.

Saya tertarik untuk menjadi anggota polis itu pada mulanya kerana minat dan perasaan seronok melihat anggota-anggota polis berbaris dengan penuh berdisiplin. Selain itu mereka dikehendaki memasuki kelas belajar undang-undang polis. Saya sedar bahawa anggota-anggota polis bukan berkawat sahaja bahkan mereka juga harus tahu apa yang mereka lakukan dalam melaksanakan undang-undang. Jika mereka gagal memahami undang-undang, mereka akan diberhentikan daripada menjadi anggota polis.

Dalam perkhidmatan itu saya rasa diri saya sungguh bertuah. Saya telah dipilih oleh pegawai atasan untuk berkhidmat sebagai anggota polis bermotosikal yang merupakan satu unit baru yang ditubuhkan pada tahun 1940. Tugas unit ini ialah melakukan rondaan di seluruh laluan jalan raya yang ada dalam negeri Johor. Walau pun jumlah kenderaan tidak sebanyak jumlah pada masa ini namun berlaku juga beberapa kemalangan yang meragut nyawa. Dengan adanya rondaan yang dilakukan oleh Unit Polis Bermotosikal, kadar kemalangan di jalan raya telah dapat dikurangkan. Terdapat seramai 20 orang anggota yang membuat rondaan bermotosikal itu dan kami meronda sehingga ke daerah Muar, Batu Pahat dan Segamat. Jenis motosikal yang digunakan ialah BSA.

Hasil daripada rondaan yang dilakukan itu sangat positif. Dengan itu saya berpendapat jika dihidupkan kembali Unit Rondaan Bermotosikal secara aktif, saya yakin kadar kemalangan di jalan raya yang mengorbankan agak ramai orang pada saban tahun di negara ini akan dapat dikurangkan.

Setelah Perang Dunia Kedua meletus pada penghujung tahun 1941, dalam tempoh yang singkat tentera Jepun berjaya mara sehingga ke Johor Bahru. Pasukan Polis Negeri Johor segera dibubarkan dan anggota yang ada diarahkan supaya balik ke kampung masing-masing dengan membawa anak isteri mereka. Begitu juga dengan diri saya setelah menyerahkan pakaian seragam,

MEMASUKI PERKHIDMATAN POLIS



saya segera pulang dengan menaiki kereta sewa ke Muar. Dalam perjalanan sewaktu melalui pekan Kulai, kereta yang saya naiki bersama empat lagi penumpang terpaksa berhenti dalam sekatan jalan raya oleh sekumpulan polis dan tentera Jepun yang lengkap bersenjata.

Keempat-empat penumpang termasuk saya diarahkan segera turun oleh polis Jepun. Mereka seramai tujuh orang, iaitu tiga anggota polis dan empat orang askar. Setelah memeriksa beg pakaian yang kami bawa bersama, mereka mengarahkan kami semua supaya membuka baju yang kami pakai. Sebelum itu kami tunduk hormat ikut cara Jepun. Kalau tidak, sudah tentu kami dipukul oleh mereka kerana tiada seorang pun daripada mereka yang berwajah manis. Masing-masing nampak serius dan garang-garang belaka. Pegawai tentera Jepun yang turut ada bersama ketika itu nampaknya dalam keadaan siap sedia dengan pedang yang tercabut dari sarungnya.

Perjalanan saya ke Muar pada hari itu adalah untuk menziarahi ibu saya yang telah pergi ke Bekok sebaik sahaja perang meletus. Di sana ibu saya tinggal di rumah penghulu Bekok yang bersaudara dengannya. Tanpa disedari saya masih memakai tali pinggang polis yang saya tidak pulangkan kepada pasukan. Saya merasakan elok tali pinggang itu saya simpan untuk dijadikan keningan selepas berhenti daripada perkhidmatan sebagai anggota polis. Melihat saya memakai tali pinggang itu, salah seorang polis Jepun itu bertanya sambil menunjukkan ke arah tali pinggang yang berkenaan. Katanya dalam bahasa Melayu pelat Jepun kepada saya, "Anata (engkau) poliskah?" Saya terus menjawab, "Ya, saya polis tetapi saya sudah berhenti."

Sebaik mendengar saya menjawab yang saya ini bekas anggota polis, saya terus ditahan sedangkan mereka yang turut diperiksa bersama saya ketika itu dilepaskan pergi. Kata pegawai Jepun itu kepada saya sewaktu saya ditahan, "Oleh kerana awak telah bekerja dengan polis Johor, sekarang saya mahu awak bekerja dengan Jepun." Dia memandang tajam ke arah saya. "Kalau awak tidak mahu, saya akan hukum sama awak,"

Tun Sulaiman sebagai anggota polis Johor pada tahun 1938.

sambungnya dengan tegas. Oleh kerana keadaan ketika itu sangat genting dan menakutkan, saya terus menerima kehendak pegawai itu walaupun dengan perasaan serba salah. "Kalau tuan sudah paksa saya bekerja dengan tuan, saya ikutlah," kata saya.

Saya terus dibawa semula ke Johor Bahru dengan menaiki sebuah van tentera bersama beberapa orang tentera Jepun sebagai pengiring menuju ke bangunan Ibu Pejabat Polis Johor Bahru. Di situ saya menemui Ketua Polis Jepun bagi negeri Johor. Di pejabatnya saya telah disoal siasat. Setelah mengetahui saya sebelum ini bertugas sebagai anggota polis dari cawangan trafik di bawah kerajaan Inggeris, pegawai polis Jepun itu ber-setuju melantik saya menyandang jawatan Pegawai Kenderaan Polis Johor Bahru berpangkat Inspektor atau *Hai-Bo-Ho*. Gaji bulanan ialah sebanyak 10,000 wang Jepun. Tetapi yang paling saya senangi ialah saya diberi keistimewaan mendapat rokok, beras serta gula percuma daripada kerajaan Jepun.

Sewaktu bertugas di Johor Bahru itu saya mendapat berita kematiian ibu saya di Bekok. Dengan tergesa-gesa saya menaiki teksi ke Muar, tetapi dalam keadaan perintah berkurban, tiada kenderaan dapat dicari untuk membawa saya ke Bekok. Maka saya mengayuh basikal selama tiga jam sebelum sampai ke pekan kecil itu dan sempat melihat pengebumian ibu yang saya kasihii. Semasa hidupnya, saya pastikan sejumlah daripada gaji saya dihantar kepadanya setiap bulan sebagai tanggungjawab seorang anak.

Saya menjadi Pegawai Kenderaan Polis selama setahun sebelum ditukarkan ke Muar pada tahun 1943. Saya telah dinaina pangkat ASP bagi menjalankan tugas OCPD daerah Muar menggantikan Encik Ahmad, seorang anak Melayu yang bersara. Saya menjadi OCPD atau *Kaibo* daerah ini sehingga Jepun menyerah kalah pada bulan Ogos tahun 1945. Terdapat kira-kira dua ratus orang anggota polis yang berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Daerah Muar sahaja dan tiga ratus orang lagi dihantar bertugas di beberapa balai polis dalam daerah itu, seperti Balai Polis Lenga dan Tangkak.

Pengalaman yang sukar saya lupakan ialah pergi menutup Balai Polis Lenga, Panchor dan Pagoh. Ini berikutan ancaman serius pengganas-pengganas komunis kumpulan Bintang Tiga yang sering melakukan serangan ke atas balai-balai polis yang terpencil tanpa mengira waktu. Pernah beberapa anggota polis yang bertugas

telah tercedera atau mati akibat serangan yang dilakukan oleh komunis itu.

Pada waktu saya menutup Balai Polis Pagoh, terdapat seramai dua puluh orang anggota polis yang bertugas di kawasan balai tersebut berserta anak isteri masing-masing. Kedudukan balai polis itu di atas sebuah bukit kecil. Sewaktu saya berada di situ, komunis Bintang Tiga telah melakukan serangan dari bawah bukit. Kekuatan mereka dianggarkan antara dua puluh hingga tiga puluh orang lengkap dengan senapang Rifle Mark 1V dan Mark V buatan British. Senjata itu mereka telah peroleh daripada tentera British yang berundur berikut kejatuhan kerajaan British di Tanah Melayu dan kemaraan tentera Jepun ke selatan.

Serangan komunis itu berlaku pada kira-kira pukul 4.30 petang. Mereka telah cuba sedaya upaya untuk mara menghampiri kedudukan pertahanan kami di balai polis itu. Namun, serangan balas pasukan polis yang saya ketuai tidak sedikit pun goyang, bahkan kami menembak balas dengan tepat ke arah kedudukan gerombolan komunis yang sedang menyerang itu. Keadaan itu telah mengendalikan seketika pergerakan konvoi yang membawa anggota-anggota polis serta anak isteri mereka meninggalkan Balai Polis Pagoh. Kami menggunakan tiga trak polis yang petang itu telah siap sedia untuk bergerak meninggalkan pekarangan balai yang telah ditutup itu. Akibat serangan mengejut yang dilakukan oleh pengganas tersebut telah memaksa saya serta anggota polis yang ada bertahan sambil membalaik tembakkan serangan itu.

Tembak-menembak berterusan hingga memakan masa selama hampir dua jam. Nasib saya boleh dikatakan baik kerana Ketua Polis Jepun yang datang bersama saya ke balai polis itu dapat berhubung melalui alat perhubungan radio dengan pihak tentera Jepun yang berpangkalan di Muar. Beliau meminta supaya bantuan dihantar segera ke tempat kami. Dalam tempoh satu setengah jam, sebanyak dua buah trak yang sarat dengan muatan tentera Jepun yang lengkap bersenjata telah sampai ke kakit bukit berhadapan balai polis yang sedang diserang itu.

Melihat ketibaan dua buah trak itu, gerombolan komunis yang sedang melepaskan tembakan itu segera berundur dan melarikan diri ke dalam hutan yang terletak berhampiran. Pada pukul 8.00 malam itu juga rombongan anak isteri polis bertolak meninggalkan balai



polis itu. Dalam kejadian tembak-menembak tersebut tiada kemalangan jiwa pada pihak anggota polis. Apa yang terjadi pada gerombolan Bintang Tiga yang melakukan serangan itu tidak pula saya ketahui kerana tiada gerakan susulan dibuat oleh pasukan kami untuk menjajiknya. Tujuan kami hanya mahu meninggalkan kawasan tersebut seberapa segera yang boleh.

Seminggu sebelum menutup Balai Polis Pagoh, saya telah menutup Balai Polis Lenga dan membawa pulang dalam sebuah trak kira-kira sepuluh orang anggota polis yang bertugas di situ berserta dengan keluarga masing-masing. Saya bersama seorang pegawai polis Jepun serta seorang pemandu menaiki sebuah kereta lain. Di Batu 23 dalam perjalanan pulang dari Balai Polis Lenga ke Muar itu konvoi kami melalui satu selekoh tajam dan berbahaya. Tiba-tiba kami diserang oleh segerombolan Bintang Tiga.

Serangan mengejut itu dengan melepaskan tembakan raifal dan senapang patah buatan sendiri telah mengenai salah seorang anggota polis yang menaiki trak di belakang kenderaan yang saya naiki. Akibat kecederaan yang dialaminya anggota polis itu meninggal dunia. Kebetulannya sekawtu serangan berlaku cermin kereta yang saya naiki tidak bertutup. Beberapa butir peluru daripada tembakan pengganas itu telah melalui cermin tingkap kereta yang terbuka tanpa mengenai saya atau pegawai Jepun yang duduk bersebelahan saya.

Konvoi kami tidak berhenti untuk membalaik serangan pengganas tersebut kerana saya dapatkan mereka lebih ramai bilangannya daripada anggota polis yang ada bersama saya. Adalah dianggarkan kekuatan mereka melebihnya dua puluh orang yang lengkap bersenjata Rifle Mark IV dan Rifle Mark V serta senapang patah buatan sendiri. Akhirnya konvoi yang saya naiki itu selamat tiba di Ibu Pejabat Polis Muar.

Saya berkhidmat sebagai OCPD daerah Muar sehingga Jepun kalah dan saya diarahkan bertukar ke Johor Bahru dengan tujuan untuk turut menyerah diri bersama pegawai-pegawai Jepun yang lain di sana. Ketika itu bom atom telah digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki. Tetapi

Tun Sulaiman semasa menjadi polis Johor sekitar tahun 1938.



Tun Sulaiman yang duduk di tengah adalah Kaibo bagi daerah Muar pada zaman pemerintahan Jepun (1943).



Tentera MPAJA memberi kerjasamanya kepada British dalam menentang Jepun (Foto Muzium Negara).

arahan pegawai tinggi polis Jepun itu tidak dapat saya terima begitu saja kerana saya berpendapat orang Melayu tidak perlu sama sekali menyerah diri kepada sesiapa kerana bangsa Melayu duduk di tanah air mereka sendiri.

Saya berkata kepada pegawai Jepun itu, "Saya dan orang saya (Melayu) tidak akan pergi ke Johor Bahru, tuan." Mendengar jawapan saya itu, Tuan Hashimoto bersetuju yang saya tidak perlu ikut pergi Johor Bahru. Ini berlawanan dengan arahan yang diberikan olehnya sebelum itu.

Katanya kepada saya, "Baiklah kamu tidak perlu pergi," sambil mengangguk-angguk tanda setuju. Pada hari itu habislah tempoh perkhidmatan saya sebagai pegawai polis Jepun. Pegawai tinggi polis Jepun di daerah Muar, Hashimoto pun tiada lagi kerana telah pergi ke Johor Bahru bersama-sama anggota polis berbangsa Jepun yang lain untuk menyerah diri kepada Pentadbiran Tentera British (BMA) di sana. Sebelum dia bertolak diserahkannya Balai Polis Muar kepada saya untuk diper-

tanggungjawabkan.

Selepas Jepun tiada lagi baru saya berfikir apa akan terjadi jika gerombolan Bintang Tiga keluar beramai-ramai dari hutan untuk merampas senjata serta peluru yang ada tersimpan di balai polis itu. Saya amat takut jika senjata serta peluru itu digunakan pula oleh Bintang Tiga untuk membunuh orang Melayu di daerah Muar. Dingarkan terdapat sejumlah melebihi seratus pucuk Rifle Mark IV dan Mark V, sepuluh laras brengsun dan lebih daripada seratus butir bom tangan serta puluhan ribu butir peluru yang tersimpan di balai polis itu.

Jangkaan kejadian boleh berlaku itu terlintas dalam fikiran saya apabila mengingatkan bagaimana beberapa ketua orang Melayu di daerah Muar yang sangat tidak disukai Bintang Tiga telah dibunuh oleh mereka. Orang Melayu tidak bekerjasama dengan komunis semasa berperang menentang Jepun. Contohnya, saya sendiri sebelum itu telah pernah beberapa kali dihubungi oleh pihak Bintang Tiga meminta saya bersama dengan pihak mereka, namun pelawaan mereka itu saya tolak.



Kereta perisai membuat rondaan semasa Darurat menentang komunis.

Sebelum ini saya pernah terdengar melalui siaran radio yang dipancarkan dari negara jiran, Indonesia, mengisahkan bagaimana rakyat di sana menentang Belanda untuk mendapatkan kemerdekaan dengan hanya menggunakan senjata bambu kuning. Dengan rahmat Allah S.W.T telah datang satu ilham dalam kepala saya setelah mengambil iktibar daripada semangat perjuangan mereka itu. Bersegeralah saya menghubungi abang ipar saya, Besah yang merupakan suami kepada kakak saya, Yah yang menetap di Peserai, Batu Pahat. Sebagai pedagang, Besah menggunakan perahu yang sering berulang-alik ke Bengkalis dan Pekan Baru (Sumatera). Saya menyarankan kepada beliau supaya membantu saya mengangkut senjata serta peluru yang ada dalam simpanan Balai Polis Muar itu untuk diserahkan kepada para pejuang kemerdekaan Indonesia.

Setelah mendapat persetujuan daripadanya, saya dengan beberapa orang telah berusaha mengangkut senjata-senjata serta peluru itu ke perahunya. Sebanyak dua kali saya dan Besah berulang-alik dengan perahu ke Pekan Baru bagi menyerahkan senjata-senjata itu kepada pejuang-pejuang di sana. Saya bertolak dari Muar pada pukul 12.00 tengah malam dan sampai ke Pekan Baru pada pukul 4.30 petang pada keesokan harinya.



Tentera Jepun akhirnya menyerah kalah di Tanah Melayu.



Setelah menyampaikan senjata-senjata itu kepada pihak polis Indonesia di Pekan Baru, dokumen pernyerahan turut diberikan kepada saya oleh mereka tetapi kemudiannya telah hilang daripada simpanan saya. Mungkin kerana saya takut menyimpannya kalau-kalau ia ditemui oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Tuduhan boleh dibuat hingga kena tahan kerana menyerahkan senjata milik Jepun kepada bangsa Indonesia yang sedang berjuang menentang Belanda. Saya sangat bersyukur kerana telah dapat menghulurkan bantuan kepada Indonesia dalam perjuangannya bagi mendapat kemerdekaan.

Sebagai persiapan menghadapi sebarang keadaan yang tidak diingini menimpakan diri saya, saya menyimpan dua pucuk pistol, selaras brengsu serta dua butir bom tangan. Senjata ini bagi menjaga keselamatan diri daripada ancaman pengganas Bintang Tiga sementara menanti keputusan tentera British yang dijangka sampai dalam beberapa hari kemudian.

Tidak berapa lama selepas itu, satu batalion tentera British daripada Rejimen Indian Rifle telah sampai ke Muar dan mereka berpangkalan di Tanjung Ketapang. Mengetahui ketibaan rejimen tersebut, saya cepat-cepat menemui pegawai pemrintah rejimen itu dan menyerahkan kapadanya semua senjata yang tersimpan dengan saya. Mulai dari itu saya kembali seperti biasa menjadi orang awam. Umur saya ketika itu baru du puluh lima tahun dan masih belum mendirikan rumah tangga. Sebelum menyerahkan senjata itu kepada rejimen tersebut, saya tinggal di bawah bujang polis di Jalan Osman, Muar tetapi selepas itu saya berpindah ke sebuah rumah sewa di Jalan Omri.

Mengimbas kembali penglibatan saya dalam tentera Jepun, ia boleh ditafsirkan sebagai bersetuju dengan satu kuasa yang telah banyak mendatangkan penderitaan kepada penduduk Tanah Melayu. Niat Jepun pada awalnya adalah baik iaitu kononnya untuk membebaskan negara ini daripada belenggu orang kulit putih. Tetapi kuasa ini juga berakhiri sebagai penjajah dengan kepentingannya sendiri untuk dijayakan. Parti-parti kiri Melayu turut menyokong Jepun dengan harapan dapat mengambil alih pemerintahan setelah pemergian kuasa ini tetapi cita-cita itu tidak terlaksana.

British pula telah bermuafakat dengan gerombolan komunis yang menentang Jepun bagi mendapatkan balik Tanah Melayu. Ia mahu menjajah semula tanah air ini

sedangkan komunis mempunyai matlamat lain iaitu untuk menubuhkan sebuah republiknya sendiri. Atas sokongan mereka, komunis diberi pengiktirafan oleh kerajaan British termasuk wakil-wakil mereka itu dijemput menghadiri perbarisan bagi merayakan kemenangan pihak Bersekutu di London. Orang Melayu ramai yang memihak kepada British disyaki kerana menyokong Jepun. Jadi apa perlunya mengambil kira sensitiviti mereka dalam merancang satu pengaturan baru bagi pentadbiran Tanah Melayu yang menghapuskan hak-hak asal mereka itu.

Anehnya, orang yang mendapat restu British itu tidak lama kemudian pada tahun 1948 telah melancarkan pemberontakan bagi merebut negara ini secara kekerasan. Senjata-senjata yang dibekalkan kepada mereka sekawtak menentang Jepun dahulu tidak semuanya diserahkan kepada British yang tiba semula di Tanah Melayu. Sebahagian besarnya tersimpan di hutan-hutan untuk dipakai lagi dalam menentang British pula. Banyak estet-estet yang dimusnahkan, banglo-banglo dibakar dan nyawa yang terkorban dalam tempoh Darurat yang telah diisytharkan.

Bagi mengatasi pemberontakan tersebut, British menggunakan pasukan-pasukan keselamatan terdiri daripada askar Melayu, polis dan juga *home guards* Melayu. Mereka ini tidak ragu-ragu lagi untuk bangun menentang suatu corak perjuangan yang asing kepada politik dan cara hidup mereka. Dengan bantuan mereka ini telah dapat meringankan beban British dalam menghadapi keganasan komunis. Di samping itu usaha-usaha dibuat oleh kerajaan bagi menarik sokongan orang Cina terutama di peringkat bawahan supaya menentang komunis dengan menjanjikan kemudahan seperti kerakyatan dan lain-lain lagi kepada mereka itu. Kerakyatan dapat memupuk perasaan kepunyaan di kalangan penduduk bukan Melayu serta membolehkan kerjasama dengan orang Melayu dalam menuntut kemerdekaan tanah air dan seterusnya membina negara.

Sebahagian tentera Kuomintang yang memusuhi komunis berarak selepas perang (foto NST)





MENCEBURI PERNIAGAAN

PADA peringkat awal hidup saya pernah menyimpan hasrat apabila berhenti daripada perkhidmatan polis British akan belayar dengan kapal ke Eropah, singgah di London dan seterusnya ke Amerika Syarikat. Saya ingin menjadi kelasi kapal bersama dengan seorang sahabat bernama Hassan. Beliau orang Melaka yang bekerja bersama saya sebagai anggota polis di Johor Bahru. Begitulah azam kami berdua hingga kata sepakat telah dicapai.

Tetapi apabila saya kembali ke Muar dan bekerja dengan polis Jepun, kemesraan serta ikatan saya dengan penduduk Muar telah memudarkan hasrat saya untuk meneruskan rancangan belayar itu. Kebetulnya sewaktu saya berkhidmat sebagai polis Jepun itu saya mempunyai seorang kenalan yang sangat rapat dengan saya. Namanya Abdul Rahman bin Ahmad, bertugas sebagai pegawai dalam perusahaan penanaman getah di daerah Muar. Ayahnya seorang peniaga yang membuka kedai kain baju di No 20 Jalan Maharani. Beliau juga memiliki dua buah kedai lagi, satu di No 24 dan satu di No 25 pada jalan yang sama.


Oleh kerana persahabatan kami berdua sangat baik macam adik-beradik maka Abdul Rahman berhasrat untuk memberi salah sebuah daripada kedainya kepada saya untuk tujuan perniagaan. Katanya, "Sulaiman, ber尼agalah awak di kedai ini." Sambil itu beliau menunjukkan kepada saya kedai No. 24 milik ayahnya. Saya terpegun seketika memikirkan pandangan sahabat saya itu. Maklumlah saya tidak mempunyai pengalaman langsung dalam hal perniagaan. Abdul Rahman amat berharap agar saya menceburি bidang ini. Dia menegaskan kepada saya yang dia benar-benar ikhlas dan ingin membantu saya.

Waktu itu saya masih belum berkahwin dan sebagai orang bujang rasa tanggungjawab untuk mencari naфkah dan membina keluarga itu masih belum bersungguh-sungguh. Oleh itu saya tidak menyambut serta-merta pelawaan Abdul Rahman yang mahu memberi kedainya itu. Sewaktu bekerja sebagai pegawai polis Jepun dahulu, saya menjalin persahabatan yang agak rapat dengan

Perniagaan Tun Sulaiman bermula di sudut ini (No. 24) di Jalan Maharani, Muar pada tahun 1945.

N. S. SULAIMAN CO

ra
ommerce
Bhd —
Kat 3





Abdul Rahman bin Ahmad yang bermurah hati memberi
kedainya kepada Tun Sulaiman.



Syarikat Perniagaan dan Perusahaan Melayu di Jalan Kesang, Muar hari ini.

gadis-gadis yang mempunyai kedudukan namun, tiada antaranya yang serius. Ini kerana masih ada keinginan dalam hati saya untuk belseyawar ke luar negeri dan melihat dunia. Saya belum berhasrat untuk berkahwin apatah lagi berniaga.

Dalam saya merancang apa yang hendak dibuat setelah tiada kerja, tiba-tiba saya dipanggil oleh Ketua Polis Johor, Dato' Mohd Yusof ke pejabatnya di Johor Bahru. Dalam pertemuan itu, beliau berkata kepada saya, "Man, masa Jepun engkau banyak menolong aku." Sambung beliau lagi dengan merendah diri, "Kau ada kenderaan, aku tiada segala-galanya. Aku termakan budi engkau." Dengan tersenyum saya lalu menjawab, "Itu biasalah Dato'." Beliau turut tersenyum sama. "Sulaiman, sekarang aku telah menjadi Ketua Polis Melayu Johor. Jadi aku minta engkau balik bekerja macam dulu," katanya lagi.

Dia beria-ria benar mahu saya kembali bekerja sebagai anggota polis negeri Johor. Tetapi hati saya ketika itu tidak lagi berminat untuk berada dalam perkhidmatan polis. Saya pun menjelaskan kepada beliau dengan penuh hormat, "Minta maaflah Dato', saya sudah membuat

keputusan. Saya tidak mahu bekerja sebagai anggota polis lagi. Saya bercadang hendak pergi belseyawar ke luar negeri."

Mendengar penjelasan itu, Dato' Mohd Yusof tidak memaksanya supaya bekerja kembali bersamanya. Setelah habis berbual dengannya saya pun bangun hendum meninggalkannya. Tiba-tiba beliau menyeluk sakunya dan mengeluarkan segumpal wang lalu memberikan sebanyak lima ratus ringgit kepada saya. "Ini cuma beri saja oleh sebab engkau tak nak bekerja. Engkau buatlah apa saja dengan duit ini," katanya dengan penuh ikhlas.

Saya menyambut wang itu daripadanya dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T dan mengucapkan berbanyak terima kasih kepadanya. Waktu itu wang sebanyak itu sangat besar nilainya iaitu lebih kurang RM20,000 pada masa sekarang, kerana dengan satu ringgit ketika itu kita boleh membeli pelbagai barang.

Dalam perjalanan ke Muar, kembali terbayang dalam ingatan saya akan tawaran sahabat saya, Abdul Rahman Ahmad untuk mengambil kedainya di Jalan Maharani. Kini peluang saya untuk berniaga telah terbuka kerana



Ahli Majlis Daerah Muar, 1950 terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan kalangan swasta. Tun Sulaiman duduk di kerusi barisan hadapan (dua dari kanan). Dato' Abdullah Ahmad (empat dari kanan) dan Tan Sri Haji Hassan Yunos (empat dari kiri).



modalnya sudah ada di dalam tangan. Tetapi masalahnya apa yang hendak dinilaiakan? Dalam memikirkan masalah itu, tiba-tiba datanglah idea yang saya fikir baik. Saya ingin menjual surat khabar, buku-buku dan majalah. Ini termasuk majalah-majalah import dari negara jiran, Indonesia. Kebetulan waktu itu belum ramai orang Melayu yang mencebur ke perniagaan ini di bandar Muar.

Setelah membuktikan teknik lalu saya terus pergi menemui Abdul Rahman kerana menyatakan perstujuan menerima pelawaannya untuk bermula di kedai itu. Tanpa banyak bicara beliau segera memberikan kunci kedai itu kepada saya dan tanpa berlengah lagi saya pun terus melanggani akhbar Melayu dan akhbar Indonesia selain buku dan majalah. Dengan itu bermula lah perniagaan akhbar saya pada akhir tahun 1945.

Pada peringkat awal cuma saya seorang sahaja menguruskan kedai itu, tanpa dibantu oleh sesiapa. Saya yang membukanya pada setiap awal pagi, saya yang membersihkan ruang kedai dan saya yang menggantung akhbar-akhbar supaya mudah dilihat oleh pelanggan. Saya juga melayani mereka yang datang untuk melanggan dan saya sendiri menutup kedai pada waktu malam. Barang-barang lain yang saya jual termasuk songkok dan pakaian haji. Perniagaan saya itu sangat maju kerana tidak banyak persaingan daripada peniaga lain. Kebanyakan orang Melayu berminat dengan kerja kerajaan dan jika ada yang bermula adalah pada peringkat kecil-kecilan.

Sewa kedai cuma RM40.00 sebulan, satu pemberian khas daripada seorang rakan kepada seorang yang dipercayainya. Abdul Rahman yang pemurah ini kemudiannya menjadi ayah mentua kepada Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin. Setelah memiliki pengalaman serta modal yang mencukupi, saya mengambil dua orang pembantu bagi menguruskan perniagaan yang saya jalankan berikutnya sambutan pelanggan yang menggalakkan. Selain daripada bermula di kedai itu saya mendapat kontrak membekalkan barang-barang makanan keperluan harian kepada penjara Muar. Saya juga berjaya mendapatkan tender membekalkan barang-barang makanan kepada Hospital Muar dan kontrak itu berterusan dari tahun 1946 hingga 1950.

Perniagaan runcit ini banyak memberikan pengalaman kepada saya untuk memajukan perniagaan berdasarkan kaedah-kaedah yang perlu diikuti. Ada kedai-kedai kecil Melayu didapati berada dalam keadaan hidup

segan mati tak mahu kerana tiada tumpuan yang penuh oleh pengusaha-pengusahaanya, seperti menutup kedai terlalu awal, bekalan barang-barang yang sering putus dan tidak amanah pada membayar pinjaman. Apabila bersaing dengan kedai-kedai bukan Melayu terutama di bandar-bandar, kedai-kedai kepunyaaan Melayu itu akan tewas. Tetapi bagi peniaga-peniaga Melayu ini tidak menjadi hal seolah-olah ada fahaman bahawa perniagaan itu bukan bidang mereka.

Melihat kepada bidang perkhidmatan seperti pembekalan, kenderaan dan lain-lain yang bersifat teknikal, pembabitan orang Melayu tidak begitu terserlah. Bagaimanapun satu usaha yang boleh dibanggakan ialah wujudnya sebuah percetakan Melayu di Muar sejak tahun 1930-an lagi dan ia masih beroperasi hingga sekarang. Penyertaan ini akan lebih berkesan jika pengusaha-pengusaha Melayu dapat menyediakan perkhidmatan yang bermutu dan sentiasa konsisten. Pelanggan-pelanggan akan berpuas hati kerana beroleh perkhidmatan yang memuaskan.

Dalam sektor perbankan, keadaan pada masa dahulu sangatlah berbeza daripada apa yang ada sekarang. Pada tahun 1950-an, komprador Hong Kong and Shanghai Bank di Muar ialah Ketua MCA kawasan ini. Daripada kira-kira lebih 30 orang kakitangan bank ini terdapat hanya seorang Melayu—bertugas sebagai peon. Syukur alhamdulillah selepas kita mencapai kemerdekaan keadaan ini mula berubah. Bank yang saya sebut itu tadi turut membuat perubahan dengan melantik seorang pengurus Melayu. Maka jika ada orang berkata merdeka tidak ada guna, inilah bukti sebaliknya. Ia memerlukan sikap yang tidak berputus asa dalam mengasuh

Bangunan syarikat bas
Lian Hoe di Muar.





dan membangunkan potensi orang Melayu seperti yang dilakukan oleh UMNO sehingga kini.

Mengenai perniagaan saya, kerana sambutan daripada penduduk setempat sangat baik, saya berjanji kepada diri saya akan tetap kekal menetap di Muar. Maka dari situ dan dalam keadaan itulah timbul perasaan dalam hati saya untuk mendirikan rumah tangga. Kebetulan pada waktu itu saya berkenalan dengan seorang gadis yang menetap di Jalan Abdul Rahman yang bernama Rose binti Othman. Ibunya yang berasal dari Limbongan, Melaka telah berpindah ke Muar. Atakala umurnya masuk tiga tahun, ayahnya Haji Othman kembali ke rahmatullah. Ibunya berkahwin lagi dengan orang Muar, Haji Abas Jaafar yang adalah adik-beradik kepada Dato' Haji Abdullah Jaafar, bekas Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Walaupun pada peringkat awal perkenalan saya dengan Rose tidak berapa serius tetapi apabila saya mulai bermiaga dan mempunyai pendapatan tetap, hasrat saya hendak menyuntingnya bagi menjadikannya teman hidup semakin mendalam. Maka saya mengambil keputusan menghantar wakil meminang. Pinangan saya itu diterima oleh pihak perempuan kerana mereka telah lama mengenal saya iaitu sejak saya masih bertugas di Balai Polis Muar lagi.


Sebelum berkahwin, kami berdua sememangnya tidak pernah bertemu. Saya hanya dapat mengenali Rose sewaktu menaiki motosikal melalui jalan di hadapan rumah yang kami duduksi sekarang ini. Waktu itu saya berpakaian seragam polis berpagkak ASP dengan pedang tersisip di pinggang dan mungkin menarik dipandang. Rose hanya memerhatikan saya dari balik tingkap sahaja. Saban hari saya melalui jalan itu kerana rumah pegawai polis terletak tidak jauh dari situ. Dia tidak tahu waktu itu saya telah jatuh hati dan mahu mengambilnya sebagai isteri.


Hantaran belanja perkahwinan saya dengan Rose tidaklah berapa tinggi iaitu RM1,000 serba satu. Majlis perkahwinan telah berlangsung di rumah saudaranya di Limbongan, Melaka pada awal tahun 1946. Sebaik



Bergambar sempena mesyuarat Persatuan Bas Ekspres Seluruh Malaysia. Duduk di sebelah kiri, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Di sebelah kanan Tun Sulaiman sebagai pengurus persatuan.







sahaja selesai majlis, saya terus membawanya untuk tinggal bersama di rumah kedai No. 24 itu. Kini kedai tempat saya bermiaga itu telah dirobohkan dan pada tapaknya didirikan Bank Bumiputra Commerce. Kami berkahwin pada tahun 1946 ketika umur saya baru 25 tahun dan Rose menjangkau 18 tahun.

Adik-beradik saya yang lain masing-masing lebih awal mendirikan rumah tangga. Abang saya, Ahmad berkahwin di Mersing dan beranak pinak di sana. Seorang lagi abang saya, Mohamad, meninggal dunia sewaktu tentera Jepun masuk menyerang Daerah Pontian. Kakak saya, Yah setelah berkahwin dengan Besah menetap di Batu Pahat.

Setelah mendirikan rumah tangga, Rose cukup memahami kerendah saya. Layanan yang sebaik-baiknya diberi kepada saya dan begitu juga saya kepadanya, membolehkan kami hidup yang harmoni dan bahagia. Dengan itu perniagaan saya berjalan lancar tanpa apa-apa gangguan. Rose memberitahu kawan-kawan dan saudaranya bahawa saya seorang suami yang tidak cerebet dan sangat pengasih. Makan minum saya mudah dan dari segi pakaian tidak memilih sangat. Namun apabila menghadiri majlis rasmi saya akan mengenakan pakaian yang agak baik dan sesuai. Pakaian yang dia pakai pun sejak kami berkahwin dulu sayalah yang membelinya.

Selepas hampir setahun lebih kami hidup bersama, ibu mentua saya menyerahkan tanah miliknya di No. 5, Jalan Abdul Rahman yang keluasannya lebih kurang setengah ekar kepada saya suami isteri. Ketika itu kami berdua baru dikurniakan oleh Allah S.W.T seorang cahaya mata perempuan yang diberi nama Faridah. Memandangkan duduk di bandar susah menjaga anak kecil maka saya suami isteri mengambil keputusan berpindah menduduki rumah yang diberikan oleh ibu mentua saya itu. Kami sekeluarga mendirikan rumah dan kekal mendiami tanah itu sehingga kini setelah 55 tahun tanpa pindah ke mana-mana.

Daripada setengah ekar keluasan tanah itu saya tambah secara peringkat demi peringkat sehingga kini

Tun Sulaiman membuat kenyataan kepada media berhubung dengan kadar tambang bas ekspres.

ia menjadi lima ekar keseluruhannya. Harga asal bagi setengah ekar tanah milik ibu mentua saya pada waktu mula-mula saya duduk dahulu cuma RM8,000 sahaja. Setelah pemergian Allahyarhamah tanah itu berpindah milik kepada nama suaminya Haji Abas, tetapi beliau kemudian bersetuju menyerahkan tanah itu kepada saya dengan harga RM 20,000.

Kebetulan tanah bersebelahan dengan tanah saya duduki itu dimiliki oleh salah seorang sahabat saya, Haji Mohd Zain yang ketika itu ialah Ketua Pemuda UMNO Bahagian Muar. Beliau bersetuju menjualkan tanah miliknya seluas setengah ekar sebagai penambah kepada tanah saya yang sedia ada pada harga RM 8,000.

Di sebelah tanah itu ada lagi tanah seluas satu ekar milik Cikgu Abdullah. Oleh kerana beliau hendak berpindah ke Serom, beliau bersetuju untuk menjual tanah itu kepada saya dengan harga RM 20,000. Saya membeli tanah-tanah itu pada sekitar tahun 1960-an ketika saya menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Hasilnya keluasan tanah yang saya diami itu menjadi dua ekar.


Kemudian di sebelah belakang tanah yang saya duduki itu juga terdapat dua keping lagi tanah seluas setengah dan satu setengah ekar milik adik-beradik kepada isteri Allahyarham Tan Sri Haji Hassan Yunos, Menteri Besar Johor yang kesepuluh. Apabila salah seorang daripadanya meninggal dan seorang lagi berpindah ke Johor Bahru, tanah dua keping yang seluas dua ekar itu dengan sukarela dijual kepada saya. Bersebelahan dengan tanah itu ada lagi tanah milik Tan Sri Haji Hassan berserta dengan rumah. Setelah beliau kembali ke rahmatullah, tanah serta rumah itu berpindah milik kepada anak-anaknya yang kemudiannya menetap di Kuala Lumpur. Mereka bermuafakat untuk menyerahkan tanah serta rumah yang tidak digunakan itu kepada saya. Maka akhirnya segala tanah yang terletak di sekeliling tanah saya ini menjadi milik saya.

Ketika bertugas sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 1960-an, kerajaan negeri Johor ada memperuntukkan sebuah rumah kepada saya



Bangunan Tun Sulaiman dibina pada tapak kedai lama, No 24, Jalan Maharani, Muar







di Johor Bahru tetapi saya tidak memilih untuk duduk di rumah itu. Saya lebih suka berulang-alik dari Muar ke Johor Bahru, bertolak selepas waktu Subuh dan balik pada petang hari.

Muar adalah pangkalan di mana saya mula menceburui perniagaan. Oleh kerana tidak ramai orang Melayu yang turut berniaga di bandar Muar, maka menjadi satu macam penghormatan oleh mereka terhadap saya yang telah berusaha sendiri membuka perniagaan. Satu kesan lagi, pada tahun 1951 kerajaan negeri Johor telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menduduki Majlis Perbandaran Muar. Pegawai Daerah Muar, Dato' Mahmud adalah Yang Dipertua dan Penasihat Undang-undang seorang Inggeris. Ahli Majlis ada dua belas orang kesemuanya iaitu sepuluh orang Melayu dan dua orang Cina. Saya orang Melayu yang pertama dari luar kerajaan yang dilantik ke Majlis ini kerana sebelum itu, orang yang berkhidmat dengan kerajaan sahaja biasanya diberikan kepercayaan.

Maka saya dapat selain berpolitik, penting dalam satu-satu negeri atau negara terdapat sebilangan orang yang bergerak aktif dalam perniagaan. Ia satu bidang amat berpengaruh kerana dengan harta kekayaan yang kita kumpul dapat pula menentukan perjalanan masyarakat. Kata-kata kita didengar kerana kita bercakap bukan sekadar gigi dengan lidah, tetapi ada kekuatan kewangan yang boleh disumbangkan bagi kebajikan umum. Peranan pengusaha-pengusaha ini diiktiraf oleh kebanyakan negara maju sehingga ada antara mereka itu dilantik bagi mengetuai agensi-agensi ekonomi kerajaan dan nasihat-nasihat mereka diminta bagi memusatkan lagi pembangunan. Sesetengah mereka itu pulak dihantar ke negara-negara asing sebagai duta yang adalah satu pengiktaran terhadap peranan golongan peniaga. Saya fikir ada baik jika langkah-langkah ini turut diikuti oleh negara kita.

Bandar Muar yang terletak di tepi sungai dengan nama yang sama.



PENUBUHAN UMNO DI MUAR

DESAKAN penubuhan UMNO adalah berikutan dengan semangat meluap-luap orang Melayu di seluruh tanah air yang ingin melihat bangsa Melayu bersatu menjadi satu kumpulan yang kuat serta disegani. Bangsa Melayu ketika itu berasa serik kerana setelah Jepun menyerah kalah, Bintang Tiga mengambil kesempatan bermaharajalela. Seingat saya, ramai daripada kalangan ketua-ketua orang Melayu menjadi mangsa kekejaman gerombolan tersebut terutama di beberapa tempat yang tidak terkawal di Batu Pahat dan Muar.

Kemudian timbul pula masalah penubuhan Malayan Union yang hampir menjadikan nasib raja-raja Melayu sama seperti yang menimpa Sultan Hussein Shah, Singapura yang telah hilang kuasa dan akhirnya terbuang ke negeri Melaka. Orang Melayu ibarat ayam kehilangan ibu, tidak tahu kepada siapa untuk mengadu nasib mereka. Penjajah British yang telah mengambil negeri-negeri Melayu melalui perjanjian dengan raja-raja Melayu telah pecah amanah dengan menganjurkan satu rancangan yang bakal mengguburkan bangsa ini. Penjajah tidak ambil peduli akan hal ini kerana ini bukan negeri mereka. Mereka akan buat apa saja asalkan kepentingan mereka terpelihara.

Dalam keadaan tidak mementu ini, terdapat di kalangan orang Melayu yang memiliki semangat waja dan sanggup bergadai nyawa demi mempertahankan maruah agama, bangsa dan tanah air. Mereka sekali-kali tidak mahu dijadikan mangsa hawa nafsu kejамan Bintang Tiga atau kerena penjajah. Contohnya, di Batu Pahat bangkit orang Melayu di bawah Panglima Kiyai Salleh yang berjaya menyatukan orang Melayu di Parit Sulong, Mukim Empat, Parit Puasa dan seluruh daerah Batu Pahat dan Muar demi memastikan bangsa mereka tidak teranaya oleh kekejaman Bintang Tiga.

Dengan kejayaan Panglima Kiyai Salleh itu maka ramaiah orang Melayu datang berguru dengannya. Termasuklah saya sendiri yang turut menjadi muridnya. Dengan beliau saya telah belajar ilmu silat dan ilmu mempertahankan diri. Beliau mengajar sehingga kami

Bangunan UMNO Bahagian Muar
di Jalan Mariam, Muar.



BILIK GERAKAN BAH. MUAR
UNDILAH BARISAN NASIONAL

betul-betul yakin ilmu yang diajarkannya itu sangat mujarab dan mampu mempertahankan diri jika musuh datang menyerang.

Saya akui benar kerana sewaktu berlaku huru-hara dan Bintang Tiga hendak mengamuk di Muar dan Batu Pahat, disebut saja orang Kiyai Salleh akan datang, mereka (komunis) semua akan bertemparian lari. Begitulah kuatnya pengaruh keahlawanan Panglima Kiyai Salleh sehingga pengganas-pengganas Bintang Tiga menjadi kecuk mendinggar namanya. Selain daripada Kiyai Salleh, terdapat beberapa orang lagi pahlawan Melayu turut bangun menentang keganasan Bintang Tiga di Daerah Batu Pahat dan Muar ini. Antaranya, Kiyai Mustahil di Ketago dan Kiyai Dato' Syed Shamsuddin di Pulau Hulu Muar.

Dapat dilihat bahawa orang Melayu boleh bersatu dalam menghadapi masalah besar ketika itu. Maka apabila ada ura-ura hendak menubuhkan UMNO di Istana Besar, Johor Bahru dengan perkenan Tengku Mahkota Johor, Tengku Ismail Ibrahim, ramailah para pemimpin serta cendekiawan Melayu dari seluruh pelosok tanah air telah datang menghadiri perjumpaan yang bersejarah itu. Adapun saya turut hadir sebagai pegawai kerdil dan pada umur masih mentah. Tidaklah saya ke hadapan tetapi dapat juga saya melihat telatah para perwakilan yang menghadiri kongres penuhuan UMNO pada tanggal 11 Mei 1946 itu. Dato' Onn mengambil bahagian yang aktif dalam menjayakan kongres tersebut.

Sebelum perjumpaan ini, pada bulan Mac telah berlangsung terlebih dahulu Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur yang menghimpunkan wakil-wakil daripada 41 pertubuhan Melayu. Keputusan dalam perjumpaan penting ini ialah bagi mengadakan kongres di Johor Bahru yang membawa kepada penuhuan UMNO. Perjumpaan ini atas desakan orang Melayu yang sedar dan kompen oleh akhbar-akhbar seperti *Majlis* dan *Utusan Melayu* yang disambut pula oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu. Mereka itu yakin bahawa sekiranya tiada sebuah pertubuhan Melayu yang besar bagi melindungi orang Melayu, malapetaka akan menimpah mereka.

Dato' Onn Jaafar yang menyandang jawatan Menteri Besar Johor sekitar tahun 1946 mahukan semua Pegawai Daerah ikut sama menubuhkan UMNO dan mengetuainya di daerah masing-masing. Di Muar, Dato' Mah-





mud menjadi ketua dan Dato' Syed Abu Bakar menjadi penasihat undang-undang. Selain mereka itu ramai lagi pegawai tinggi kerajaan termasuk guru-guru sekolah Melayu menyertai UMNO yang baru ditubuhkan itu. Demikian juga dengan orang kampung. Mereka menunggu-nunggu kelahiran sebuah pertubuhan yang boleh menjamin masa depan agama, bangsa dan tanah air mereka.


Cadangan hendak menubuhkan UMNO di Muar bagi melanjutkan perjuangan parti ini timbul ketika saya menjadi Ahli Majlis Perbandaran Muar. Beberapa orang ditugaskan untuk mengusahakan penubuhan ini yang diketuai sendiri oleh Pengawai Daerah Muar, Dato' Mahmud. Saya telah terpilih menjadi ahli jawatankuasa penaja itu bersama-sama dengan Cikgu Sairan Sabtu, Cikgu Umar Zainal, Penghulu Osman Rais, Penghulu Bandar dan beberapa orang lagi.

Sekjak menyertai UMNO pada tahun 1946 walau apa pun juga pergolakan yang berlaku dalam UMNO, saya belum pernah meninggalkan parti ini hingga ke hari ini. Pelbagai pengalaman telah saya lalui dan banyak peristiwa berlaku pada sepanjang waktu saya menjadi ahli UMNO. Antaranya tindakan Dato' Onn Jaafar meninggalkan UMNO pada tahun 1951 bagi menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya dan kemudiannya Parti Negara.


Pemimpin ulung ini rasa terpinggir apabila cadasannya hendak melonggarkan syarat-syarat kerakyatan kepada orang bukan Melayu telah ditolak oleh wakil-wakil parti yang berpengaruh. Pada mulanya beliau berjaya dipujuk supaya kembali ke pangkuhan UMNO, tetapi dalam perkembangan yang seterusnya terutama kehendaknya untuk membuka parti UMNO kepada orang bukan Melayu menyebabkan kepemimpinannya dipersoal. Setelah beliau tidak bersama UMNO lagi, Pegawai-pegawai Daerah yang mengetuai UMNO di daerah masing-masing telah turut berhenti daripada menjadi ketua.

Maka saya serta beberapa orang lagi Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Muar, antaranya Tuan Haji Abdul Rahman Mahmud (Ketua UMNO Cawangan

Tunku Abdul Rahman (kiri) dan Tun Sulaiman (kanan) pada Persidangan UMNO Malaya di Alor Setar, Kedah pada September 1953.



Tun Abdul Razak berucap semasa lawatannya ke Muar. Sebelah kanan beliau Tun Tan Siew Sin dan Tan Sri Haji Hassan Yunos. Duduk nomor dua dari kanan ialah Tun Sulaiman.



Pedalaman), Imam Abdul Rahman (dikenali dengan panggilan Imam Torona) membuat satu ketetapan untuk menemui Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Johor, Tan Sri Haji Hassan Yunos yang ketika itu mengajar di Masjid Muar dengan tujuan menarik beliau supaya masuk UMNO. Setelah diterangkan maksud kedatangan kami, beliau bersetuju menjadi ahli dan seterusnya dilantik menjadi Ketua UMNO Bahagian Muar menggantikan Dato' Mahmud. Dari tarikh itu beliau berjuang dalam UMNO selama berpuluhan tahun sehingga diberikan kepercayaan menjadi Menteri Besar Johor dari tahun 1959 hingga 1967.

Bilangan yang memasuki UMNO pada waktu itu boleh dikatakan ramai tetapi Undang-undang Tubuh UMNO memperuntukkan bagi setiap daerah hanya dibolehkan satu Bahagian UMNO sahaja ditubuhkan. Dengan itu di daerah Muar termasuk Tangkak, Lenga, Air Hitam dan lain-lain mempunyai hanya satu Bahagian UMNO sahaja bagi seluruh kawasan. Pada tahun-tahun kemudian, bahagian-bahagian yang ada itu dipecah-pecahan mengikut garis sempadan kawasan Parlimen yang diwujudkan.

Daripada kejadian-kejadian yang berlaku dapat dilihat bahawa orang Melayu tidak boleh dikutuk dan tidak mahu ditindas oleh sesiapa. Apabila diancam, mereka akan bangun bersatu. Maka di sini saya yakin dan penuh percaya sebab bangsa Melayu dapat bersatu ialah kerana bimbang kepada penganas Bintang Tiga yang bermaharajela pada masa itu. Walaupun ada segelintir orang kita yang menyertai gerombolan tersebut, kebanyakannya tidak mahu terperangkap di bawah kekuasaannya. Untuk keselamatan agama, bangsa dan tanah air adalah memerlukan sebuah pertubuhan yang benar-benar boleh diyakini dan mampu dijadikan tempat berteduh. Pada fikiran kami, UMNO adalah pertubuhan itu.

Di samping itu penubuhan Malayan Union dengan terang-terang cuba memperdayakan raja-raja Melayu dan menghapus hak orang Melayu di tanah air mereka sendiri. Maka di Johor, orang Melayu menyatakan secara



Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri melawat Muar. Di belakang beliau Tan Sri Othman Soat dan Tun Sulaiman manakala di hadapan ialah Dato' Chua Soong Lim.



TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO






DYMM Sultan Ibrahim berucap di hadapan pemimpin-pemimpin Perikatan yang memprotes terhadap jumlah kerusi yang diperuntukkan bagi pilihan raya 1955. Sebelah kanan Sultan ialah Tun Tan Cheng Lock dan berdekatan dengannya Tun Sulaiman (berbaju Melayu hitam). Tunku Abdul Rahman berdiri nomor tiga dari kanan.

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





tegas pendirian mereka terhadap rancangan British itu. Apabila dua ahli Parlimen British datang meninjau pendapat umum, mereka itu telah beramai-ramai hadir di Istana Besar dengan melaungkan slogan-slogan anti-penjajah. Kerana tunjuk perasaan seperti ini berlaku di seluruh Tanah Melayu menyebabkan rancangan Malay Union akhirnya terpaksa dibatalkan.

Saya masih ingat detik-detik semasa Dato' Onn menjelajah seluruh daerah di negeri Johor untuk menerangkan kepada orang Melayu supaya menyertai UMNO. Semasa datang ke Muar, walau di mana sahaja beliau pergi akan berucap: "Hendaklah kita orang Melayu bersatu. Kalau kita tidak bersatu kita akan hanyut dan negeri ini terserah kepada bangsa asing." Begitulah mulanya ucapan beliau. Beribu-ribu orang datang bagi mendengar ucapannya sehingga penuh sesak di Padang Daerah Muar. Saya dapat Dato' Onn Jaafar seorang pemidato yang handal serta mampu membangkitkan semangat bangsa Melayu yang ketika itu sedang ketandusan seorang pemimpin berkaliber yang dapat menjamin keselamatan mereka.

Bukti kepemimpinannya sewaktu menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat, Dato' Onn seorang diri telah pergi berjumpa ketua komuniti bagi mewujudkan keamanan di daerah ini. Kemudiannya berikutnya berlakunya peristiwa Bintang Tiga menawan Balai Polis Bukit Kepong pada 23 Februari 1950 dan membunuh semua anggota polis serta keluarga mereka yang sedang bertahan di situ, beliau telah melawat balai polis itu sambil menganggap kejadian tersebut sebagai datang daripada orang yang tidak berhati perut. Hari lawatannya itu berkebetulan dengan Majlis Mesyuarat Agung UMNO yang sedang berlangsung di Bandar Maharani.

Setelah Dato' Onn meninggalkan UMNO dan kepe-mimpinannya parti diambil alih oleh Tunku Abdul Rahman, usaha-usaha yang rancak dibuat bagi mencapai kerajaan sendiri. Satu peristiwa yang masih terpahat dalam ingatan saya ialah tindakan lebih daripada 5000 penyokong UMNO dari seluruh Johor berhimpun di bangunan Kerajaan Negeri bagi menghadap Baginda Sultan Ibrahim berhubung dengan pilihan raya Federal yang dilambat-

Lawatan Tan Sri Musa Hitam ke Muar semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tun Sulaiman menyampaikan cenderamata kepada beliau.

lambatkan oleh British. Doa di majlis perhimpunan pada 1 Julai 1954 itu telah dipanjangkan oleh Haji Azhari Abdullah, seorang Ahli Jawatankuasa UMNO Muar.

Mungkin kerana menimbangkan bahaya protes ini, pada sebelah malamnya Pesuruhjaya British, Donald MacGillivray bersetuju berjumput dengan Tunku di atas sebuah kapal yang berlabuh di Pangkalan Tentera Laut Woodlands. Tujuannya membincang jumlah kerusi dipilih bagi pilihan raya yang akan diadakan. Saya bersama beberapa pemimpin parti yang lain duduk di rumah Dato' Ahmad Perang sambil menunggu dengan cemas keupulan Tunku daripada perbincangan itu.

Di Bahagian Muar saya dilantik menjadi Timbalan Ketua setelah bahagian ini diambil alih oleh Tan Sri Haji Hassan Yunos. Jawatan itu kekal saya pegang sehingga tahun 1967. Apabila Tan Sri Haji Hassan Yunos kembali ke rahmatullah pada tahun berikutnya, jawatan Ketua UMNO Bahagian Muar disandang oleh Tan Sri Othman Saat yang sebelumnya ialah Ahli Jawatankuasa Bahagian. Saya pula dilantik sebagai Pengurus Tetap Bahagian selain dikehendaki menjalankan tugas Pengurus Biro Politik. Jawatan-jawatan tersebut saya pegang sehingga UMNO Bahagian Muar dipecahkan menjadi dua bahagian, iaitu Muar dan Pagoh pada tahun 1974. Berikutkan dengan itu Tan Sri Othman Saat yang juga Menteri Besar Johor dilantik menjadi Ketua UMNO Bahagian Pagoh.

Saya pula kekal di Bahagian Muar dan dipilih sebagai ketuanya, iaitu jawatan yang saya pegang hingga tahun 1986. Jadi sejak penubuhan UMNO Bahagian Muar saya menduduki pelbagai jawatan dari Ahli Jawatankuasa Penaja, Timbalan Ketua, Pengurus Tetap Bahagian dan Ketua Bahagian. Selama lebih dua puluh tahun saya berada dalam teraju pimpinan UMNO Bahagian Muar iaitu bermula sebelum merdeka hinggahal saya menjadi wakil rakyat dan Ahli Exco Kerajaan Negeri, bersara daripada wakil rakyat dan mencebur perniagaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya mentadbirkan bahagian ini selaku antara yang paling awal ditubuhkan.

Dalam tempoh yang panjang itu saya berkenalan

*Menyambut ketibaan Tun Hussein Onn di Muar.
Tun Sulaiman di sebelah kanan dan
Dato' Embong Yahya di tengah-tengah.*





TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





Tun Sulaiman (kanan) dan Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd. Yassin (kiri) mengiringi Tun Ghafar Baba (tengah) yang membuat lawatan ke Muar.



Tun Sulaiman menerima cenderamata tokoh UMNO berjasa sempena perayaan Jubli Perak UMNO Cawangan Bandar 'A' dalam Bahagian Muar, disampaikan oleh Tengku Ahmad Rithauddeen.

Tun Sulaiman (kanan) menyambut Dato' Seri Dr. Mahathir (kiri) yang melawat Muar. Di tengah ialah Dato' Syed Zain, Ketua UMNO Bahagian Kluang.

dengan ramai tokoh parti tempatan baik di peringkat Bahagian atau Cawangan. Usaha bagi menjayakan kehendak-kehendak parti bersama dengan mereka itu amat menyeronokkan walaupun tidak dinafikan ada juga saat-saat yang muram. Pada mulanya kami membuat pejabat di sebuah rumah banglo Melayu di Jalan Meriam dan rumah ini kemudiannya dirobohkan demi membina bangunan baru yang ada sekarang. Saya mengeluarkan belanja sebanyak RM100,000 untuk menyiapkan bangunan ini pada tahun 1960 dan berpuas hati yang ahli-ahli parti dapat menggunakaninya.

Apa yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin terdahulu patutlah diabadikan sebagai kenangan bersama dan untuk ingatan mereka yang akan datang. Penghargaan terhadap khidmat kita itulah yang memberi kemanisan kepada perjuangan. Saya bimbang sekbarang ada tendensi untuk melupa dan membiarkan orang dahulu sehingga apabila bekas seorang Setiausaha Agung UMNO meninggal dunia berapakah orang UMNO yang pergi menziarahi jenazahnya? Sikap seperti









ini sangatlah tidak kena bagi sebuah parti yang besar seperti UMNO. Saya cadangkan budaya ini diubah supaya kita lebih mengenang tokoh-tokoh yang berjasa dan akhbar-akhbar seharusnya memberi laporan tentang perjuangan mereka.

Pada peringkat awal penubuhan UMNO Bahagian Muar, seperti juga bahagian-bahagian lain, tidak ada peribuntuan bagi jawatan penting. Tumpuan mereka ialah pada isi perjuangan dan menjayakan matlamat parti. Kami sedia mencari orang yang berpengaruh dalam masyarakat untuk memimpin bahagian. Tidak ada usaha untuk meletakkan halangan terhadap mereka, sebaliknya kami bangga mendapat khidmat orang yang terbaik demi kekuatan parti. Hubungan dengan rakyat adalah rapat berdasarkan program yang dijalankan. Kerana itu UMNO dihormati dan pemimpin-pemimpinnya disanjung sebagai orang yang jujur dan kerja bersungguh-sungguh untuk kepentingan ramai.

Setelah begitu lama berkuasa dan sendi-sendianya parti menjadi lemah, adalah perlu kesedaran tentang matlamat sebenar perjuangan parti dipupuk. Sesetengah ahli tidak lagi tahu tujuan memasuki UMNO selain daripada mendapatkan peluang-peluang pembangunan dan berebut jawatan. Untuknya mereka boleh melakukan apa sahaja hingga terjebak dalam politik wang yang boleh memusnahkan parti pada akhirnya. Perlembagaan dan peraturan persidangan ditafsirkan mengikut sudut kepentingan seseorang yang bertanding supaya dia menang. Di manakah lagi idealisme seperti yang wujud di kalangan generasi sebelum merdeka?

Ternampak seolah-olah ada sekosongan dalam jiwa ahli-ahli parti sekarang. Ia perlui diisi dengan idealisme perjuangan yang dapat meningkatkan martabat agama, bangsa dan negara. Yakni usaha-usaha kita tidak tertumpu kepada pembangunan material sahaja walaupun bidang itu juga penting. Pendedahan sekukupnya hendaklah diberi kepada semua ahli UMNO tentang dasar-dasar dan matlamat parti agar pendirian mereka tidak mudah goyang apabila berlaku sedikit kekecewaan seperti tidak memperoleh perkara yang dipohon. Hal

Majlis Perpaduan Melayu Johor di Muar. Di barisan hadapan (kiri ke kanan): Tun Sulaiman, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Hussein Onn.

ini tidak boleh diringankan kerana ramai daripada mereka yang telah menyeleweng itu adalah orang yang dasar-dasar parti belum menyerap dalam dirinya.

Generasi baru tercabar untuk membentuk semula UMNO supaya terhapus segala gjala buruk yang boleh menimpa sesebuah parti. Saya cukup yakin dengan izin Allah S.W.T dan komitmen ahli-ahli secara berterusan, parti kita boleh menjadi kuat dan dapat memerintah beberapa lama lagi. Ini adalah kerana dasarnya sangat menepati kehendak orang Melayu dan umat Islam di negara ini selain membolehkan bangsa kita hidup dalam keadaan aman damai untuk mengejar kemajuan. Dasar-dasar yang baik ini hendaklah diterjemah ke dalam tindakan-tindakan yang bermanfaat sambil membenamkan unsur-unsur buruk daripada menguasai parti.



Majlis pemimpin bersama rakyat seluruh Johor. Dari kiri: Tan Sri Mohamed Rahmat, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, Presiden UMNO Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Sulaiman.

TAD. DATOK S...

UMNO MERANGKAP PERDANA MENJIMPIN PEMIMPIN UMNO SELURUH JO





Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Muar sempena lawatan Tan Sri Musa Hitam ke Muar. Berdiri di barisan hadapan dari kiri: Shahdan Sabtu (nomor dua), Tan Sri Othman Saat (nomor empat), Tan Sri Musa Hitam (nomor lima), Tun Sulaiman (nomor enam), Dr. Ng Yee Pan (nomor tujuh) dan Musa Ismail (nomor lapan).





WAKIL RAKYAT DAN PEMBANGUNAN JOHOR


BERIKUTAN dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union pada tanggal Februari 1948, kerajaan negeri-negeri telah membentuk Dewan Undangan masing-masing yang dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Negeri. Di Johor, anggotanya terdiri daripada kalangan mereka yang dilantik atas perkenan DYMM Sultan Ibrahim, dengan seorang Menteri Besar mengetuai majlis itu. Tetapi sebelum ini pun Johor mempunyai sistem pentadbiran yang menjadikan Menteri Besar sebagai ketua Kerajaan Negeri. Menteri Besar Johor yang pertama ialah Dato' Jaafar bin Muhamad (1886-1919) iaitu ayahanda kepada Dato' Onn yang juga menjadi Menteri Besar bagi tempoh 1946-1949.

Pada bulan November 1954, saya dilantik menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri bersama beberapa pemimpin UMNO lain, termasuk Dato' Yassin Abdul Rahman, Menteri Besar ketika itu ialah Dato' Syed Abdul Kadir bin Syed Mohamad yang pernah menyandang jawatan Pengerusi Tetap UMNO pada tahun 1949-1950. Tidak beberapa bulan saya menduduki Majlis ini, jawatan Menteri Besar bertukar kepada Dato' Wan Idris bin Wan Ibrahim. Beliau berkhidmat dari tahun 1955 hingga pilihan raya yang pertama diadakan bagi Dewan Undangan Negeri pada tahun 1959.

Tugas sebagai Ahli Exco Kerajaan Negeri di bawah Dato' Wan Idris antaranya menghadiri mesyuarat yang membincangkan langkah-langkah bagi memajukan negeri Johor. Walaupun beliau seorang pentadbir yang baik dan suka menemui rakyat tetapi tidak banyak rancangan pembangunan yang dapat dijayakan kerana sumber kewangan negeri yang terhad. Lagipun Tanah Melayu ketika itu masih di bawah kuasa British. Namun demikian dalam soal keagamaan banyak rancangan dapat dilakukan bagi perkembangan Islam di negeri Johor.

Bagi pilihan raya umum 1959, saya adalah salah seorang Ahli Jawatankuasa Bahagian yang ditawarkan menjadi calon oleh Tan Sri Haji Hassan Yunos selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor. Terdapat tiga kawasan Dewan Undangan Negeri dan satu kawasan Parlimen yang dipertandingkan di Bahagian Muar. Kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri ialah Parit Bakar, Bandar Maharani dan Parit Jawa.

Pada awalnya bukan saya sahaja yang dicadangkan. Terdapat empat lima lagi nama yang dikemukakan kepada Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor, untuk



Ahli Dewan Undangan Negeri Johor bersama DYMM Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar pada 1954. Tun Sulaiman berdiri di barisan tengah, nombor lima dari kiri dan Sardon Zubir nombor tiga dari kiri. Di barisan belakang nombor dua dari kanan ialah Dato' Yassin Abdul Rahman.

dipertimbangkan. Tetapi mereka itu awal-awal lagi telah menolak kerana tidak mahu menjadi wakil rakyat. Dengan itu terpaksa saya menjadi calon bagi mengantikkan mereka yang menolak itu. Ini kerana gaji atau eluan tugas selaku wakil rakyat pada waktu itu tidaklah seberapa iaitu RM 250.00 sebulan sahaja. Ia sama dengan gaji pokok yang diterima oleh guru-guru di sekolah rendah, oleh itu tiada apa yang hendak direbutkan.

Setelah puas berkempen, tiba hari pengundian pada 19 Ogos 1959 dan sebelah malamnya pengiraan undi. Bagi kawasan Parlimen Muar Selatan, calon Perikatan Dato' Sulaiman Abdul Rahman mencapai kemenangan dengan jumlah undi sebanyak 14 795, menewaskan Haji Tahir bin Haji Daing yang hanya memperoleh 2508 undi dan Raja Hashim bin Haji Raja Mahmud dari Parti Negara memperoleh 2069 undi. Saya memperoleh kemenangan dengan undi yang terbanyak antara calon-calon bagi kawasan Dewan Undangan Negeri seluruh Johor. Saya mendapat 8552 undi meninggalkan jauh lawan saya, Tahir Demang Nadir daripada parti PAS yang memperoleh 1532 undi.

Bagi kawasan DUN Parit Bakar, Kosai bin Haji Salleh telah menang dengan majoriti 4874 undi, mengalahkan


Ali bin Salleh daripada PAS yang memperoleh hanya 291 undi. Calon Perikatan di kawasan DUN Bandar Maharani, Chua Soong Lim juga memperoleh kemenangan besar dengan mengalahkan calon Front Sosialis, Abdul Ghani bin Hashim. Jumlah undi yang diterimanya ialah 6410 berbanding 1812 undi untuk Abdul Ghani. Begitu juga dengan Tan Sri Haji Hassan Yunos yang bertanding di kawasan DUN Bukit Serampang telah memperoleh sebanyak 5429 undi, mengalahkan calon bebas Abdul Rahman Mahmud yang mendapat 743 undi.

Sebelum ini ada hasrat daripada orang Kiyai Shamsuddin untuk merayakan kemenangan calon-calon UMNO yang memenangi pilihan raya itu dengan kelebihan undi yang mengatasi kawasan pilihan raya yang lain dalam negeri Johor. Bagi memenuhi nazar mereka itu, saya diusung dan diarak beramai-ramai dalam suatu majlis khas yang diadakan di Kampung Kundang Hulu. Saya sungguh segan dan malu apabila diarak serta diiringi dengan tempik sorak kegembiraan para penyokong UMNO yang begitu ramai hadir pada majlis itu. Ini kerana waktu itu umur saya baru tiga puluhan dan merupakan wakil rakyat termuda antara wakil-wakil yang terpilih dalam pilihan raya tersebut. Peristiwa serupa ini

tidak pernah saya impikan dan menjadi sebahagian daripada kenangan abadi saya.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T serta sungguh berpuas hati dan reda kerana terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri dari tahun 1959 hingga 1964. Dalam tempoh tersebut, pelbagai jawatan telah dipertanggungjawabkan kepada saya oleh Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Hassan Yunos dalam usaha membangunkan negeri Johor dan orang Melayu umumnya. Saya dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Tanah, Perlombongan dan Perhutanan Negeri serta menjadi Pengurus Lembaga Kemajuan Tanah Johor dan Pengurus Kerajaan Tempatan.

Setelah diberikan kepercayaan untuk menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri Johor, pelbagai rancangan saya buat bagi memajukan kawasan yang saya wakili dan melaksanakan tugas-tugas portfolio yang saya dipertanggungjawabkan hasil sokongan Menteri Besar dan rakan-rakan dalam Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Saya berusaha mendapatkan perturutan membuat jalan baru bertar dari Parit Yusof ke Air Hitam, Batu Pahat dan dari Bukit Mor ke Parit Yusof. Saya juga berjaya mendapat peruntukan membina jalan bertar dari Pekan Simpang Lima, Bagan ke Pekan Parit Sulong dan dari Parit Puasa ke Batu Pahat. Selainnya saya dapat membina tali air di Sarang Buaya bertujuan mengeringkan paya untuk di-



Ahli Dewan Undangan Negeri Johor 1954.
Tun Sulaiman berdiri di barisan tengah,
nomor tiga dari kiri. Di sebelah kanan
beliau ialah Tan Sri Othman Saat.

Duduk di barisan hadapan ialah:
Tan Sri Hassan Yunos paling kiri, Dato' Syed
Abdul Kadir (nomor lima dari kiri), Dato'
Mohd. Yassin Abdul Rahman (nomor tiga
dari kanan) dan Dato' Chua Soong Lim
paling kanan.






Ahli Exco Kerajaan Negeri Johor bersama Menteri Besar Tan Sri Haji Yunos. Duduk di barisan hadapan (dari kiri): Tan Sri Othman Saat, Haji Taha Zakaria, Tan Sri Haji Hassan Yunos, Dato' Chua Soong Lim dan Tun Sulaiman.



TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





jadikan sawah. Akhirnya tanah-tanah yang telah dibangunkan itu dapat terus mengeluarkan hasil.

Satu perkara yang saya tidak dapat dilupakan dalam sejarah hidup saya ialah usaha memujuk orang Melayu yang telah menyertai gerombolan komunis di Serom dan Kundang Ulu. Dengan perantaraan Dato' Kiyai Haji Syed Shamsuddin, satu pertemuan dengan gerombolan tersebut telah diaturkan. Saya berserta Tan Sri Haji Hassan, Haji Abdul Latif dan Cikgu Umar Zainal bergerak dari Muar pada pukul 12.00 tengah malam dengan menaiki kereta menuju ke Sekolah Kebangsaan Serom No.3. Di sana sedia menunggu gerombolan komunis itu yang diketuai oleh seorang yang dikenali dengan nama Margono. Pertemuan itu dijadualkan pada pukul 2.00 pagi di dalam bangunan sekolah itu dengan beberapa buah meja dan kerusi disediakan yang diterangi oleh cahaya pelita minyak tanah.

Margono dan orangnya tidak membawa sebarang senjata api, begitu juga dengan rombongan kami yang datang itu. Juga tiada kelihatan orang Kiyai Shamsuddin sewaktu mengadakan rundingan empat mata dengan Margono pada malam itu. Setelah memberi dan menjawab salam serta berjabat tangan antara satu dengan lain, kami berserta Margono yang turut diiringi oleh empat orang kanannya duduk di tempat masing-masing bagi memulakan perbincangan.

Antara perkara yang dilakukan oleh Tan Sri Haji Hassan Yunos ialah melahirkan hasrat beliau kepada Margono supaya membawa kumpulannya kembali ke pangkal jalan dan meletakkan senjata. Tegas Tan Sri Haji Hassan, tiada gunanya orang Melayu menyertai gerombolan komunis kerana komunis mempunyai hanya satu perjuangan saja iaitu untuk kaum Cina yang ingin menakluki Tanah Melayu dan menguasainya.

Saya lihat Margono yang berbadan gempal, tegap dan tinggi mengangguk segera dan berkata, "Itu saya tahu Dato'." Tan Sri Haji Hassan menyambung, "Sekarang kita telah ada parti sendiri, UMNO. Langkah kita ialah menyatupadukan semua orang Melayu supaya

Mesyuarat Exco sedang berjalan. Tun Sulaiman duduk di kerusi paling kiri.



Ahli Exco Negeri Johor sebelum merdeka bersama dengan DYMM Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar (tengah). Duduk di barisan hadapan (dari kiri) Tun Sulaiman nombor satu dan Tan Sri Hassan Haji Yunos nombor tiga manakala Tan Sri Othman Saat nombor satu dari kanan.



menjadi satu rumpun bangsa yang kuat dan bersatu padu."

Margono mendengar penjelasan Tan Sri itu selanjutnya. "Margono serta orang Melayu yang menyertai perjuangan komunis ini harus ingat apakah tujuan komunis yang sebenarnya. Kerana komunis bukanlah datangnya daripada orang Melayu. Ia datang daripada orang Cina. Jadi apabila mereka dapat menakluki negeri ini hak orang Melayu ke atas agama, tanah air dan bangsa mereka akan hapus sama sekali."

Dalam hal ini, Margono bertanya, "Jadi Dato', apa yang harus saya lakukan sekiranya ini?" Jawab Tan Sri Haji Hassan, "Kamu serta orang kamu hendaklah letak senjata dan serah diri. Saya beri jaminan kamu serta orang kamu tidak akan diapa-apakan dan tidak akan dikenakan tindakan undang-undang."

Terdapat lebih daripada 80 orang yang menyertai gerombolan komunis Melayu bersama Margono itu dan mereka dilengkapai dengan beberapa pucuk senjata api jenis Rifle Mark IV, Mark V dan senapang patah buatan sendiri berserta peluru. Dengan air muka yang cemas, Margono segera menyampu, "Tetapi Dato', saya kena serahkan kembali semua senjata yang ada pada saya serta orang saya kepada gerombolan Cina itu. Jikalau tidak, nyawa saya serta orang saya akan diancam mereka." Tan Sri Haji Hassan Yunos mencelah, "Itu boleh awak lakukan demi untuk keselamatan diri awak, orang awak serta keluarga-masing-masing."

Setelah semua perkara dipersetujui, kami berjabat tangan erat serta berbalas senyuman antara satu sama lain. Kami berederal pulang pada pukul 4.30 pagi dengan membawa kenangan yang yang tidak dapat kami lupukan. Walau bagaimanapun sewaktu menyerah diri banyak juga senjata telah diberikan kepada pihak polis oleh Margono dan rakan-rakannya.

PEMBANGUNAN JOHOR

Tan Sri Haji Hassan Yunos selaku Menteri Besar telah melantik saya menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri dan menyerahkan jawatan Pengerusi

Kerajaan Tempatan kepada saya. Perkara yang mampu saya lakukan sewaktu memegang jawatan itu ialah mendapatkan tanah dan membina rumah murah bagi orang Melayu yang tinggal di Larkin, Johor Bahru. Ini penting saya perkatakan kerana waktu itu orang Melayu yang tinggal di bandar Johor Bahru mengalami kesempitan hidup kerana tidak memiliki tanah dan rumah. Mereka hanya menumpang di pinggir-pinggir bandar itu sebagai setinggan di tanah air sendiri sedangkan mereka yang bukan bumiputera hidup selesa di atas tanah yang asalnya dimiliki oleh bumiputera.

Timbul rasa dukacita saya terhadap masalah yang sedang dihadapi oleh orang Melayu. Saya berpendapat nasib mereka ibarat kata perpatih, "Ayam di kepu mati kelaparan, itik di air mati kehausan." Maka dengan itu satu usaha positif yang boleh membantu orang Melayu perlu saya laksanakan supaya mereka tidak hanyut dilanda kemiskinan yang berpunca daripada kelemahan pihak-pihak yang telah dipertanggungjawabkan membela nasib mereka.

Setelah masalah itu dibawa ke pengetahuan Tan Sri Haji Hassan, beliau bersetuju dengan pelan rancangan yang saya kemukakan kepadanya. Satu peruntukan khas telah diluluskan olehnya bagi menjayakan projek membina rumah untuk dijual kepada setinggan bumiputera yang tinggal di sekitar Larkin. Kira-kira 1000 buah rumah dapat dibina di atas tanah kerajaan yang melebihi 1000 ekar di kawasan ini. Boleh dikatakan tiada lagi terdapat bentuk rumah murah seperti yang telah saya bina itu pada masa sekarang, kerana setiap rumah itu didirikan di atas satu lot tanah yang luas satu ekar setiap satunya. Kita boleh lihat hari ini dari Larkin hingga ke Jalan Kota Tinggi kawasan-kawasan yang telah dibangunkan itu. Dengan terbinanya penempatan orang Melayu di situ, kawasan tersebut menjadi kawasan Dewan Undangan Negeri yang diwakili oleh orang Melayu pada setiap kali pilihan raya diadakan.

Selain di Larkin saya juga dapat melaksanakan beberapa projek pembinaan rumah murah di sekitar Batu kawasan jalan ke Kota Tinggi, di Mersing, Kluang, Batu



Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor sebelum Merdeka.





Pahat dan di tempat saya sendiri, Muar. Di Kluang, dengan pelan yang sama rumah-rumah murah untuk orang Melayu dibina di atas sebidang tanah yang terletak di Kampung Melayu. Di Batu Pahat pula rumah-rumah jenis yang sama didirikan di atas tanah milik kerajaan yang terletak di Kampung Istana. Begitu juga di Muar, rumah-rumah dibina di Jalan Ismail berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Ismail. Setiap pemiliknya yang terdiri daripada orang Melayu kini telah membesarakan rumah masing-masing sehingga apabila kita melalui tempat itu kita tidak sedar telah bertukar daripada bentuk asal kepada rumah-rumah banglo yang mewah.

Seperti yang telah saya sebutkan, idea untuk membina penempatan orang Melayu di Larkin itu timbul memandang kepada keadaan orang Melayu yang tinggal di bandar. Saya memikirkan nasib politik mereka itu pada waktu menghadapi pilihan raya dalam kawasan bandar seperti Johor Bahru yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada kaum Cina sahaja. Oleh itu wakil rakyat Melayu tidak boleh untuk mewakili kawasan itu.

Sejak dilaksanakan di Johor, nampaknya pembinaan rumah-rumah murah berterusan sehingga sekarang ini. Bagaimanapun reka bentuknya tidaklah sama seperti yang telah saya lakukan untuk negeri Johor. Kebanyakan rumah murah yang ada sekarang ini berbentuk teres yang pada pendapat saya kurang sesuai. Ini adalah kerana apa yang berlaku di dalam rumah sebelah-menyebelah dapat diketahui oleh jiran. Tetapi memandangkan kos serta penjimatan kawasan tanah bagi rumah murah berbentuk teres ini nampaknya menepati keperluan.

Kerajaan Johor juga menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Johor (LKTJ) iaitu satu badan berkanan yang membuka ladang-ladang getah serta kelapa sawit untuk diagih-agihkan kepada orang Melayu yang tidak memiliki tanah untuk dimajukan. Lembaga itu dipengerusikan oleh Tan Sri Haji Hassan Yunos dan saya sebagai Timbalan Pengurus. Bagi menguruskan peserta-rancangan ini, lembaga bersetuju melantik Abdul Aziz, ayah kepada Dato' Seri Rafidah. LKTJ bergerak selaras dengan matlamat Lembaga Kemajuan Tanah

Tan Sri Haji Hassan Yunos.



Tan Sri Othman Saat.

Persekutuan (LKTP) atau Felda yang ditubuhkan setahun sebelum merdeka. Dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd Taib Andak, seorang anak Johor, Felda menyalurkan banyak bantuan kewangan kepada kerajaan negeri di Semenanjung bagi menjayakan pembukaan tanah.

LKTJ sendiri membuka beribu hektar tanah di daerah-daerah di Kota Tinggi, Endau, Muar dan Segamat, untuk ditanam dengan getah dan kelapa sawit. Dalam setiap rancangan yang dibukanya terdapat 200 hingga 300 peserta. Setiap peserta diberikan kemudahan mendiami sebuah rumah berharga RM 4,000 serta tanah seluas 10 ekar, iaitu lapan ekar untuk tanaman getah atau kelapa sawit dan dua ekar untuk dusun serta kediaman. Kemudahan-kemudahan ini adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian keluarga.



Dato' Wan Idris Ibrahim.

Peserta-peserta tanah rancangan yang telah dipilih itu dikehendaki menjalankan kerja-kerja menanam, membaja, membersihkan rumput dan semak belukar yang tumbuh meliar di sekitar tanah rancangan yang diperuntukkan. Mereka diarah mendiami rumah-rumah yang disediakan setelah segala kemudahan prasarana di sesuatu penempatan itu siap semuanya. Ini termasuklah bangunan sekolah rendah untuk pendidikan anak-anak mereka, klinik, bekalan elektrik dan air, dewan orang ramai serta jalan raya bertaraf. Kemudahan-kemudahan seperti ini tidak terdapat di mana-mana dalam dunia dan ini adalah satu rekod bagi negara-negara yang sedang membangun.

Saya berbangga dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor yang diterajui

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





oleh UMNO dalam mengatasi masalah orang Melayu yang ketiadaan tanah semasa saya menjadi Ahli Exco. Di peringkat negara, usaha seperti ini dilakukan juga yang melibatkan semua negeri di mana terdapat golongan orang Melayu yang miskin. Berada di belakangnya ialah Tun Abdul Razak Hussain, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar, seorang yang tidak tahu penat dalam membantu orang Melayu desa meningkatkan ekonomi mereka. Kita haruslah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana negara kita telah menjadi sebuah negara pengeluar minyak kelapa sawit yang terbesar selain getah hasil sumbangan rancangan tanah Felda.

Setelah terlibat dalam pembangunan negeri Johor, saya berpendapat ada baiknya jika saya kembali menceburii bidang perniagaan. Ini berikutnya keadaan kesihatan saya dan keperluan yang mendesak untuk menanggung anak-anak saya yang agak ramai dan antara mereka itu ada yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara. Tambah-tambah lagi sebelum ini saya memang asalnya datang daripada golongan orang bermula. Maka apabila penggal saya tamat pada tahun 1964, saya mencapai keputusan untuk tidak menyambung lagi tugas sebagai wakil rakyat. Kepada Tan Sri Haji Hassan Yunos yang ketika itu masih manjadi Menteri Besar Johor, saya menyatakan hasrat saya untuk melepaskan jawatan dan kembali bermula. Hasrat saya itu difahaminya dan beliau sendiri berjanji akan membantu saya agar beroleh kejayaan dalam bidang itu.

Berikutnya dengannya bagi pilihan raya umum yang berlangsung pada April 1964, nama saya tidak disenaraikan sebagai calon Perikatan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Parit Jawa. Tempat saya digantikan oleh Sairan bin Sabtu, seorang Ahli Jawatankuasa Bahagian yang pernah bertugas sebagai guru. Setelah kemenangan beliau, kawasan itu kekal di tangan UMNO sampai sekarang walaupun beberapa orang telah bertukar ganti sebagai wakil rakyat. Saya menyambut baik kedatangan wakil-wakil selepas saya semoga mereka itu dapat meneruskan tradisi berkhdmat kepada rakyat yang menjadi pegangan UMNO dan kerajaan.


DYMM Sultan Ismail (bercermin mata gelap) bersama Tengku Ampuan Tun Aminah dan ahli Exco Johor di satu majlis. Menteri Besar Dato' Wan Idris di belakang baginda sedang melihat jam manakala Tun Sulaiman dengan kameranya sedang merakam peristiwa.

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO






Tun Sulaiman (berdiri di atas batu) sewaktu berada di satu tapak projek perumahan Johor.



Tun Dr. Ismail sedang berucap dalam satu majlis rakyat di Johor sekitar 1960.



Tun Dr. Ismail melawat salah satu tapak pembangunan di Johor sekitar 1960.



Lawatan Tun Abdul Razak ke Johor disambut oleh Tan Sri Hassan Yunos (tengah), Dato' Abdul Rahman Jaafar (Setiausaha Kerajaan) dan Tun Sulaiman (kanan).





Ahli Dewan Undangan Negeri Johor tahun 1959 bergambar bersama
DYMM Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar di Bangunan Bukit Timbalan.





DPMMNJ, BANK RAKYAT DAN DEWAN NEGARA

DALAM banyak kenyataan saya selalu mengingatkan apa yang disebut oleh Nabi Muhammad s.a.w bahawa rezeki yang kita peroleh di dunia ini sembilan daripada sepuah bahagian adalah daripada perniagaan. Kita boleh maju dalam apa jua perniagaan yang kita lakukan baik sebagai peruncit, pemborong, pengeluar maupun pengimpor jika mempunyai cukup kegigihan, semangat kental serta minat yang berterusan. Semuanya bergantung kepada diri kita.

Sebagai mana yang saya ceritakan pada awal, saya telah memulakan perniagaan hasil daripada pertolongan sahabat saya, Abdul Rahman Ahmad yang bermurah hati menyewakan kedainya di Jalan Maharani, Muar dengan menjual akhbar, buku-buku serta majalah. Kemudian daripada itu saya membekalkan barang-barang keperluan makanan untuk hospital dan penjara di bandar ini. Itulah langkah awal saya yang telah menunjukkan kejayaan.

Hasil daripada pengalaman berniaga pada waktu tersebut saya gunakan untuk kembali berniaga selepas berhenti daripada menjadi wakil rakyat dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada tahun 1964. Tetapi kali ini dalam konteks yang lebih besar dan lebih agresif. Sewaktu menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri saya dapat banyak peluang-peluang yang boleh saya terokai walaupun terdapat persaingan daripada peniaga-peniaga bukan bumiputera. Maka pada awal persaraan saya itu saya telah membuat permohonan bagi mendapatkan kawasan-kawasan hutan yang tertentu dalam negeri Johor untuk tujuan pengeluaran kayu. Sukacitanya permohonan saya itu diluluskan oleh kerajaan negeri di bawah pimpinan Tan Sri Haji Hassan Yunos.

Berbekalkan modal daripada perolehan sumber hutan itu, saya telah membuka perusahaan membuat batu bata. Kilang ini menjalankan operasinya di daerah Muar dengan kakitangan seramai 10 orang pada permulaannya. Jumlah kakitangan kemudiannya melebihi 50 orang termasuk dalam bahagian pengurusan. Pasarannya bukan setakat daerah Muar bahkan hingga ke seluruh Semenanjung dan Singapura. Kerajaan Negeri juga memberi peluang kepada saya membuka kilang bagi pemasangan kereta jenis opel, tetapi akhirnya terpaksa ditutup kerana persaingan daripada kereta-kereta buatan Jepun yang lebih sesuai dengan pasaran tempatan.

Berikutnya dengan permintaan perkhidmatan bas



ES EKONOMI BU N TUNKU ABD. RA e o b b CERT 1

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman sedang berucap di Kongres Ekonomi Bumiputera pada September 1968. Sebelah kanan beliau Tun Abdul Razak dan sebelah kiri Tun Ghafar Baba.

ekspres yang bertambah pada tahun 1980-an, saya mencuri pula perusahaan pengangkutan. Mula-mulanya saya membuka Syarikat Malacca-Singapore Express Bhd. yang memberi perkhidmatan di laluan Melaka-Singapura. Saya juga membeli saham syarikat-syarikat bas yang mempunyai hak laluan perkhidmatan Muar-Batu Pahat, Yong Peng-Muar dan Melaka-Muar-Singapura. Sehingga kini syarikat bas ekspres serta syarikat-syarikat yang saya ada saham di dalamnya mempunyai 80 buah bas yang memberi perkhidmatan kepada para pengguna di laluan-laluan tersebut.

Kerana penglibatan saya dalam bidang ini, saya telah

terpilih sebagai Pengerusi Pengusaha-pengusaha Bas Malaysia yang terdiri daripada 138 syarikat yang memiliki 4000 buah bas dan dengan 40 000 pekerja di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Mesyuarat-mesyuarat diadakan sampai ke Kuching bagi membincangkan soal-soal berhubung kepentingan pemilik-pemilik bas dan tambang yang tidak berubah sedangkan harga alat-alat ganti telah meningkat berkali ganda. Di samping itu, persatuan mendesak supaya sebuah suruhanjaya bebas ditubuhkan bagi mengkaji jumlah kenderaan seperti bas, teksi dan lori yang diperlukan bagi sesuatu kawasan. Ini bagi memastikan ia mencu-

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





kupi dan tidak berlebihan sehingga merugikan pengusaha-pengusahaannya sendiri.

Selain perkhidmatan bas, saya juga menubuhkan sebuah syarikat usaha sama yang membuka ladang kelapa sawit di Segamat bagi memenuhi keperluan industri minyak sawit. Terdapat seluas 4000 ekar tanah yang telah dipohon oleh syarikat usaha sama saya dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Johor pada pertengahan tahun 1970-an. Perusahaan itu telah berjaya memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 300 orang, termasuk kakitangan pengurusan.

Beberapa tahun setelah menceburiai bidang perniagaan, telah terfikir oleh saya sepatutnya ahli perniagaan Melayu di negeri Johor bernaung di bawah satu pertubuhan seperti Dewan Perniagaan Melayu Malaysia di Kuala Lumpur. Dengan adanya dewan itu dapatlah ia membela serta membantu mengatasi sebarang masalah yang berkaitan dengan hal-hal perniagaan yang dialami ahli-ahlinya. Untuk tujuan itu, saya mengadakan beberapa pertemuan dengan tokoh-tokoh perniagaan daripada kalangan orang Melayu di Johor Bahru bagi mencungkil pandangan mereka terhadap penubuhan dewan ini. Antara tokoh yang saya temui ialah Tuan Haji Bakri, seorang ahli perniagaan yang terkenal di Johor Bahru serta anaknya Mansor Bakri yang mengusahakan pelbagai perniagaan termasuk insurans.

Tujuan ini mendapat sokongan pelbagai pihak utama daripada kalangan ahli-ahli perniagaan serta tokoh-tokoh politik Melayu negeri Johor yang inginkan pembelaan terhadap masalah-masalah para peniaga Melayu di negeri itu. Hasilnya sebuah persatuan yang dikenali dengan nama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Johor atau DPMMNJ telah berjaya ditubuhkan pada pertengahan 1960-an. Dengan keahlian dianggarkan seramai 400 orang, pengurus pertama dewan ini disandang oleh Haji Bakri Barisan jawatankuasa terdiri daripada Ghani Alias dari Mersing, Alias Abu Bakar dari Segamat, Haji Ismail Hassan dari Kluang, saya dari Muar dan beberapa orang lagi.

Berikutnya dengan penubuhan dewan itu saya dapat beberapa kemajuan diperoleh oleh peniaga-peniaga

Tiga tokoh Dewan Perniagaan Melayu di Kongres Ekonomi Burmiputra. Dari kiri di barisan hadapan: Tan Sri Hanafiah Hussein, Tun Sulaiman Ninam Shah dan Dato' Nik Hassan Nik Yahya.

yang menjadi ahlinya. Antaranya pembinaan sebuah bangunan setinggi lima tingkat berharga hampir RM1 juta yang dinamakan Bangunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Johor telah dapat didirikan di Jalan Sengget, Johor Bahru. DPMMNJ kemudiannya bergabung dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia atau DPMM yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Saya terpilih menjadi Naib Yang Dipertua DPMM untuk selama sembilan tahun dari tahun 1969 sehingga tahun 1978.

Dalam pada itu kerana telah berlaku kesilapan teknikal pada penubuhan DPMMNJ, keahliannya dalam DPMM digantung buat seketika. Setelah kesilapan itu diperbetulkan, DPMMNJ kembali berfungsi dengan diberi tarikh baru penubuhannya pada 13 Ogos 1974 oleh Pendaftar Perniagaan Malaysia. Pada tahun 1979 hingga tahun 1982 saya dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua DPMM. Ketika itu jawatan Yang Dipertua disandang oleh tokoh korporat, Dato' Mahmud Ambak, bapa mentua kepada Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Berikutnya dengan keputusan bagi meluaskan skop pergerakannya, DPMMNJ berusaha menubuhkan cawangannya di serata daerah dalam negeri Johor. Antara cawangannya ialah di Muar, Batu Pahat, Mersing, Pontian, Segamat dan Kluang. Pendaftaran bagi penubuhan cawangan-cawangan itu telah diluluskan pada 15 April 1983. Bagi daerah Muar, pengurus pertama cawangan ialah Syed Salim Syed Mohamad dengan barisan jawatankuasanya terdiri daripada Haji Mohd Ismail Mohd Shah, Nurhalim Hashim dan beberapa orang lagi.

Sewaktunya saya menyandang jawatan Naib dan kemudiannya Timbalan Yang Dipertua, DPMM diketuai oleh Dato' Mahmud Ambak berserta dengan Ahli Lembaga Pengarahnya terdiri daripada kalangan ahli-ahli perniagaan dan tokoh-tokoh korporat terkemuka. Antara mereka itu ialah Haji Abas Al-Habsyi dari Pulau Pinang. Dalam tempoh perkhidmatan saya itu banyaklah usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian ahli

Yang Dipertua DPMM, Tan Sri Kamarul Ariffin (kanan) bersama Tun Sulaiman (tengah) berjumpa Naib Presiden Indonesia, Tun Adam Malik (kiri) di Jakarta.





perniagaan Melayu. Kami mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya diadakan satu kongres ekonomi khas untuk bumiputera. Dengan itu pada pertengahan tahun 1965 Kongres Ekonomi Bumiputera Yang Pertama telah berjaya diadakan.

Pada tahun 1968 sekali lagi kongres yang dipanggil Kongres Ekonomi Bumiputera Kedua diadakan di Kuala Lumpur. Dengan berlangsungnya kongres-kongres ekonomi khas itu, dapatlah orang Melayu terutama ahli perniagaan mengemukakan cadangan penting bagi menaikkan martabat bangsa Melayu dalam bidang ekonomi negara ini.

Antara keputusan yang telah dicapai dan seterusnya dilaksanakan oleh kerajaan hasil daripada kongres ekonomi bumiputera ialah penubuhan Bank Bumiputra, Bank Pertanian Melayu hal-hal bersangkutan dengan MARA serta penubuhan PERNAS sebagai agensi perdagangan. Dengan tertubuhnya bank-bank tersebut beberapa masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga Melayu khasnya dalam urusan pinjaman telah dapat diatasi. Begitu juga dalam menghadapi masalah birokrasi dan pelbagai perkara bagi membantu orang Melayu meningkatkan pencapaian mereka telah dapat dijawab hasil daripada kongres-kongres yang dianjurkan DPMMM itu.

Barangkali kerana penglibatan saya dalam DPMMM, telah menyebabkan saya diberi tawaran menjadi Ahli Lembaga beberapa buah syarikat. Tengku Razaleigh Hamzah yang selain menjadi Yang Dipertua DPMMM adalah juga Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra dengan tulus ikhlas melantik saya sebagai Ahli Lembaga bank yang diketuainya walaupun saya bukan seorang yang berkelulusan ekonomi. Selain beliau, saya sempat bekerja dengan dua Yang Dipertua lagi iaitu Tan Sri Hanafiah Hussein yang pada suatu ketika merupakan Bendahari UMNO dan Tan Sri Kamarul Ariffin yang kemudiannya turut menjadi Senator bersama-sama saya. Kedua-dua mereka ini adalah Ahli Lembaga Disiplin UMNO pada hari ini.

Kita harus merenung dan memikirkan mengapa orang Melayu begitu lambat mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi penyertaan mereka dalam perusahaan dan perniagaan. Bukan kerana tidak cukup kemudahan atau peluang diberi kepada mereka, malah boleh dikatakan kemudahan dan peluang itu terlalu banyak sehingga menimbulkan kesangsian bahawa

orang Melayu sahaja yang ditolong. Sebenarnya mereka ini menghadapi saingan yang cukup kuat daripada kumpulan peniaga bukan Melayu yang sudah lama bertapak. Jadi bukanlah mudah untuk menembusi tembok atau jaringan perniagaan yang sedia ada. Apalagi dengan pengalaman mereka yang agak baru dan terdapatnya kelemahan yang menghalang kejayaan.

Satu puncanya ialah tidak mahu berusaha sendiri setelah beroleh peluang yang diberi oleh kerajaan. Didapati ramai pengusaha Melayu memilih jalan mudah untuk mendapat kekayaan dengan cara menyerahkan kontrak-kontrak atau permit yang mereka peroleh kepada bukan Melayu manakala mereka berpuas hati dengan komisen rendah yang diterima. Fenomena menggadaikan permit sangatlah dikesali kerana melambangkan kedai-an fikiran dan sikap orang kita. Sebaliknya jika mereka berkenaan berusaha sendiri dengan penuh gigih pasti hasil yang berlipat ganda akan diperoleh. Tiada siapa boleh menolong orang Melayu dalam hal ini melainkan mereka membuang sikap negatif tersebut.

Di kalangan mereka yang berjaya mengumpul serba sedikit kekayaan sebagai hasil perniagaan yang mereka ceburi atau kontrak-kontrak yang diperoleh, tidak ada perhitungan lagi dalam pembelanjakan wang. Sasaran yang pertama ialah kereta mewah dan perbelanjaan sosial yang melebihi had. Syarikat mereka akan mengalami kekurangan modal dalam sekejap masa saja. Apabila berlaku kegawatan ekonomi, syarikat mereka terpaksa ditutup. Mengapa syarikat bukan Melayu dapat



Tun Sulaiman di Majlis Penyempurnaan Bangunan Landmark oleh Dato' Abdul Ghani Othman pada 30 November 1997.

MAJLIS PENYEMPURNAAN BANGUNAN
Official Topping - UP Ceremony

Landmark

Diresmikan oleh
Officiated by

Y. A. B. Dato Haji Abdul Ghani bin Othman
Menteri Besar Johor
30 November 1997



JOHOR BAHRU TOPPING-UP CEREMONY
30TH NOVEMBER 1997

terus hidup! Selagi peniaga Melayu tidak berdisiplin dan tidak berhati-hati dalam perbelanjaannya, sukarlah bagi mereka untuk bertahan. Perbutan yang memakan modal perlu dibendung sebagai titik permulaan bagi kejayaan dalam perniagaan.

Berkaian dengan modal ini juga, amalan tidak membayar balik pinjaman kepada institusi-institusi kewangan memberi nama buruk kepada individu atau syarikat yang meminjam. Ia tidak akan dipercayai lagi dan akan disenaraikan tidak amanah. Dengan itu dia berkemungkinan besar tidak dapat lagi menjalankan perniagaan. Agensi-agensi kerajaan seperti MARA boleh terhalang fungsinya jika peniaga-peniaga Melayu tidak membayar hutang mereka kepadanya. Oleh itu mereka harus menjaga dengan baik sumber-sumber yang membolehkan mereka membuat perniagaan atas kesedaran bahawa Allah akan sentiasa menolong mereka yang amanah dan rezeki akan datang melimpah-ruah.



Dato' Mahmud Ambak,
Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu.

Dalam menguruskan perniagaan, saya dapat amat mustahak pekerja-pekerja ditanam dengan disiplin agar dapat menyempurnakan semua tanggungjawab yang diserahkan kepada mereka. Pekerja-pekerja yang leleh atau tidak patuh kepada peraturan boleh menyebabkan sesuatu perniagaan mengalami kerugian. Maka carilah pekerja-pekerja yang dedikasi dan komited dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Berikan mereka kesedaran supaya jangan merosakkan syarikat tempat mereka mencari rezeki.

Demikianlah juga imej pengusaha, hendaklah mengotakap apa yang mereka kata dan janji-janji mestilah sentiasa ditepati. Dalam perniagaan kita berpegang kepada janji dan sifat amanah dalam menyediakan atau menghasilkan barang-barang yang dipesan oleh pelanggan. Apabila gagal berbuat demikian, kita tidak dipercayai lagi. Orang tidak mahu berurus dengan kita. Hasilnya perniagaan kita terjejas dengan teruk dan kerugian dialami. Sifat *reliable* atau boleh dipercayai sangat penting ada pada pengusaha-pengusaha.

Tidak ada buku teks dan tidak ada kamus yang boleh mengajar peniaga-peniaga Melayu. Hanya pengalaman yang lama, pahit getir yang dilalui dapat membawa mereka ke arah kejayaan. Tidak ada jalan pintas untuk terus menjadi peniaga gergasi seperti yang diharapkan oleh sesetengah pihak. Dengan menerima bantuan kerajaan saja tidak menjamin seseorang itu akan berjaya dalam perniagaan. Yang diperlukan ialah kegigihan dan kesungguhan dengan menganggap perniagaan satu jihad yang dituntut oleh agama. Ini bererti selangkah demi selangkah hingga menjadikan kita cukup kukuh dan boleh survive dalam semua keadaan.

BANK RAKYAT

Beralih kepada bidang perbankan yang turut berkaitan dengan ekonomi orang Melayu, saya telah diberi kepercayaan oleh pucuk pimpinan negara untuk menjadi Pengerusi Bank Rakyat pada bulan Februari 1976. Sebagai yang sedia maklum, bank ini mengalami masalah modal berikut dengan pinjaman yang tidak berbayar. Tun Hussein Onn selaku Perdana Menteri yang mementingkan ketelusan merasakan satu perubahan dan pemulihian perlu dibuat dalam pengurusan bank ini. Ini kerana Bank Rakyat adalah dijamin oleh kerajaan, maka masalah yang sedang dihadapinya menjadi tanggungjawab kerajaan.




Tun Sulaiman sedang mempengerusikan sidang Dewan Negara.



Tun Sulaiman selaku Timbalan Speaker Dewan Negara bersama Setiausaha Dewan, Hasmoni bin Hussain.

Antara perkara yang saya dapat selesaikan ialah perjanjian bank ini dengan sebuah syarikat di Perancis untuk menjalankan sebuah projek usaha sama membina kilang kertas di negara ini. Tetapi setelah dibuat kajian semula terhadap potensi projek berkenaan, didapati kadar pulangannya tidak begitu menggalakkan kerana masalah pemasaran. Sehubungan dengan itu, saya dengan beberapa Ahli Lembaga Pengarah bank telah pergi ke Perancis untuk berunding bagi membatalkan perjanjian yang telah dimeterai oleh kedua-dua belah pihak sebelum itu.


Selain daripada itu Bank Rakyat juga menghadapi masalah dengan syarikat gergasi yang membekalkan jentolak berjenama Caterpillar di Amerika Syarikat. Saya serta rombongan Bank Rakyat yang turut disertai oleh Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir, Dato' Hashim dan beberapa orang lagi pergi menemui para



pegawai kanan syarikat tersebut di New York untuk memberikan penjelasan tentang masalah yang sedang dihadapi oleh bank. Setelah perundingan antara kedua-dua belah pihak, masalah Bank Rakyat dengan syarikat Caterpillar itu dapat diselesaikan dengan baik.

Saya tidak lama bersama Bank Rakyat, iaitu dua tahun sehingga Januari 1978. Antara Ahli Lembaga Pengarah bank ini sewaktu saya menjadi Pengurusinya ialah Abdul Ghani Ahmad, Yahya Yaacob, Aziz Ibrahim, Haji Yusof Ahmad dan Haji Abdul Karim Abu. Walaupun saya tidak dapat memberi sumbangan yang besar ke arah pembinaan semula bank itu, namun, saya berpuas hati dan sangat bersyukur kerana telah dapat membantu memulihkan kepercayaan para penyimpan di bank ini. Bank Rakyat kembali menjadi sebuah bank yang banyak membantu bumiputera dalam masalah mendapatkan pinjaman dan lain-lain lagi.

Tun Sulaiman (duduk di kanan dalam kedua-dua gambar) menghadiri Persidangan Speaker-speaker Dewan di Korea Selatan.





Sejak saya meninggalkan bank itu, perkembangan bank-bank di Malaysia amat pesat selaras dengan kemajuan ekonomi yang dicapai. Tetapi tidak dapat tidak berlaku kesilapan-kesilapan dalam pengurusan seseorang bank yang amat menyedihkan. Kerajaan sangat prihatin terhadap keadaan dalam institusi kewangan dan terus mengawasinya agar pelanggan terselamat. Antara pengalaman paling getir dihadapi oleh sektor perbankan ialah apa yang menimpa Bank Bumiputra pada suatu masa dahulu. Kemudiannya ketika kegawatan eko-nomi melanda Asia Timur pada tahun 1997 hingga 1999, banyak bank yang bervibawa sekaliupun berada dalam bahaya akan ditutup kerana kekurangan modal. Tanpa mempedulikan pandangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kerajaan menyuntik modal baru dalam bank-bank ini. Dengan cara ini, banyak syarikat yang bergantung kepada dirinya terselamat dan pekerja-pekerja tidak dibuang kerja.

Setelah negara pulih daripada kegawatan ekonomi, kerajaan bertindak lagi dengan mengeluarkan arahan bagi menggabungkan bank yang ada untuk dijadikan beberapa bank sahaja, dengan tiap satunya mempunyai kumpulan modal yang besar. Trend di negara-negara maju sekarang ialah mewujudkan bank-bank yang besar untuk lebih berdaya saing di peringkat global. Maka langkah kerajaan kita untuk menggabungkan bank-bank yang ada sangat dialu-alukan. Antara bank-bank ini ialah Bank Bumiputra Commerce (BCB), Malayan Banking, Public Bank dan lain-lain lagi. Moga-moga semua bank ini dapat memainkan peranan yang sewajarnya dalam pembangunan ekonomi negara kita.

DEWAN NEGARA

Selepas berhenti daripada menjadi wakil rakyat, saya terus menjalankan tugas-tugas Ketua UMNO Bahagian Muar di samping bergiat dalam bidang perniagaan dan kemasyarakatan. Tanggungjawab saya yang baru ialah sebagai Pengurus Tetap UMNO Malaysia. Pada suatu hari dalam tahun 1979, Tun Hussein Onn yang masih menjadi Perdana Menteri, telah menjemput saya me-

nemuinya di Kuala Lumpur. Dalam pertemuan itu beliau menerangkan tujuan saya dijemput datang.

Sambil memandang ke arah saya, beliau berkata, "Man, kau sudah lama menjadi Ketua Bahagian dan tidak lagi menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan sebagainya." Kata beliau lagi, "Bagaimana kalau saya lantik engkau menjadi Senator, engkau setuju?"

Memandangkan Tun Hussein Onn seorang yang saya sangat hormati dan saya telah begitu lama tidak berkhidmat dengan kerajaan walaupun aktif dalam UMNO, saya terus menerima tawaran yang disampaikannya sendiri. Jawab saya kepada Tun Hussein yang juga merupakan Presiden UMNO, "Saya terima Dato', saya setuju memegang jawatan itu." Saya kekal sebagai Senator di Dewan Negara selama dua penggal sehingga tahun 1985. Penggal pertama ialah sewaktu Tun Hussein, iaitu dari 2 April 1979 hingga 1 April 1982 dan apabila Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, beliau telah menyambung khidmat saya sepenggal lagi dari 2 April 1982 hingga 1 April 1985.

Dua tahun sebelumnya tamat tempoh penggal kedua telah berlaku kekosongan jawatan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara. Berikut dengannya, Tan Sri Musa Hitam yang ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO telah menjemput saya ke pejabatnya dan menyampaikan hasrat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir untuk melantik saya mengisi jawatan yang kosong itu. Ini bagi menggantikan Tan Sri Chan Choong Tak yang telah tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Senator. Saya dikehendaki mengangkat sumpah jawatan Timbalan Yang Dipertua pada hari Rabu 2 April 1984.

Sekembali saya daripada menemui Tan Sri Musa Hitam itu, terfikir saya bahawa jawatan yang hendak diserahkan kepada saya ini adalah antara yang tertinggi di dalam negara. Tugas saya ialah mempengerusikan sidang Dewan Negara apabila Yang Dipertua tiada atau menggantikannya pada waktu-waktu tertentu. Saya menilai diri saya seketika kerana saya bukan seorang peguam, lulusan bidang kejuruteraan atau lain-lain dari sebarang institusi pengajian tinggi. Maka saya terasa tidak seharusnya saya menerima jawatan ini. Setelah mengambil keputusan, saya kembali menemui Tan Sri Musa Hitam di pejabatnya.

Kata saya kepada beliau, "Dato', saya minta maaf. Saya tak berani angkat sumpah." Tan Sri Musa Hitam terpegun seketika dan bertanya "Mengapa pula Dato'?"

Tun Sulaiman (kanan) di Persidangan Speaker-speaker Malaysia di Kuching pada Ogos 1983.



Tun Sulaiman (kanan) bersama dengan
Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai.

Saya menjawab, "Kerana memikirkan keadaan saya ini kekurangan serba-serbi, nanti nama parti kita tak baik. Nanti dituduh orang mengangkat orang macam saya ini yang tidak ada kelayakan bagi memegang jawatan yang macam ini tinggi." Tan Sri Musa Hitam termenung mendengar penerangan saya untuk menolak jawatan yang ditawarkan itu. Sambung saya lagi, "Saya rasa kurang sedap sikit Dato'. Dengan itu baiklah timbangkan balik. Tolonglah Dato', biarlah saya mengundurkan diri." Tan Sri Musa Hitam memahami maksud permintaan saya itu dan beliau berjanji akan membawanya ke pengetahuan Dato' Seri Dr. Mahathir.

Selepas tiga hari saya menemui Timbalan Perdana Menteri itu, beliau memanggil saya supaya menemuinya kembali. Kata beliau sebagai memberi jawapan kepada saya, "Dato' mesti terima juga jawatan itu la muktamad, keputusan daripada Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri." Sambil itu beliau mengucapkan tahniah kepada saya. Majlis mengangkat sumpah jawatan telah ditunda kepada hari Jumaat.

Lapang dada saya kerana sudah meluahkan segala isi hati saya kepada mereka. Nampaknya pucuk pimpinan mahukan juga saya memegang jawatan tersebut. Penjelasan yang diberikan kepada saya ialah kalau saya boleh mempengaruhi Perhimpunan Agung UMNO, maka Dewan Negara pun mesti boleh juga. Maka saya terimalah jawatan itu. Usul pelantikan saya sebagai Timbalan Yang Dipertua telah dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Mohamad Nasir kepada Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Ismail Khan pada 14 Disember 1982.

Ucap beliau kepada Dewan: "Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua." Cadangan itu disokong oleh Dato' Kam Woon Wah yang berbunyi: "Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong." Cadangan dan sokongan daripada kedua-duanya itu disahkan oleh Yang Dipertua. Kata beliau, "Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja calon yang telah dikemukakan sebentar tadi oleh

Dato' Haji Mohamad bin Nasir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan disokong, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 2 (3) dan 5 (2), saya mengisyiharkan bahawa Dato' Sulaiman Ninam Shah dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau."

Selama dua tahun saya memegang jawatan itu dan alhamdulillah saya dapat tunaikan kewajipan itu sehingga saya bersara pada 1 April 1985.

Mengikut pengalaman saya di Dewan Negara, semua usul terlebih dahulu datang daripada Dewan Rakyat. Apa juga usul yang diluluskan oleh Dewan Rakyat baik undang-undang atau sebagainya akan dibawa ke Dewan Negara untuk dibahaskan. Jika Dewan Negara tidak ber-

setuju atas usul atau undang-undang yang dibawa dari Dewan Rakyat itu, maka usul atau undang-undang yang dibawa untuk dibahaskan itu boleh dikembalikan kepada Dewan Rakyat. Ini maknanya Dewan Negara adalah dewan yang tertinggi di negara kita ini.

Selama enam tahun saya menjadi Ahli Dewan Negara, termasuk sebagai Timbalan Yang Dipertua. Dengan itu saya sangat-sangat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas amanah yang telah diberikan oleh-Nya kepada saya. Tetapi bukan saya sahaja yang mendapat penghormatan menjadi ahli dewan ini. Dari semasa ke semasa pemimpin-pemimpin parti yang telah banyak berjasa di peringkat negara atau negeri dan tokoh-tokoh profesional dipilih bagi menduduki dewan ini. Mereka ialah orang




Tun Sulaiman memperkenalkan Ahli-ahli Dewan Negara kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mahmood Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail.

yang berwibawa dengan kepakaran tertentu yang dapat disumbangkan melalui perbahasan yang matang.

Saya nampak ahli-ahli dewan ini walaupun bersifat lantikan dan tidak dipilih melalui pilihan raya seharusnya berani mengemukakan pendapat atau cadangan yang boleh memberi manfaat kepada ramai. Sesetengah ahli didapati langsung tidak bercakap semasa tempoh mereka menjadi ahli. Ini adalah sangat merugikan. Dewan Negara hendaklah sentiasa hidup dengan ahli-ahli cerdas membahaskan sesuatu usul atau isu yang menjadi perhatian umum. Di sini kita perlu ikut Dewan Negara seperti di Amerika Syarikat, Australia dan lain-lain yang mana perbahasan ahli-ahlinya sangat bermutu dan diambil kira bagi penggubalan dasar negara.



Gambar beramai-ramai Ahli-ahli
Dewan Negara pada
21 November 1984.





KEBAJIKAN DAN SUKAN

DALAM tempoh saya berjuang dalam politik dan mencebur perniagaan, serba sedikit kejayaan telah saya peroleh dengan izin Allah S.W.T. Boleh dikatakan saya dan keluarga dapat hidup selesa dan memenuhi apa jua keperluan yang dihajati. Saya terfikir apakah orang lain sama berasib baik seperti saya. Bagi setiap orang yang hidup senang, berpuluh atau beratus lagi yang hidup susah disebabkan keadaan yang di luar kemampuan mereka untuk mengatasinya.

Saya kira tidaklah wajar kita duduk melihat saja kesusahan orang lain tanpa bergerak tangan untuk membuat sesuatu yang dapat menolong meringankan beban hidup mereka. Sewaktu menjadi Ahli Dewan Negara telah sampai ke pengetahuan saya bahawa di daerah Muar terdapat seramai hampir 2000 orang anak yatim. Maklumat itu saya peroleh daripada Jawatankuasa UMNO Bahagian yang menerimanya daripada cawangan dan saluran ketua-ketua kampung, penghulu mukim dan sekolah yang telah membuat bancian rambang. Daripada maklumat tersebut, didapati ada antara anak yatim itu tidak mempunyai ibu atau bapa dan ada juga yang ketiadaan kedua-duanya.

Sebelum ini pun apabila anak-anak yatim itu menghadapi masalah, ia sering disampaikan ke pengetahuan saya untuk diberi bantuan yang sepatutnya. Ini berlaku terutamanya pada awal tahun persekolahan dan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Laporan yang saya terima berhubung dengannya adalah sejak saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan Exco Kerajaan Negeri pada tahun 1959 hingga 1964.

Daripada situ timbulah kesedaran serta keazaman dalam diri saya untuk mengambil tindakan yang lebih berkesan bagi membantu kehidupan harian anak-anak yatim di daerah ini. Saya menganggap usaha itu merupakan sebahagian daripada tuntutan agama Islam yang maha suci. Saya berpendapat masa yang sesuai sudah tiba untuk saya melaksanakan apa yang dihasratkan.

Pada suatu malam, Pegawai Daerah Muar Dato' Ahmad Said datang ke rumah saya bersama dengan beberapa orang pembesar daerah dan ketua-ketua UMNO untuk berunding tentang hal ini. Saya ingin mendapatkan persetujuan mereka supaya dibentuk sebuah jawatankuasa penaja bagi menubuhkan persatuan yang akan membantu anak-anak yatim tersebut. Diputuskan juga dalam mesyuarat itu pembinaan se-

buh asrama untuk keperluan anak-anak yatim daerah Muar.

Kemudiannya dalam satu rundingan dengan Tan Sri Othman Saat yang menjadi Menteri Besar ketika itu, beliau telah memberi sokongan kepada cadangan kami. Syaratnya pengerusi atau ketua pertubuhan anak-anak yatim itu hendaklah disandang oleh Pegawai Daerah, timbalannya dibolehkan seorang luar dan salah seorang naib pengerusi disandang oleh Kadi Daerah. Berikutnya dengannya digubal undang-undang pertubuhan yang diberi nama "Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Muar" atau PKAYIM. Matlamatnya yang utama ialah:

- (a) Membela anak-anak yang kurang bermasalah baik seperti anak yatim piatu.

- (b) Memberi pelajaran dan mendidik anak-anak tersebut sehingga ke peringkat sekolah.
- (c) Menempatkan pelajar-pelajar anak yatim yang berkelayakan dari sekolah-sekolah rendah seluruh daerah.
- (d) Menyampaikan derma tahunan kepada anak-anak yatim yang tinggal di luar asrama.

Penubuhan dibuat pada 24 April 1979 dan pendaftarnya diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan pada 19 Mei 1980. Jawatan Pengerusi yang pertama disandang oleh Pegawai Daerah Muar yang baru iaitu Dato' Abdul Razak Haji Abdullah. Timbalannya saya sendiri manakala Naib Pengerusi 1, Kadi Daerah, Haji Abu Bakar bin Ahmad dan Naib Pengerusi, Haji



Asrama Puteri, Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Muar.



Asrama Putera, Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Muar.

Mohamad Mohd Taib. Selain daripada itu jawatan Setiausaha 1 disandang oleh Haji Abdul Ghaffar Ali dan Abdul Wahab Haji Sidek selaku Bendahari. Ahli Jawatankuasa adalah seramai 15 orang yang antaranya Dato' Ayob Meon, Haji Hussein Ahmad, Haji Abdullah Mohd Dali, Ismail Hamzah dan Haji Abdul Rashid Haji Abdullah.

Setelah pertemuan sekali lagi dengan Tan Sri Othman Saat, Kerajaan Negeri Johor bersetuju membeli dua buah banglo yang terletak berhampiran dengan bangunan Masjid Daerah Muar untuk dijadikan asrama. Banglo tersebut mampu menampung seramai 50 orang anak

yatim. Buat permulaan, Ahli Jawatankuasa PKAYIM berusaha mengadakan kutipan derma daripada orang ramai serta mendapatkan bantuan daripada kerajaan bagi membayai pengambilan anak-anak yatim yang akan ditempatkan di asrama itu. Temu duga diadakan bagi pengambilan pertama ke asrama yang akan menempatkan anak-anak yatim lolaki sahaja.

Selepas dua tahun, didapati pertubuhan ini dapat bergerak dengan lancar dan asrama lolaki itu dikendalikan dengan baik. Dari situ kami berfikir pula untuk mengadakan sebuah lagi asrama bagi menempatkan anak-anak yatim perempuan. Secara kbetul terdapat



sebuah rumah peninggalan Tan Sri Mohamad Noah Omar yang diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Daerah Muar untuk dijadikan sekolah rumah tangga. Setelah perundungan dengan jabatan itu, rumah tersebut diserahkan kepada PKAYIM. Kemudian dikeluarkan sedikit belanja pengubahan sebelum dijadikan asrama bagi menempatkan seramai 50 orang anak-anak yatim perempuan.

Kedua-dua asrama itu dapat menampung seramai 100 orang anak yatim lelaki dan perempuan serta kakitangan tetap seramai 13 orang yang terdiri daripada penyelia, pembantu dapur, tukang masak, kakitangan pejabat serta

dua orang pemandu. Pertubuhan ini juga memiliki tiga buah van untuk kemudahan pengangkutan. Bagi menentukan segalanya berjalan dengan lancar, sejumlah wang hampir RM500,000 setahun dibelanjakan untuk membangunkan aktiviti hariannya.

Semua Ahli Jawatankuasa berikhtiar mencari sumber kewangan seperti meminta bantuan derma daripada orang ramai dengan meletakkan tabung-tabung atau peti derma di masjid-masjid setiap kariah. Selainnya perancangan dibuat bagi mendapatkan bantuan daripada kerajaan negeri, baitulmal, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain punca. Kini setelah dua puluh tahun berlalu, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana PKAYIM dapat meneruskan tanggungjawabnya seperti yang diharatkan. Saya juga berpuas hati kerana tiada satu sen pun wang anak-anak yatim ini diambil oleh Ahli Jawatankuasa PKAYIM untuk kepentingan sendiri.



Tun Sulaiman menyampaikan hadiah kepada Puteri PKAYIM.



Tun Sulaiman mengiringi Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd. Yassin yang melawat Puteri PKAYIM.

Sehinggakan ketika mengadakan mesyuarat agung, mesyuarat ahli jawatankuasa dan lain-lain kegiatan, pembiayaan bagi jamuan adalah daripada sumber-sumber lain tanpa menggunakan wang pertubuhan.

Sejak PKAYIM ditubuhkan, seramai 30 orang penghuni dari kedu-a-dua asrama itu telah berjaya melanjutkan pelajaran sehingga ke kolej dan universiti tempatan. Bagaimanapun setelah mereka memasuki pusat pengajian tinggi, mereka tidak lagi ditanggung oleh pertubuhan ini. Ini kerana mereka itu mendapat bantuan daripada kerajaan ataupun bantuan swasta sama seperti penuntut-penuntut pusat pengajian tinggi yang lain.

Syarat utama yang dikenakan kepada setiap penghuni asrama ialah mereka mesti mempelajari agama, lulus fardu ain dan khataman al-Quran sewaktu berada di asrama tersebut. Ada antara mereka yang beroleh kejayaan sehingga menjadi johan dalam pertandingan berzani, tilawah al-Quran dan syarahan di peringkat negeri dan

juga kebangsaan. Di samping itu saya sangat berpuas hati kerana dengan usaha Ahli Jawatankuasa yang ada sehingga kini PKAYIM mempunyai harta sendiri termasuk dua buah asrama, 10 buah rumah, dua buah banglo, enam buah rumah teres dan dua buah kedai.

Baru-baru ini DYMM Sultan Johor, Sultan Iskandar Mahmud telah berkenan mengurnikan sebidang tanah seluas tiga ekar yang terletak di Jalan Joned untuk tujuan pertubuhan. PKAYIM merancang dan menyiapkan pelan yang lengkap untuk membina sebuah kompleks anak yatim yang akan menempatkan asrama lelaki dan perempuan. Kompleks ini akan mengandungi dewan makan, kantin, dewan serbaguna, padang permainan, pejabat dan lain-lain. Pembinaan kompleks ini dijangka menelan belanja sebanyak RM 4 juta dan kini PKAYIM sedang gigih mencari sumber-sumber kewangan bagi menampung perbelanjaan ini.

Selain di Muar, terdapat juga pertubuhan anak-anak

yatim di daerah Johor Bahru, Kluang dan Batu Pahat. PKAYIM menjalin perhubungan yang erat dan bekerjasama dengan semua pertubuhan anak-anak yatim ini yang perjalannya diawasi oleh Jawatankuasa Penyeitaran di bawah Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Saya salah seorang yang mencadangkan supaya ditubuhkan Persatuan Anak-anak Yatim seluruh negara di Kuala Lumpur. Akhirnya dengan kerjasama pelbagai pihak, sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Kebajikan Anak Yatim Malaysia atau PEYATIM berjaya ditubuhkan pada bulan September 1989 dengan keahlian terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan anak yatim dari seluruh negara.

Sehingga kini terdapat sebanyak 39 pertubuhan anak yatim bergabung di peringkat kebangsaan. Sebuah jawatankuasa besar telah diwujudkan mengandungi 47 orang terdiri daripada wakil-wakil pertubuhan ini yang menjadi ahli. Dalam pertubuhan besar ini saya mewakili PKAYIM. PEYATIM beribu pejabat di Terengganu tetapi

kemudiannya berpindah ke Taman Nirwana, Ampang, Kuala Lumpur. Ia dipengerusikan oleh Tengku Dato' Mahmud Mansor, bekas Timbalan Menteri Pertanian. Matlamatnya ialah memberi khidmat nasihat kepada pertubuhan-pertubuhan gabungan bagi mengukuhkan perjalannya.

Demikianlah penglibatan saya dalam pertubuhan anak-anak yatim sehingga sekarang. Saya berharap apa yang saya sumbangkan itu dapat menolong golongan yang kurang kemampuan ini. Dalam hal ini, saya menerusi semua pihak yang berada kerana mendapat rezeki lebih untuk sama-sama tampil ke hadapan dan menghulur bantuan.

Hari ini dalam proses pemodenan banyak kumpulan yang tercincir atau ditimpah pelbagai masalah yang memerlukan pembelaan. Khususnya saya ingin sebut dari segi pelajaran anak-anak daripada keluarga miskin. Berapa ramai daripada mereka itu tidak dapat memasuki pusat pengajian tinggi kerana tiada wang perbelanjaan. Sese-

Tun Sulaiman menyampaikan sumbangan daripada Sultanah Johor, DYMM Tengku Zanariah binti Tengku Ahmad kepada anak-anak yatim sempena hari raya.





Bersalam dengan tetamu kehormat sebelum pertandingan bola sepak dimulakan.



Menyaksikan pertandingan bola sepak di Muar.

tengah pelajar pula terpaksa bergolok bergadai sebelum menerima bantuan biasiswa atau pinjaman daripada kerajaan. Ini satu lapangan yang golongan hartawan boleh turut membantu dengan menubuhkan tabung kewangan bagi pelajar-pelajar berkenaan dalam sesuatu kawasan. Faedahnya sangat baik bagi kemajuan anak bangsa, dengan itu tidak sia-sialah bantuan yang diberi.

Hartawan-hartawan di negara Barat tidak teragak-agak untuk menderma sampai ratusan juta ringgit melalui yayasan yang ditubuhkan untuk kajian yang dapat memperbaiki mutu hidup masyarakat. Tetapi di negara ini memadailah dahulu jika bantuan kebaikan dapat dihulurkan kepada kumpulan yang tercincang kerana sesuatu sebab. Selain pelajar dan keluarga miskin, terdapat orang yang ditimpas kesusahan seperti orang tua yang tidak berkeluarga, mangsa penderaan, dan penghidap penyakit kronik yang tidak cukup pembiayaan. Sebarang bantuan dapat mengurangkan kesukaran yang mereka alami.

Dari segi kebaikan, satu perkara yang saya nampak belum dijawab secara tegas ialah ketiadaan kumpulan orang Islam yang sanggup pergi menziarah orang sakit yang terlantar di hospital tanpa keluarga. Akhirnya usaha ini dibuat oleh paderi Kristian tatkala orang kita yang dikatakan kuat beragama hanya berpuas hati mengadakan ceramah-ceramah yang sering kali mengutuk pihak-pihak lain. Kita harus mengubah paradigma dengan melawat pesakit dan menyampaikan kata-kata perangsang kepada mereka seperti yang dikehendaki oleh agama Islam.



Tun Sulaiman (berdiri di kiri) sedang menyampaikan cenderamata semasa pasukan bola sepak Melayu Johor di Pekan Baru, Indonesia pada tahun 1990.

Rasa simpati kepada mereka yang ditimpa kesusahan melambangkan kemanusiaan kita, kelebihan kita sebagai makhluk Tuhan. Islam adalah satu-satunya agama yang dengan jelas memperkatakan konsep kebajikan ini dengan menyuruh umatnya mengeluarkan zakat fitrah yang dituju kepada orang miskin. Ia adalah cara menyimbangkan pendapatan orang kaya dengan orang miskin di bawah keadilan agama kita.

Saya mensyukuri segala nikmat yang saya peroleh dalam tempoh hidup saya dan merasakan tanggungjawab saya untuk menolong orang yang kurang bernasib baik. Pada malam takbir setiap hari raya, Rose dan saya tidak lupa membuat rumah terbuka menjemput para janda, fakir miskin serta anak-anak yatim datang ke rumah kami. Waktu itu kami sekeluarga mengeluarkan zakat dan bersedekah. Amalan ini bermula pada awal tahun 1960-an lagi.

Pada mulanya kami menjemput kira-kira tiga puluh orang penduduk sahaja. Tetapi saban tahun ia bertambah dan sehingga kini mencapai ribuan orang yang sudi

datang berkunjung dan berziarah. Seolah-olah sudah menjadi tradisi pula kepada kami anak-beranak menyambut kunjungan mereka itu dengan penuh kesyukuran. Kini anak-anak saya iaitu Dato' Kadar Shah serta lain-lain turut mengeluarkan zakat dan sedekah pada malam hari raya yang penuh berkat itu. Dengan ini kami bersyukur ke hadirat Allah S.W.T kerana dapat menunaikan apa yang telah disuruh-Nya.

Selain soal kebajikan, saya turut melibatkan diri dalam penubuhan pasukan bola sepak di peringkat negeri Johor. Ia bukan sekadar untuk memajukan sukan tetapi adalah suatu bentuk kebajikan bagi menarik orang muda kita menggunakan masa luang dengan betul dan mengejalkan mereka daripada terjerumus ke dalam kegiatan yang sia-sia seperti lepak dan hisap dadah. Tambahan lagi sekawtu muda saya sangat berminat dalam permainan bola sepak. Maka adalah wajar jika saya terus terbabit dalam sukan ini dengan memberi galakan kepadanya.

Buat sekian lama pertandingan bagi merebut Piala



Tun Sulaiman (nomor dua dari kiri) semasa lawatan ke Korea bersama Pasukan Bola Sepak Melayu Johor pada tahun 1978.

Emas Raja-raja menjadi tarikan kepada pasukan-pasukan bola sepak Melayu di tanah air. Untuk sama-sama dalam pertandingan ini pada sekitar tahun 80-an saya telah menerajui Pasukan Bola Melayu Johor sebagai Yang Dipertua. Jawatan ini saya pegang hingga sekarang. Mesyuarat kerap diadakan sama ada di Johor Bahru ataupun di rumah saya di Muar bagi membincangkan ranangan pasukan ini. Rekodnya adalah biasa dan pada tahun-tahun tertentu negeri Johor menjadi johan. Mentadbir persatuan bola adalah suatu yang susah. Kita perlu melayan kehendak pemain dengan sabar dan memujuk mereka barulah dapat kerjasama.

Saya berbesar hati kerana semasa saya memimpin telah dapat membawa pemain persatuan ke luar negara seperti Jakarta, Bandung, Surabaya, Pekan Baru dan Medan. Saya juga membawa mereka itu bermain di Singapura, Hong Kong, Manila dan Korea bagi memberi pendedahan yang lebih luas kepada mereka. Dalam lawatan yang saya ikut sama itu, saya sedia bercampur

dengan pemain sehingga menjadikan kami seperti suatu keluarga.

Jiwa saya dalam sukan tidak dapat dipisahkan. Kerana itu saya masih terlibat dengan kegiatan pasukan bola Melayu Johor dan mengadakan mesyuarat agungnya sehingga ke saat-saat akhir sebelum saya menjalani pembedahan. Saya juga berada dalam Persatuan Bola Sepak Negeri untuk sama-sama memberi kekuatan kepada pasukan Johor bagi pertandingan Piala Malaysia. Pasukan ini mencapai saat-saat kegemilangannya dan ada kalanya ia menurun kepada prestasi biasa seperti yang dialami oleh pasukan lain. Tan Sri Mohd Ali Hashim adalah Pengurus terakhir persatuan ini manakala saya terpilih sebagai Naib Pengurus 1.

Satu bidang sukan lain yang turut saya minati ialah golf. Saya telah berusaha memberi nafas baru kepada sukan ini terutama di negeri Johor hingga turut mengasaskan sebuah kelab golf. Kerana minat saya dalam sukan ini, saya telah menghabiskan banyak masa dan

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





tenaga bagi pembinaan padang golf di Tanjung Emas (Tanjong Ketapang), Muar.

Melihat kepada senario sukan di tanah air, didapat kegiatan sukan semakin meningkat yang melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat terutama di bandar-bandar besar. Liputan yang meluas diberi tentangnya dalam media menjadikan bidang ini begitu meriah seperti di negara-negara maju. Jaguh-jaguh sukan mendapat ganjaran yang lumayan serta hadiah-hadiah yang besar bagi sebarang kejayaan. Selayaknyalah, tetapi nampaknya semakin hebat tumpuan kepada bidang ini dan kemudahan-kemudahan yang mahal diadakan seperti stadium-stadium baru yang mencapai tahap antarabangsa, pasukan-pasukan kita tidak begitu terserlah. Hingga kadang-kadang boleh tewas kepada pasukan negara lain yang dahulu langsung tidak terbilang.

Apakah kita tidak boleh mengulangi sejarah yang mana kita pernah menjadi johan bola sepak Asia dalam pertandingan Piala Merdeka dan memenangi Piala Thomas bagi badminton beberapa kali? Dengan sokongan masyarakat dan pengurusan yang baik, saya percaya kita dapat kembali kepada kecemerlangan yang lama atau setidak-tidaknya menunjukkan prestasi lebih daripada biasa. Apa jenis sukan pun memerlukan tumpuan dan komitmen semua pihak serta adanya *guiding spirit* seperti Tunku Abdul Rahman pada tahun-tahun 1960-an dalam memilih dan melatih pemain-pemain yang terbaik bagi mewakili negara. Hapuskan soal-soal titik bengik, tensensi untuk bertelaah atau berebut jawatan dalam persatuan yang mengendalikan permainan hingga hilang perspektif yang lebih besar iaitu untuk mencapai kemenangan. Kita memerlukan pasukan yang berdisiplin serta pemain yang dapat bekerjasama bagi mencapai kemenangan.

Di Malaysia, sukan penting bukan saja bagi menaikkan prestij negara atau memberi hiburan, tetapi adalah suatu yang dapat menyatukan penduduk daripada pelbagai kaum. Dalam membina pasukan yang handal atau memberi sokongan kepadanya dapat memupuk semangat kerjasama yang mungkin lebih sukar dalam

Tun Sulaiman sedang berucap di Mesyuarat Agung Persatuan Bola Sepak Melayu Negeri Johor. Sebelah kanan beliau Tan Sri Mohd Ali Hashim.





bidang lain. Semasa sesuatu permainan berlangsung, tidak mengira bangsa lagi. Apa yang penting kita mahu pasukan negara kita berjaya. Maka sukan mempunyai fungsinya yang tersendiri dalam meningkatkan patriotisme, dengan itu juga ia patut digalakkan dan mendapat bimbingan orang ternama dalam masyarakat.



Jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia bersama DYMM Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah (tengah) dan Tengku Ampuan Afzan, Tun Sulaiman di kerusi sebelah kanan.

Padang golf Tanjung Ketapang (Tanjung Emas), Muar yang Tun Sulaiman turut mengusahakannya.



Tun Sulaiman (berdiri nombor sembilan dari kiri) bersama peminat-peminat golf sempena pembukaan kelab golf di Johor Bahru pada 1950-an. Kelihatan juga Tan Sri Othman Saat (nombor dua dari kanan) dan Tan Sri Haji Hassan Yunos (nombor lapan dari kanan).





JASA PEMIMPIN- PEMIMPIN UMNO

ADA anggapan sesetengah anggota generasi sekarang bahawa segala keadaan yang baik di negara ini wujud dengan sendirinya tanpa sebarang pengorbanan dilakukan untuk mencapainya. Dengan itu mereka tidak perlu rasa syukur atau berterima kasih. Seluruh orang Melayu baik yang seangkatan dengan saya atau anak-anak mereka perlu diingatkan tentang perjuangan UMNO dan kedudukan negara sejak ia berada di bawah beberapa pemimpin kita. Ini bagi mendapat perspektif yang betul dan menambahkan keazaman dalam sama-sama berkhidmat untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Menoleh ke belakang, saya berpendapat Dato' Onn seorang pejuang yang tulen dan satu-satunya manusia yang dapat menyatakan orang Melayu bukan sahaja di negeri Johor bahkan di seluruh tanah air melalui UMNO. Semasa UMNO di bawah pimpinannya, tidak boleh dinafikan ia merupakan perjuangan yang tulus ikhlas hingga dapat menarik pelbagai puak orang Melayu yang terdapat dalam pertubuhan/persatuan di seluruh tanah air.

Bukan satu perkara yang mudah membawa orang Melayu yang masih tebal dengan perasaan kenegerian ke dalam satu kumpulan. Tetapi berkat pimpinan Dato' Onn dan tokoh Melayu lain yang sedar terhadap bahaya Malayan Union telah mendorong mereka untuk melupakan perbezaan-perbezaan yang wujud sehingga terbentuknya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Saya percaya tiada sesiapa yang boleh mendakau atau menafikan jasa Dato' Onn dalam mengembalikan kekuatan orang Melayu. Sejak ia ditubuhkan, UMNO dapat berjalan dengan baik hingga pengaruhnya meluas ke seluruh tanah air.

Sewaktu Dato' Onnlah organisasi parti diperkuatkan dengan penubuhan bahagian-bahagian berdasarkan satu Perlembagaan yang telah diluluskan. UMNO menjadi sebuah parti moden dengan mempunyai peraturan-peraturan dan disiplin bagi menghadapi kuasa penjajah dalam tempoh antara 1946 hingga 1951. Tetapi dukacita kemudiannya Dato' Onn terpengaruh dengan nashiat serta pandangan daripada anasir-anasir yang cuba melemahkan kedudukan orang Melayu melalui cadangan melonggarkan hak-hak kerakyatan bagi orang bukan Melayu dan parti UMNO dibuka kepada semua bangsa. Orang Melayu enggan menerima cadangan tersebut. Mereka mahukan UMNO itu kekal seperti yang ada, begitu juga syarat-syarat kerakyatan.



*Potret Dato' Onn
Jaafar, Menteri
Besar Johor dan
Yang Dipertua
UMNO yang
pertama.*





Apabila kehendaknya ditolak, Dato' Onn bertindak meninggalkan UMNO. Pujuk raya tidak berkesan lagi. Berikutan dengan kekosongan yang berlaku, beberapa pemimpin, antaranya Tun Abdul Razak menjemput Tunku Abdul Rahman untuk mengambil alih kepimpinan UMNO. Setelah bersetuju menggantikan Dato' Onn Tunku terpilih menjadi Yang Dipertua UMNO pada 26 Ogos 1951 dalam persidangan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya berpindah ke Johor Bahru dan membuka pejabat di Rumah UMNO, Jalan Ibrahim manakala kediannya pula di rumah Dato' Ahmad Perang. Jentera UMNO disusun semula dan UMNO bergerak lancar mengatur langkah bagi mencapai kemerdekaan.

Begitulah kelebihan Tunku akhirnya Allah S.W.T memperkenankan usahanya bagi melepaskan negara daripada belenggu penjajah. Kebijaksanaan beliau ternyata sekali dalam menyalurkan tenaga orang Melayu dan kemudiannya menyatupadukan pelbagai kaum dengan resam hidup dan kepentingan politik yang berlainan dalam Parti Perikatan sehingga kemerdekaan diperoleh. Ia akan terpahat dalam sejarah bangsa hingga ke akhir zaman. Demikianlah juga peranan Tunku dalam meletakkan asas pemerintahan demokrasi di negara ini seperti sistem pilihan raya, kehakiman dan pentakrifan hak orang Melayu dan bukan Melayu dalam Perlembagaan negara.

Gaya pimpinan Tunku yang bersahaja dan nampak tidak laju sebenarnya membawa kejayaan yang besar dalam pembentukan negara ini. Selepas kemerdekaan Tanah Melayu, Tunku mencadangkan gagasan Malaysia yang menjadi kenyataan pada tahun 1963. Selain persetujuan British, antara faktor yang memudahkan pembubuhan Malaysia yang merangkumi Sabah dan Sarawak ialah personaliti Tunku serta dasar-dasarnya yang boleh diterima rakyat umum. Hanya Singapura yang mempunyai fahaman berlainan tentang cara-cara pemerintahan negara mempersoalkan dasar-dasar yang telah disetujui hingga menyebabkan ia disisih dari Malaysia.

Perhimpunan Agung UMNO di Alor Setar pada 1947. DYMM Sultan Badli Shah (berdiri nomor dua dari kiri) bersama Dato' Onn (nomor tiga dari kiri).



Tunku Abdul Rahman sedang berucap dalam kempen sebelum Merdeka.

Selaras Tunku bersara pada September 1970, teraju negara dan UMNO diambil alih oleh Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein. Sejak dari menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi beliau memerah otak bagi membasmikan kemiskinan dan menaikkan taraf hidup orang Melayu yang masih dalam keadaan daif dalam semua perkara. Apa yang telah dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak sangatlah memberi manfaat kepada orang Melayu. Siapa pun tidak akan lupa tentang Rancangan Luar Bandar yang dipelopori dan kemudiannya Dasar Ekonomi Baru bertujuan menyusun semula masyarakat dengan menambah penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi moden. Impak DEB terasa hingga ke hari ini dan

sebarang penghujahan tentang ekonomi negara tidak dapat tidak merujuk kepada dasar ini.

Tetapi jasa Tun Razak bukan sekadar dalam bidang pembangunan. Beliau adalah orang kuat parti dan kerajaan selama berbelas tahun beliau berada di bawah Tunku. Semasa pemerintahan Majlis Gerakan Negara (Mageran), beliau merupakan pengarah yang ditugaskan untuk mengembalikan ketenteraman awam. Kemudiannya pula setelah menjadi Presiden UMNO, telah mengusahakan penubuhan Barisan Nasional yang diperluaskan daripada Parti Perikatan sebelumnya. Dalam hubungan luar negara beliau mempelopori gagasan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali. Kematiannya pada umur yang muda ditangisi oleh rakyat. Beliau mengorbankan seluruh hidupnya demi kemajuan, bangsa dan negara yang dicintainya.

Selaras pemergian Tun Abdul Razak pada 14 Januari 1976, sebagaimana tradisinya teraju pemerintahan beralih kepada timbalannya, Tun Hussein Onn. Pemimpin ini kembali menyertai parti pada tahun 1960-an setelah mendiamkan diri selama beberapa tahun. Anak kepada pengasas UMNO, Dato' Onn beliau seorang yang tegas pendiriannya, berani dan suka bersikap berterus terang apabila melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan dalam membangunkan negara dan orang Melayu. Di samping itu beliau tidak ragu-ragu bertindak ke atas elemen-elemen yang didapatinya boleh menjaskannya imej parti dan kerajaan. Pada masanya juga PAS dikeluarkan daripada Barisan Nasional kerana gagal menyokong Rang Undang-undang Darurat Kelantan yang dibentangkan dalam Parlimen.

Kalau ada seseorang yang tidak bermimat pada kuasa tetapi kuasa datang kepadanya, dialah Tun Hussein. Semasa memegang jawatan tertinggi, beliau cukup jujur serta amanah hingga tiada sesiapa yang cuba mempertikaikan kepemimpinannya. Sifat disiplin dan kepatuhan kepada undang-undang merupakan teladan yang patut dicontohi oleh pemimpin UMNO yang baru. Beliau menyumbang kepada kestabilan negara melalui usahanya menyatapadukan rakyat selain membantu meningkatkan ekonomi bangsa. Kelebihan Tun Hussein ialah perjuangannya ibarat kata pepatah Melayu "Diam-diam ubi tetapi berisi," yang bermaksud diam tetapi berjaya membawa kemajuan.

Apabila Tun Hussein mengundurkan diri pada Jun 1981, jawatan beliau telah diterima oleh Dato' Seri Dr.



Tunku Abdul Rahman (kiri), Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah) dan Tun Sulaiman (kanan) pada waktu rehat Perhimpunan Agung UMNO.

Mahathir Mohamad. Pada peringkat awal, kita masih samar-samar tentang ketokohan Dato' Seri Dr. Mahathir. Tetapi setelah memegang teraju pimpinan UMNO dan kerajaan, beliau berusaha membela kedudukan orang Melayu dan bumiputera untuk setaraf dengan bangsa-bangsa lain. Demi faedah ekonomi negara dapat sama-sama dikecapai oleh penduduknya, Dato' Seri Dr. Mahathir berusaha menguasai syarikat yang dahulunya di tangan pihak asing dan tidak pernah termimpi akan menjadi milik rakyat negara ini.

Kepesatan ekonomi negara semasa beliau memimpin adalah suatu yang sangat membanggakan. Beliau memperkenalkan konsep Persyarikatan Malaysia, me-

rancang perkembangan industri, dasar penswastaan dan lain-lain untuk mewujudkan sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kereta nasional ialah lambang kemasukan negara dalam industri moden manakala penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi membawa negara ke era teknologi maklumat sejajar dengan perkembangan zaman ini. Semua ini hanya boleh datang daripada fi-kiran yang cukup inovatif seperti Dato' Seri Dr. Mahathir. Dalam banyak hal, dasar-dasar dan tindakannya mungkin bersifat kontroversial tetapi akhirnya terbukti kemantapan atau kebaikan apa yang diperbuatnya itu.

Demi negara bergerak atas landasan yang kukuh Dato' Seri Dr. Mahathir telah melakukan "pembedahan" ke

atas beberapa institusi pemerintahan. Hanya dengan keberanian dan sifat yang nekad serta cukup berhati-hati dapat perubahan seperti ini dilakukan kerana ia menyentuh kepentingan banyak pihak. Dalam masa yang sama, usaha-usaha dibuat bagi memperkuatkan jentera UMNO selaku parti yang menunjang pemerintahan dengan mengingatkan ahli supaya tidak berpecah-belah dalam merebut jawatan dan politik wang dielak sebagai perbuatan yang tidak bermaruah dan membahayakan.

Di peringkat antarabangsa, sepengetahuan saya belum ada seorang pemimpin dari Dunia Ketiga yang dapat menandingi keupayaan Dato' Seri Dr. Mahathir berjuang untuk kebaikan negara dalam kumpulan ini. Tiga tahun yang lalu, beliau membuktikan kebolehannya mengatasi krisis mata wang yang menyebabkan ekonomi beberapa buah negara Asia jatuh menjunam. Waktu itu banyak negara yang ditimpa malapetaka tersebut merayu kepada negara besar dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) supaya membantu mereka. Tetapi Dato' Seri Dr. Mahathir berpendapat Malaysia mampu mengatasi masalahnya sendiri tanpa bantuan luar. Apa yang telah dilakukannya telah membawa kejayaan yang sangat saya kagumi.

Seorang tokoh besar yang dianggap tiga serangkai dengan Tunku dan Tun Razak dalam perjuangan mencapai kemerdekaan dan selepasnya ialah Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman. Beliau adalah abang kepada Dato' Sulaiman daripada sebuah keluarga yang ternama di Johor. Ketegasan dan integritinya dalam urusan-urusan parti dan pemerintahan sangat terserlah, hingga beliau begitu disegani oleh kawan dan lawan. Beliau tidak beracak banyak tetapi ucapananya sangat berisi dengan idea yang segar, termasuk cadangan awal bagi menjadikan Asia Tenggara kawasan berkecuali. Semasa konfrontasi dengan Indonesia beliaulah yang membawa kes Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu.


Sifat tegasnya adalah dalias dengan unsur-unsur demokratik yang tinggi dan mementingkan keadilan dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum. Beliau tidak



Mesyuarat peringkat tertinggi UMNO sewaktu Tun Abdul Razak (dua dari kiri) menjadi Presiden Parti. Dari kanan Tun Ghafar Baba (Naib Presiden), Dato' Harun Idris (Ketua Pemudal), Tan Sri Senu Abdul Rahman (Setiausaha Agung), Tun Razak dan Tun Sardon Jubir (Naib Presiden).



TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





bertolak ansur dalam soal keamanan dan keselamatan dan sedia bertindak terhadap pengacau-pengacau baik dalam masyarakat Melayu sendiri atau golongan eksremis bukan Melayu yang membuat tuntutan-tuntutan tidak berasas. Apabila konflik kaum berlaku pada Mei 1969, beliau muncul semula untuk sama-sama memadamkan api perkauman dan menyelamatkan keadaan yang sangat runcing. Beliau benar-benar seorang yang bertanggungjawab dan berprinsip.

Saya juga teringat kepada Tun Sardon Haji Jubir, seorang peguam berasal dari Johor yang bertugas di sebuah firma guaman di Singapura. Sebagai Ketua Pergerakan Pemuda pada tahun 1951-1964, beliau sanggup bekerja dengan tidak mengira masa, bersifat pemurah dan rendah diri sedangkan dia seorang peguam. Semasa pimpinan beliau Pergerakan Pemuda menjadi sayap UMNO yang disegani dalam politik tanah air dan dibimbangi oleh penjajah hingga ada ura-ura hendak mengharamkannya. Sayap ini sentiasa berada di belakang parti dalam menggembangkan tenaga Pemuda dan membela orang Melayu, termasuk yang ditahan oleh British kerana kes keselamatan.

Dalam usaha membebaskan tanah air, Pemuda di bawah beliau telah menetapkan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tarikh itu diterima oleh Perhimpunan Agung UMNO untuk dibawa ke London oleh Tunku Abdul Rahman dalam perundingannya dengan kerajaan British. Hasilnya kita mencapai kemerdekaan dua tahun lebih awal daripada yang dijangkakan. Pada waktu konfrontasi dengan Indonesia peranan Tun Sardon terserlah lagi dengan pidatonya yang mengajak rakyat supaya bangun menentang pencerobohan musuh.

Seangkat dengan Tun Sardon ialah Tan Sri Syed Jaafar Albar, yang merupakan Ketua Penerangan dan kemudiannya Setiausaha Agung UMNO. Seorang yang berani dan suka berterus terang, beliau secara lantang mengkritik penjajah British di Singapura sewaktu berlaku peristiwa Natrah. Dengan gelaran "Singa UMNO" beliau jugalah satu-satunya manusia yang berani menentang keputusan Tunku Abdul Rahman bagi menyerahkan

Semua segak berbaju batik dalam satu majlis pada 1960-an. Tan Sri Jaafar Albar (kiri sekali) sedang menyatakan sesuatu. Turut mendengar, Tun Sulaiman (di tengah) dan Dato' Ali Haji Raya (palang kanan).

Singapura kepada Lee Kuan Yew, membawa kepada pemisahan pulau itu dari Malaysia pada tahun 1965.

Tan Sri Syed Jaafar melibatkan diri dalam UMNO sejak awal lagi. Teringat saya akan pilihan raya yang berlangsung pada tahun 1955 hingga 1964. Waktu itu sebelum berkempen kita biasanya menayangkan wayang gambar dengan menggunakan *generator* di tengah padang untuk menarik orang ramai datang mendengar kempen. Yang anehnya apabila orang dapat tahu Tan Sri Syed Jaafar akan berucap, mereka itu enggan menengok wayang gambar lagi kerana mahu mendengar pidatonya. Inilah kelebihannya sebagai seorang yang sangat bijak dalam menarik pendengar sehingga tiada tandingan pada zamannya.

Dengan pengaruhnya yang begitu kuat, Tan Sri Syed Jaafar terpilih sebagai Ketua Pemuda UMNO pada umur 62 tahun setelah mewaskan seorang lebih muda daripadanya. Beliau kembali ke rahmatullah di Hospital Daerah Muar selepas koma sewaktu berdialog dengan Pemuda Bahagian di Pejabat Daerah pada hari Jumaat 14 Januari 1977, pukul 7.15 malam. Saya serta beberapa orang sahabat rapat Allahyarham turut berada di sisi-sewaktu beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir, dengan masih memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO.

Seorang orang kuat parti yang peranannya sukar dinafikan ialah Tun Ghafar Baba dari Melaka. Keistimewaan cikgu ini ialah penglibatannya sejak dari remaja lagi dalam politik tanah air. Sewaktu menjadi pengurus menyambut rombongan Tunku pulang dari London pada Februari 1956, umur beliau hanya 30 tahun. Kegigihan dan daya tahaninya membolehkan dia menjadi Naib Presiden UMNO paling lama dalam sejarah parti, iaitu 25 tahun berterusan sebelum menjadi Timbalan Presiden. Beliau orang kuat parti yang banyak memberi penerangan tentang pelbagai isu yang menyentuh parti dan negara pada tahun 1960-an hingga ke masa-masa yang terakhir.

Di samping itu beliau amat bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah-masalah dalaman parti yang



Tun Sardon Jubir (kiri) dilantik menjadi Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu. Menghantar beliau Tan Sri Ghazali Shafei (tengah) dan Tan Sri Zaiton Ismail (kanan).





Tiga bekas Ketua Pegerakan Wanita UMNO yang menjadi wakil Parlimen pada 1959. Dari kiri Ibu Zain, Tan Sri Fatimah Hashim dan Khatijah Sidek.

beliau rujukkan kepada Perlembagaan yang antara isinya beliau telah buat sendiri. Dalam Barisan Nasional, beliau ialah Setiausaha Agung paling lama yang dapat menyelesaikan beberapa kekusutan dalam parti-parti komponen. Sewaktu menjadi menteri dalam kerajaan, tumpuan beliau ialah dalam soal pembangunan luar bandar dan menyemai semangat keusahawanan di kalangan orang Melayu. Inilah jasa beliau semenjak berkhidmat sebagai wakil rakyat dari tahun 1955 hingga sekarang.

Terdapat beberapa nama lain lagi yang berjasa kepada parti dan tanah air yang saya tidak dapat sebutkan semua. Antaranya Tan Sri Khir Johari yang menjadi rakan Tunku dalam memperjuangkan kemerdekaan. Beliau menjadi Setiausaha Agung UMNO dua kali iaitu pada tahun 1955 dan kemudiannya pada tahun 1965 setelah Tan Sri Jaafar Albar meletakkan jawatan. Usahanya untuk parti dan peranannya sebagai Menteri Pelajaran menyebabkan beliau terkenal dan dipilih sebagai seorang Naib Presiden UMNO. Beliau seorang yang banyak membawa cerita-cerita lucu yang menjadi bahan ketawa rakan-rakan.


Dato' Seri Dr. Mahathir (kiri) bersalaman dengan Tan Sri Jaafar Albar (kiri) sambil diperhatikan oleh Tun Ghafar Baba (tengah).





TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





Tetapi ada pihak yang tidak setuju dengan dasar-dasarnya yang dianggap liberal.

Tan Sri Senu Abdul Rahman adalah satu-satunya pemimpin yang berminat dalam sejarah perjuangan UMNO dan berusaha mentafsir ideologi parti. Beliau mempunyai idea besar, yang antara lain melahirkan Pemuda Tahan Lasak dan gagasan Revolusi Mental sewaktu beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO. Antara Setiausaha Agung parti, beliau paling lama berkhidmat, iaitu sekali pada tahun 1955 dan sekali lagi pada tahun 1969 hingga 1978. Atas dorongannya Ibrahim Mahmud melahirkan buku *UMNO Sepuluh Tahun dan Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu* yang mengisahkan 30 tahun perkembangan UMNO.

Sama mementingkan soal jati diri Melayu dan banyak menulis dan berucap tentang konsep pemerintahan ialah Tan Sri Ghazali Shafie. Daripada seorang pegawai kerajaan yang berdamping rapat dengan UMNO, beliau menyertai kabinet Tun Razak pada tahun 1970-an. Terkenal dengan usahanya bagi menjadikan Malaysia yang digagaskannya oleh Tunku satu realiti, beliau turut berperanan dalam menggubal Dasar Ekonomi Baru dan Rukun Negara selepas Peristiwa 13 Mei. Kemudiannya beliau dilantik menjadi Menteri Penerangan diikuti dengan jawatan Menteri Dalam Negeri sebelum bersara. Sekarang ini beliau masih aktif menyumbangkan idea-idea bagi kepentingan parti dan negara.

Tan Sri Syed Nasir Ismail pula tidak boleh dilupakan kerana perjuangannya bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini. Beliau adalah seorang Ahli Majlis Tertinggi sejak tahun 1950-an yang lantang menyuarakan kepentingan bahasa Melayu sehingga tidak menyenangkan pucuk pimpinan parti. Pada masa beliau menjadi Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka mencapai puncak kegemilangannya dengan kempem-kempem bahasa kebangsaan diadakan berdasarkan minggu dan bulan. Usaha gigih juga dijalankan bagi memperkayakan bahasa Melayu selaras dengan kedudukan bahasa ini mewakili sebuah tamadun yang besar.

Dalam Pergerakan Wanita UMNO, saya tidak boleh

Tan Sri Shariff Ahmad (kiri) bersama Tan Sri Haji Mustaffa bin Jabar (tengah) dan Dato' Haji Suhaimi bin Kamaruddin (kanan).

lupakan Puan Hajah Zainun Sulaiman (ibu Zain), seorang pendidik dan pejuang yang semangatnya begitu kental. Beliau sanggup pergi ke mana-mana termasuklah menaiki lori sekalipun dalam kempen mencapai kemerdekaan. Demikian juga Tan Sri Fatimah Hashim, seorang anak Muar. Hasil usahanya memperjuangkan hak-hak wanita tanah air dan sumbangannya kepada UMNO, beliau diberi kepercayaan menjadi wanita yang pertama dalam kabinet Perikatan pada tahun 1969.

Tan Sri Aishah Ghani kemudiannya menggantikan beliau dalam kabinet, juga kerana sumbangannya kepada kaum wanita. Beliau bekas pemimpin dalam Parti Kebangsaan Melayu dan meninggalkan perjuangan parti itu kerana tidak mengungkangkan bangsanya sendiri. Hingga kini beliau masih aktif dalam Pergerakan Wanita sebagai Pengurus Tetapnya. Begitulah kerjaya pemimpin-pemimpin wanita terdahulu dan juga sekarang yang telah menjadikan pergerakan ini amat terkenal dalam kedua-dua bidang politik dan kemasyarakatan.

Mengenai Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pemilihannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, sangat bersesuaian. Demikianlah juga dengan pemilihannya sebagai Timbalan Presiden UMNO oleh ahli-ahli parti. Saya dapatti langkah-langkah yang dilaksanakannya telah memberi kesan dan boleh membawa kepada keselamatan parti dan negara. Sebelum mengenali beliau, saya terlebih dahulu mengenali orang tuanya. Datuk Haji Ahmad Badawi, seorang yang lama berjuang dalam UMNO. Waktu itu UMNO Bahagian Muar dipimpin oleh Tan Sri Haji Hassan Yunos yang juga merupakan Menteri Besar Johor. Beliau telah memperkenalkan saya dengan Datuk Haji Ahmad Badawi hingga akhirnya saya sering kali pergi mengunjunginya di Pulau Pinang.

Saya menyentuh tinggi beberapa pemimpin veteran UMNO yang walaupun sepatutnya dalam keadaan berehat masih memberi khidmat kepada parti dan sedia menduduki jawatankuasa yang ditubuhkan. Antara yang saya patut sebutkan ialah Tan Sri Samad Idris selaku wakil Pemuda UMNO yang pernah mencadangkan seruan "Merdeka" bagi menggantikan "Hidup Melayu" dan banyak menulis tentang sejarah parti akhir-akhir ini. Tan



Dua tokoh Pemuda UMNO bersalam: Tan Sri Samad Idris (kiri) dan Dato' Haji Suhaimi Kamaruddin.



TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





Sri Mustaffa Jabar pula sebagai pengasas UMNO setelah bersara daripada jawatan kementerian dan parti tak putus-putus mengingatkan generasi baru tentang perjuangan yang lalu untuk diteladani mereka. Demikianlah juga beberapa ahli veteran lain meluangkan banyak masa bagi membantu parti di peringkat pusat, negeri atau bahagian.

Dalam hubungan ini, kita bersyukur yang kelab ahli veteran UMNO telah dapat ditubuhkan sebagai bukti kesinambungan perjuangan dan sokongan berterusan kepada UMNO. Saya sendiri mengesyorkan kepada Presiden parti, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya mengumpul ahli dari setiap Bahagian UMNO untuk hadir dalam satu perjumpaan besar-besaran. Nampaknya cadangan saya itu diterima baik dan satu keputusan telah dibuat bagi mengadakan perjumpaan itu di Kuala Lumpur sempena hari ulang tahun ke-55 UMNO pada 11 Mei 2001 di mana saya telah berucap menyokong pucuk pimpinan parti dalam menyelesaikan pelbagai masalah parti.

Pandangan saya tentang beberapa pemimpin UMNO tidaklah boleh dianggap lengkap. Terdapat berpuluhan puluh malah beratus lagi pemimpin di peringkat kebangsaan dan negeri yang perjuangan mereka itu boleh dijadikan iktibar kepada generasi kita hari ini dan akan datang jika mahukan negara ini kekal di tangan bangsa kita. Kalau kita berpecah-belah, berhadas denganki, sakit hati serta curiga-mencurigai di antara satu dengan yang lain saya sangat-sangat takut akan akibatnya. Semoga dijauhi Allah S.W.T kuasa pemerintahan negara ini terseraiki kepada bangsa asing.

Saya katakan begitu kerana mengikut undang-undang yang ada pemerintahan negara kita ini bergantung kepada keputusan pilihan raya. Setiap orang itu mempunyai satu undi dan berhak memilih parti yang dia sokong. Yang demikian jika orang Melayu atau bumiputera tidak bersatu, tidak memperjuangkan hak bersama ditakuti suatu hari nanti kuasa yang ada pada kita akan terlepas.

Kabinet Tun Abdul Razak pada September 1970. Barisan hadapan (dari kiri): Tan Sri Temenggung Jugah, Tan Sri Khir Johari, Tun Sardon Jubir, Tun Dr. Ismail, Tun Abdul Razak, Tun Sambanthan, Tun Omar Ong Yoke Lin dan Tan Sri Ghazali Shafie. Barisan belakang (dari kiri): Tan Sri Lee Siok Yew, Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Tan Sri Fatimah Hashim, Tan Sri Manickavasagam, Tan Sri Ghazali Jauwi, Dato' Ghani Gilong, Tan Sri Hamzah Abu Samah, Tun Ghafar Baba dan Tun Hussein Onn.

Ini adalah satu ingatan daripada saya. Marilah kita bersatu buangkan yang keruh sambil ambil yang jernih agar *status quo* dalam pemerintahan dapat dikekalkan.


Dukacitanya dalam pilihan raya umum pada November 1999 yang lepas telah berlaku perpecahan di kalangan pengundi-pengundi Melayu sehingga menyebabkan beberapa tokoh kita tewas. Kita tidak dapat kembali berkuasa di Kelantan dan lebih mendukacitakan, UMNO telah hilang negeri Terengganu. Demikian juga kita mengalami kekurangan undi di beberapa buah negeri seperti Kedah, Perak, Pahang dan Selangor. Jika kemerosotan yang berlaku ini tidak dapat diatasi, saya khawatir dalam masa beberapa tahun yang akan datang kuasa yang ada di tangan UMNO ini akan lenyap.

Kita hendaklah ingat bahawa orang Melayu merupakan kira-kira 60 peratus saja daripada jumlah penduduk negara ini. Jika pertelahanan terus berlaku antara orang Melayu dengan orang Melayu, kekuatan UMNO akan tinggal cuma 30 peratus sahaja manakala 30 peratus lagi berpihak kepada pembangkang Melayu dengan baki kuasa 40 peratus akan berada di tangan orang lain. Dengan itu bermakna akan terlucutlah kuasa pemerintahan negara daripada orang Melayu. Oleh itu menjadi kewajipan kita mengekalkan perpaduan orang Melayu serta berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi menyambung kuasa yang ada di tangan kita.

Penyelesaian yang saya boleh berikan kepada UMNO ialah di setiap negeri hendaklah ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang tugasnya menerima aduan daripada orang Melayu pada setiap masa. Jawatankuasa ini hendaklah meneliti segala rungutan atau perkara yang menjadi kemesyikilan mereka itu. Dengan cara itu kita akan dapat tahu perkara-perkara yang orang Melayu tidak puas hati terhadap UMNO dan langkah-langkah yang harus diambil bagi mengatasinya. Pada pilihan raya yang baru lepas akibat perasaan itu ramai daripada mereka itu tidak memilih parti kita. Ini menyebabkan kita hilang beberapa kawasan.

Ahli yang mendapat kedudukan dalam kerajaan melalui parti perlu rasa insaf dan sedar daripada mana asal

Tun Dr. Ismail memeriksa barisan Pemuda sempena Perhimpunan Agung Pemuda UMNO 1973.







Tan Sri Senu Abdul Rahman (kanan) sedang berucap di Perhimpunan Agung UMNO. Di belakang beliau Tan Sri Syed Nasir Ismail manakala di barisan hadapan ialah Tengku Razaleigh Hamzah (nomor satu dari kiri) dan Tun Hussein Onn (dua dari kiri).



mereka hingga mencapai kedudukan yang ada. Apabila golongan miskin datang mengadu, mereka dinafikan perkara-perkara yang harus mereka nikmati bersama di tanah air ini. Tetapi apabila tauke-tauke datang mereka dilayan habis-habisan. Jangan ingat kerana kita mendukti jawatan besar maka kita boleh memandang mudah soal-soal yang dihadapi orang bawahan. Dengan sikap yang demikian itulah yang menyebabkan perasaan tidak puas hati berlaku.

Jika kita hendak selamat memerintah negara ini dan negeri-negeri kita perlulah mengatasi beberapa perkara yang menjadi rungutan ramai. Kepada orang Melayu, tidak ada negara lain yang boleh mereka berpindah, inilah satu-satunya negara mereka dengan raja dan kerajaannya. Inilah yang hendak dijaga sungguh-sungguh. Kerana jika orang Melayu tidak dapat memerintah negara sendiri, bagaimana hendak menegakkan Islam atau mempertahankan hak istimewa orang Melayu? Bila-bila sahaja pihak lain yang berkusa boleh mengubah kedudukan Islam sebagai agama rasmi dan hak istimewa orang Melayu dihapuskan melalui pindaan Perlembagaan. Maka sebelum terjadi apa-apa kepada kita, baiklah kita bersedia dahulu dengan mengelak amalan yang boleh merugikan.

Saya nampak ada tuduhan oleh PAS dan sebahagian ulama yang tidak menyenangi UMNO kerana tidak memperjuangkan Islam. Yang sebenarnya ini berpunca daripada salah faham yang boleh kita atasi. Apa makna kita berjuang dalam UMNO bagi menyataupaduan orang Melayu selepas itu menentang Malayan Union, menuntut kemerdekaan dan membangunkan negara? Apakah kita tidak menyumbang kepada agama? Kita tidak membela-kangkan agama, sesekali tidak. Bahkan boleh dilihat perjuangan untuk Islam yang telah UMNO lakukan. Di setiap negeri ada Majlis Agama Islam di bawah raja Melayu dan bagi seluruh negara terdapat Majlis Agama Islam di bawah Yang di-Pertuan Agong. Kerajaan kita juga menubuhkan banyak institusi-institusi Islam selain hukum syarak sudah mula dijalankan dengan mengambil ingatan sifat penduduk negara ini yang berbilang bangsa.

Pendekatan yang diambil oleh UMNO dan kerajaan dalam melaksanakan hukum-hukum Islam adalah paling selamat dan menepati keadaan. Biarlah kita bertatih satu demi satu hingga akhirnya kita mencapai kejayaan daripada membawa perubahan yang mendadak tanpa perhitungan yang waras. Saya berharap kepada para ulama supaya jangan menjauhi UMNO. Marilah kita bersatu, berunding serta bermufakat semoga dengan itu





Tan Sri Aishah Ghani (kiri) dan Dato' Seri Rafidah Aziz (kanan).

dapatlah kita mengembangkan syiar Islam di tanah air ini.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana pada suatu ketika dahulu PAS yang diketuai oleh Dato' Mohd Asri dapat bersatu dengan UMNO. Ini bererti parti-parti orang Melayu dengan ahli-ahli beragama Islam dapat bersatu, berjuang bersama atau bekerjasama dalam politik negara. Tetapi apabila PAS keluar daripada Barisan Nasional telah menimbulkan perpecahan semula di kalangan umat Islam. Demikian juga perpecahan yang telah berlaku dalam UMNO dengan penubuhan Parti Semangat 46 berikutan pertandingan pada 1987. Nasibnya UMNO yang telah diharamkan oleh mahkamah dapat dihidupkan semula dan Parti Semangat 46 kembali ke pangkuhan UMNO.

Mengapa kita tidak boleh bersatu padahal agama kita menggalakkan kita bersaudara? Harapan saya suatu hari nanti parti-parti Islam seperti PAS dan UMNO ini dapat bekerjasama dan menunjukkan pendirian yang selaras dalam perkara-perkara yang menyentuh kepentingan Melayu, seperti mana juga parti-parti bukan Melayu memperjuangkan hak-hak bangsa mereka. Ini bermakna keazaman untuk melaksanakan kehendak-kehendak agama yang suci, mempertahankan hak-hak istimewa Melayu, bahasa Melayu dan raja-raja. Inilah yang UMNO mahu PAS benar-benar faham dan tujuan Dato' Seri Dr. Mahathir mengajak PAS berbincang bukanlah kerana apa-apa muslihat. Kita boleh berbeza dari segi politik tetapi hendaklah memastikan tapak kuasa orang Melayu terpelihara bagi mempertahankan kedudukan umat Islam.

Beraksi di hadapan potret Presiden-presiden UMNO. Dari kiri Tun Sulaiman, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Tun Ghafar Baba dan Tan Sri Mohamed Rahmat.



Tun Sulaiman (kiri) menyambut ketibaan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi (kanan) sewaktu yang kemudian menjadi Naib Presiden UMNO.



KUNJUNGAN KE LUAR NEGARA

D ALAM menjalankan tugas-tugas rasmi, seseorang pemimpin zaman ini tidak dapat mengelak daripada melangkah ke luar sempadan negaranya. Demikianlah juga halnya dengan saya. Ketika menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Negeri Johor (1959-1964), saya pernah diberi peluang melakukan lawatan rasmi ke beberapa negara. Antaranya Amerika Syarikat di mana saya telah sempat mengunjungi beberapa buah bandar termasuk Washington dan New York. Tujuan lawatan saya itu ialah bagi meninjau perjalanan pilihan raya yang sedang diadakan di negara tersebut sebagai sebahagian daripada program mendidik pemimpin-pemimpin dari negara sedang membangun tentang demokrasi.

Saya dapat sesetengah aspek pilihan raya yang dilaksanakan itu ada persamaan dengan apa yang berlaku di Malaysia. Ini termasuklah penerimaan calon-calon yang bertanding dan proses kempen. Namun, ada satu perbezaan iaitu rakyat Amerika membelanjakan begitu banyak wang hingga mencapai beribu dolar untuk membuat satu poster. Saya berfikir berapa jumlahnya bagi berpuluhan jenis poster. Saya yakin mereka yang masuki pilihan raya itu adalah orang yang hebat-hebat belaka dengan yang kaya lebih berpeluang untuk menjadi calon dan mencapai kemenangan. Mereka yang tiada kekuatan kewangan atau mendapat sokongan golongan perniagaan tidak akan melalui jalan yang mudah.

Selepas menyaksikan pilihan raya tersebut saya dibawa melawat ke New Orleans, sebuah bandar besar yang memiliki bangunan-bangunan tinggi yang pembinaannya sangat teratur dan menarik. Di situ saya mendapat penghormatan sebagai tetamu negara dan diberikan Kunci Kebebasan bandar tersebut oleh Dato' Bandar. Pemberian kunci itu dikhaskan kepada tokoh-tokoh ternama dari negara-negara asing yang dianggap sahabat baik Amerika. Ia sangat besar ertiinya kepada saya dan merupakan satu sejarah peribadi. Selepas upacara itu, saya dan anggota rombongan diraikan dalam satu majlis makan tengah hari.

Balik di hotel tempat kami menginap, saya mencadangkan kepada sahabat saya, Suki Abdul Kadir, yang turut serta dalam rombongan iaitu waktu malam nanti kami akan sama-sama pergi ke hotel tempat jamuan tengah hari tadi. Ini kerana saya dapat makaran yang dihidangkan oleh hotel tersebut sedap-sedap belaka. Jadi selepas menunaikan solat maghrib pada malam itu, saya

dan Suki turun ke lobi dan terus menunggu teksi. Malangnya semua teksi yang kami tahan tidak berhenti. Akhirnya entah teksi yang ke berapa yang saya tahan barulah ada sebuah yang mahu berhenti. Pemandunya orang kulit hitam.

Dalam perjalanan itu saya mengambil peluang bertanya kepada pemandu itu. Saya berkata kepadanya dalam bahasa Inggeris, "Encik, mengapa semua teksi yang saya tahan tidak mahu berhenti?" Beliau memerhati ke arah saya melalui cermin hadapan pemandu. Jawabnya sambil bertanya balik kepada saya, "Adakah pemandu yang awak tahan itu kulit putih atau kulit hitam?" Saya menjawab balik, "Entahlah, saya tidak perasan pula pemandunya, tetapi saya tahan tidak mahu berhenti." Pemandu teksi yang saya naiki itu segera mencelah serta berkata, "Oooh, pasal awak bukan kulit putih. Di sini pemandu kulit putih tidak mahu membawa penumpang kulit hitam." Barulah saya tahu bahawa pada sekitar tahun 1960-an, perasaan perkauman antara orang kulit putih dan kulit hitam masih menebal di Amerika walaupun negara itu boleh dianggap sebuah negara yang termaju di dunia. Sifat perkauman tidak mudah dihapuskan di kalangan penduduknya yang berbeza kulit itu.

Selaras mewati Amerika selama tiga bulan, saya singgah selama empat hari di Puerto Rico untuk melihat sendiri pelaksanaan projek rumah murah di pulau itu. Saya dapat rumah-rumah murah di sana tidak boleh dijadikan contoh. Saya katakan begitu kerana rumah-rumah yang telah siap dibina itu tidak mempunyai ruang tamu dan dapur. Pemilik sendirilah yang perlu membina ruang tamu dan dapur bagi rumah yang dibeli. Ini pelik bagi saya dan sungguh menyukarkan pembeli-pembelinya.

Dari Puerto Rico barulah saya menaiki pesawat ke Hawaii yang merupakan kepulauan yang sangat indah terletak di Lautan Tediuh. Di bandar Honolulu, kebanyakan penduduknya terdiri daripada orang Amerika dan Jepun; sehingga Dato' Bandarnya adalah seorang keturunan Jepun, bukan daripada penduduk Hawaii yang asal. Saya diberitahu oleh pegawai protokol bahawa jika saya mahu melihat perkampungan orang Hawaii, saya



Tun Sulaiman (dua dari kiri) bersama Suki Abdul Kadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (dua dari kanan) ketika berada di Paris.



boleh dibawa ke sana. Perjalanan dari pusat bandar ke kawasan yang dikenali sebagai "Perkampungan Hawaii" memakan masa satu setengah jam.


Saya dapat perkampungan itu yang dibina khusus bagi menempatkan penduduk asli Hawaii sangat tersusun lagi cantik. Ia dilengkapi dengan sekolah, klinik serta kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan kedai-kedai. Demikianlah kepulauan Hawaii di bawah pentadbiran Amerika. Kita dapat lihat sendiri orang Amerika dan Jepun duduk selesa di bandar-bandar utama manakala peribumi Hawaiianya berada di perkampungan khas yang telah dibina untuk mereka tinggal di kalangan kaum mereka sendiri.

Apa yang saya lihat berlaku di sana, saya minta dijauhi Allah jangan terjadi di tanah air kita ini dengan bangsa asing memenuhi bandar-bandar dan kalau kita hendak melihat orang Melayu kita terpaksa mengunjungi kawasan khas, sedangkan negara ini negara kita sendiri. Harapan saya semoga kerajaan dapat mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di Hawaii itu dengan penduduk asalnya dipercilkan oleh pendatang yang lebih agresif hingga menguasai seluruh kehidupan di pulau itu.

Dalam perjalanan pulang ke Malaysia, saya berpeluang singgah di Pulau Fiji di mana saya tinggal selama tiga hari. Penjajah British yang datang ke situ telah turut membawa ramai pendatang dari India untuk membangunkan pulau itu. Akibatnya boleh dikatakan semua bidang perniagaan dikawal oleh kaum pendatang. Penduduk peribumi seolah-olah terpinggir. Mereka tidak dapat menikmati hasil kekayaan negara mereka sendiri akibat daripada pembolotan orang India yang menjadi pemstaatin. Keadaan di Fiji ini membuatkan saya tersedar akan dasar penjajahan British di Tanah Melayu yang telah melakukan tindakan yang serupa dengan membawa masuk dengan banyak orang keturunan Cina dan India untuk berniaga, membuka lombong bijih timah serta ladang-ladang getah.

Bagaimanapun saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana kita masih mempunyai kuasa ke atas negara kita sendiri, tidak seperti





yang dilihat telah berlaku di Fiji. Buat seketika pada tahun 1980-an, tampuk pemerintahan kepulauan itu telah berada dalam genggaman kaum India. Namun, kuasa pemerintahan kepulauan Fiji telah kembali ke tangan penduduk peribumi apabila Lt. Jeneral Sitiveni Rabuka telah bertindak menyingkir Perdana Menteri keturunan India tanpa menumpahkan darah dalam satu rampasan kuasa tentera. Kuasa itu kekal di tangan peribumi kepulauan Fiji sehingga pada mutakhir seorang Perdana Menteri keturunan India terpilih semula dalam pilihan raya, mengakibatkan rampasan kuasa lagi oleh satu pihak lain di negara itu.

Dalam perjalanan pulang dari Fiji saya singgah di Australia untuk melihat keadaan di negara itu. Di lapangan terbang Sydney, saya ditahan oleh seorang pegawai imigresen kerana mendapat saya tidak memiliki visa untuk masuk ke Australia. Saya terangkan kepada dia bahawa Australia dan Malaysia merupakan negara anggota Komanwel dengan itu saya menjangkakan untuk masuk ke Australia tidak memerlukan visa. Setelah meneiti pasport antarabangsa saya yang menunjukkan saya telah ke Amerika, pegawai itu kelihatan kurang sedap hati untuk mengarahkan saya pulang terus ke Malaysia. Akhirnya beliau mengambil keputusan untuk membentarkan saya tinggal selama seminggu di Australia dengan visa lawatan. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada dia dan kerajaan Australia kerana telah memberi keizinan itu.

Sewaktu berada di Hawaii sebelum itu saya ada mengambil benih sejenis bunga berwarna merah yang hanya boleh tumbuh dengan subur di kepulauan itu. Benih bunga itu sepatutnya tidak boleh dibawa keluar dari pulau itu tanpa permit, tetapi saya telah dapat membawanya balik melalui pintu masuk kepulauan Fiji dan Australia. Saya rasa sayalah orang Malaysia pertama yang dapat membawa benih bunga itu balik dan kini bunga tersebut banyak ditanam di negara ini.

Pengalaman saya di Australia ialah saya dapat penduduk negara itu kebanyakannya datang dari negara luar dan walaupun mereka itu baik-baik belaka, namun, cara mereka memandang kita membuatkan kita cemas. Da-

Bandar New Orleans, Amerika Syarikat yang dilawati oleh Tun Sulaiman (foto USIS).

Iam kunjungan saya itu, saya cukup tertarik melihat Sydney yang merupakan sebuah bandar perniagaan yang sangat sesuai untuk tujuan membeli-belah. Selama empat hari saya berada di Australia tetapi dukacitanya saya tidak dapat pergi melawat kawasan tempat orang Melayu tinggal. Saya mendapat tahu ada daripada kalangan orang Melayu yang menetap di sini telah berjaya dalam hidup mereka kerana kerja bersungguh-sungguh yang mereka telah lakukan.

Satu perkara yang sangat menarik dan patut orang Melayu belajar ialah bagaimana orang Australia menternak biri-biri. Mereka tidak menternak 20 atau 30 ekor biri-biri sahaja, bahkan masing-masing menternak puluhan ribu ekor. Demikianlah juga penteranagan lembu adalah pada skala yang besar. Pengeluaran daging biri-biri dan lembu dari negara tersebut memberi pulangan hasil yang sangat besar yang menyumbang kepada pendapatan negara. Saya rasa kagum dan berpendapat alangkah baiknya kalau kita dapat berbuat begitu. Tetapi hendaklah dibuat kajian terlebih dahulu sama ada sesuai atau tidak cara penteranagan biri-biri dan lembu seperti itu di tanah air kita ini supaya apabila dilaksanakan kelak berjaya mendatangkan pulangan yang lumayan.

Setelah tidak lagi menjadi wakil rakyat, saya ada melakukan kunjungan ke Jerman kerana saya bercadang untuk mendirikan sebuah kilang pemasangan kereta Opel di Johor Bahru. Saya pergi melawat kawasan perindustrian pembinaan kereta tersebut di Frankfurt yang terletak di suatu kawasan perkampungan yang mengandungi kemudahan asas yang lengkap. Dalam kawasan ini, terdapat kompleks membeli-belah serta perumahan yang teratur dan lengkap dengan sekolah serta pusat perubatan. Penduduk di situ tidak perlu keluar dari kawasan perumahan untuk pergi bekerja kerana syarikat pemasangan kereta Opel ini beroperasi dalam kawasan yang mereka diamti itu.


Saya berpendapat jika kita di Malaysia ini dapat membuat seperti mana di Jerman itu sangatlah baik. Dalam kawasan perindustrian kereta Proton Saga, misalannya, dibina sebuah perkampungan yang dilengkapi dengan kemudahan seperti balai raya, masjid, sekolah, klinik,



Tun Sulaiman (kanan) dan Toh Puan Rose di sebelahnya ketika berada di Jakarta, Indonesia pada tahun 1950-an.

Berdiri di barisan hadapan (paling kiri) ialah Tan Sri Mohamed Rahmat yang sedang menuntut di sana.







pusat membeli-belah serta rumah kediaman. Saya per-caya tiada orang luar akan menduduki kawasan ini melainkan anak-anak tempatan sahaja. Dengan itu tiadalah anak-anak kita akan pergi bekerja jauh-jauh melainkan bekerja di tempat sendiri. Demikianlah kebaikan yang diperoleh daripada pembinaan industri seumpama itu yang dapat menjimatkan perbelanjaan harian penduduk dalam sesuatu kawasan di mana industri itu wujud.

Kemudiannya saya mewalay Korea Selatan pula bersama Tun Hussein Onn sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri. Rombongan kami dibawa ke suatu perkam-pungan yang lengkap dengan kawasan perumahan, hospital dan lain-lain. Penduduk di situ diaturkan oleh pihak kerajaan untuk menjalankan pelbagai aktiviti bagi kemajuan ekonomi mereka. Setiap keluarga menumpukan kepada aktiviti harian yang diserahkan kepada mereka untuk dilaksanakan. Misalnya, keluarga Kim menjalankan aktiviti berkaitan dengan ternakan, keluarga Jee dengan dusun dan satu keluarga yang lain dengan kraf tangan. Pendeknya setiap keluarga itu membuat satu barang yang dijadikan industri kecil melibatkan satu jenis pel-eluaran.

Pihak kerajaan pula bertindak sebagai pengurus yang mengatur penjualan barang-barang yang dihasilkan itu. Pengusaha-pengusaha tidak terlibat menjadi penjual barang-barang mereka, tetapi menyerahkannya kepada koperatif bagi menghalang orang tengah. Penjualan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berjaya. Berdasarkan kaedah ini, kaum belia juga tidak lagi perlu meninggalkan kampung mereka atau berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Ini kerana kam-pung mereka telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan pekerjaan yang dapat memberi pendapatan yang lumayan kepada diri serta keluarga mereka. Ini saya saksikan dengan mata kepala saya sendiri semasa berada di Korea Selatan.

Saya juga berpeluang menyertai rombongan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang membuat kunjungan rasmi ke negara China pada pertengahan tahun 1980-an. Saya rasa sungguh seronok kerana semasa menyertai rombongan tersebut saya telah sampai


Suki Abdul Kadir (kiri) dan isteri bersama Tun Sulaiman (kanan) dan isteri ketika berada di Pulau Bali, Indonesia.

ke tiga buah bandar yang terbesar di negara tersebut, iaitu Peking, Shanghai dan Canton. Saya membuat penilaian bahawa keadaan ekonomi rakyat negara itu sangat sukar. Saya katakan begitu kerana saya dapat kebanyakan penduduk yang tinggal di bandar-bandar besar negara itu masih menggunakan basikal sebagai kenderaan utama harian mereka dan tidak terdapat banyak kereta di jalan raya.

Dalam lawatan itu, saya sangat berpuas hati kerana dapat menyaksikan dari dekat Tembok Besar Negeri China yang merentangi sebahagian besar negara tersebut. Terbayang kembali oleh saya bagaimana pada suatu ketika dahulu raja China memerintahkan rakyatnya membuat tembok yang beribu batu panjang serta begitu tebal dan teguh. Binaan ini adalah suatu yang sangat luar biasa dan saya fikir raja China itu sendiri tidak menjangkakan bahawa tembok itu suatu hari kelak akan menjadi salah satu antara benda ajaib di dunia. Tetapi setelah siap dan beribu tahun kemudian barulah tembok besar itu diiktiraf oleh manusia.

Saya turut melawat sebuah perkampungan Islam di negara itu bersama-sama dengan Perdana Menteri. Semasa di situ kami memasuki sebuah masjid yang didirikan hampir 1200 tahun yang lalu. Saya dapatkan tiang-tiang masjid itu kebanyakannya diperbuat daripada kayu yang keras yang terdapat pada masa pembinaannya dan tiang-tiang itu masih kekal sehingga ke hari ini. Nam-paknya Islam berkembang di negara China lebih awal daripada Tanah Melayu kerana kita hanya menerima Islam sekitar tahun 1400 Masihi apabila sultan Melaka, Parameswara memeluk Islam dengan memakai nama Sultan Megat Iskandar.

Di sekeliling masjid yang saya lawati itu terdapat banyak kedai yang papan tandanya tertulis dengan huruf Cina. Apabila maknanya diterjemahkan kepada saya oleh pengiring yang mengikut rombongan kami, faham-lah kami bahawa kedai-kedai tersebut menjual barang-barang halal yang diperbuat oleh orang Islam. Ini menunjukkan kedai-kedai itu dipunyai oleh orang Islam. Pekedai-pekedai di sini pernah belaka dan merupakan daya tarikan kepada rombongan yang datang berkun-



Pemandangan sebuah ladang yang luas di benua Australia, yang dilawati oleh Tun Sulaiman.





Tun Sulaiman (berdiri di atas tangga) bersama seorang pegawai protokol negara China semasa lawatan beliau ke sana.

jung. Apa yang mengagumkan saya ialah saya dapati agama Islam di sini dapat terus berkembang dan para pengikutnya dapat melakukan amal ibadat serta berpegang teguh kepada ajaran Islam tanpa sebarang gangguan walaupun negara diperintah oleh komunis.

Agenda lawatan yang seterusnya ialah menyaksikan satu pembedahan seorang ibu yang telah cukup bulan untuk melahirkan seorang anak di hospital Peking. Pembedahan itu dijalankan mengikut kaedah tradisional yang menggunakan jarum akupunktur. Kami melihat melalui cermin bagaimana para doktor melakukannya tanpa menggunakan ubat bius atau pelali. Ibu tersebut hanya ditusuki dengan beberapa batang jarum aku puntur pada beberapa bahagian tertentu badannya. Pembedahan berlangsung sewaktu wanita itu dalam keadaan sedar. Beliau melihat sendiri bagaimana para doktor membedah dan mengeluarkan bayi dari perutnya tanpa sebarang rasa sakit atau ngilu. Wanita tersebut mengambil kesempatan melambai-lambaikan tangannya ke arah kami yang sedang melihat proses pembedahannya sehingga perutnya dijajit semula. Wanita itu sekali lagi



Tun Sulaiman (di tengah-tengah dalam barisan kedua) menyertai rombongan Tun Hussein Onn (berpakaian putih, barisan hadapan) melawat sebuah kilang di Korea Selatan.





Rombongan Perdana Menteri Tun Hussein Onn ketika berada di Korea Selatan. Kelihatan berdiri di barisan hadapan Tun Hussein Onn (nomor lima dari kiri) dan Tengku Ahmad Rithauddeen (nomor tujuh dari kiri). Tun Sulaiman berdiri di barisan tengah (nomor lima dari kiri).

melambai-lambaikan tangannya apabila beliau dibawa keluar dari bilik pembedahan.

Sewaktu berada di negara China, saya juga berpeluang bertemu dengan seorang pakar perubatan tradisional yang handal untuk memeriksakan diri saya kerana waktu itu saya masih menghidap sakit jantung. Setelah memeriksa dia telah memberi saya ubat pada kadar bayaran yang tidak berapa membebankan. Saya makan ubat itu selama tiga bulan dan mendapatinya ia sangatlah baik. Tetapi dukacitanya saya tidak boleh menyambung atau terus memakan ubat itu kecuali setelah menjalankan pemeriksaan perubatan olehnya terlebih dahulu. Selepas itu, katanya, barulah saya boleh memakan ubat-ubat lain yang akan diberikannya kelak.

Satu perkara yang patut diketahui ramai ialah semasa menjalani tetamu kerajaan China saya menginap di sebuah rumah kerajaan. Dalam bersiap hendak pulang ke Malaysia, saya tertinggal sehelai baju panas di bilik saya

menginap itu. Baju ini telah agak lama saya pakai dan sengaja ditinggalkan di situ. Tetapi sebelum saya berangkat keluar dari kawasan rumah itu, seorang petugas yang menjaga rumah di situ datang menghantarkan kembali baju tersebut kepada saya. Saya menganggap pembantu rumah itu sebagai mencerminkan keikhlasan pentadbiran kerajaan China; kepadanya barang yang tertinggal itu bukan dia yang punya dan perlu dipulangkan kepada tuannya.

Selain daripada beberapa negara yang jauh, tentulah tidak lupa saya melawat negara serumpun yang amat dekat dengan kita. Yang saya maksudkan itu ialah Indonesia. Dari segi politiknya, terdapat sistem yang berbeza dengan negara kita. Kuasa Presiden dan gabenor-gabenor wilayah amat besar bagi mentadbir negara yang sangat luas kawasannya itu dengan berpuluhan ribu pulau besar dan kecil di dalamnya, serta perhubungan yang sukar. Sumber-sumber alam yang cukup banyak tidak dapat

dibangunkan sepenuhnya kerana faktor modal dan juga keadaan politik yang sentiasa bergolak. Semasa pemerintahan Presiden Sukarno, beliau terpaksa menyeimbangkan kuasa tentera dan komunis dan berakhir dengan beliau sendiri tersingkir. Hubungan dengan Malaysia adalah berdasarkan keadaan dalam negara itu pada satut masa. Namun pergeseran dengan negara kita sewaktu ia berlaku adalah bersifat dalam keluarga kerana kemudiannya akan berbaik semula.

Kerana kedudukannya yang dekat, saya telah ke Indonesia beberapa kali kerana urusan perniagaan, membawa pasukan bola sepak dan kunjungan-kunjungan

yang bersifat sosial. Pada awal 1960-an semasa berada di Tanah Jawa, saya telah mengambil kesempatan melawat beberapa tempat di Jakarta, Bogor, Bali dan lain-lain lagi untuk melihat keadaan hidup penduduk di situ. Tidak dapat dinafikan mereka itu sangat kaya dari segi kebudayaan dan kreativiti dan boleh membangun sebagai bangsa yang maju jika wujud kestabilan politik dan keharmonian yang berterusan seperti yang menjadi tradisi negara kita.

Saya berkenan dengan ramai tokoh-tokoh penting dalam masyarakat Indonesia. Antaranya Dr. Hamka yang buku-bukunya saya minati dan apabila beliau

Lawatan ke Bogor, Indonesia. Kehilangan Tun Sulaiman dan isteri (di tengah) bersama dengan Sultanah Nora Tengku Ahmad (dua dari kanan).





Tun Sulaiman (paling kanan) menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan ketua ulama Indonesia, Hassan Basri (dua dari kanan) di Jakarta. Toh Puan Rose berdiri nombor tiga dari kiri.

mengunjungi negara kita saya telah membawanya ke rumah saya di Muar. Semasa ketua ulama Indonesia, Hassan Basri mengadakan majlis perkahwinan anak perempuannya di Jakarta, saya dan Rose telah diundang ke sana. Saya berharap hubungan seperti ini di antara rakyat kedua-dua negara ini diteruskan bagi mengekalkan persahabatan.

Demikianlah lawatan saya ke beberapa negara lain dan apa yang saya telah alami dan lihat. Saya tidak dapat menguraikan kesemua lawatan-lawatan saya itu. Tetapi memadailah saya katakan ia dilakukan bukan kerana mahu berseronok-seronok atau menghabiskan masa. Ia

alah bagi memenuhi tugas rasmi dan lain-lain tujuan yang telah memberi banyak pengalaman kepada diri saya. Semoga apa yang saya catat itu dapat menjadi ikhtibar kepada orang Melayu dan penduduk di negara ini umumnya. Ada pepatah yang menyatakan kalau hujan emas di negeri orang dan hujan batu di negeri sendiri lebih baik negeri sendiri. Namun, dalam mencintai negara sendiri, kita perlu menggunakan sumber-sumber kekayaan yang ada bagi meningkatkan kemajuan hingga setanding dengan pencapaian negara lain seperti yang kita dapat lihat.



MASA LAPANG, KESIHATAN DAN KELUARGA

MANUSIA hidup bukan untuk bekerja sahaja. Dalam tiap-tiap tamadun ada pelbagai permainan atau hobi yang diceburi oleh anggota masyarakat bagi memenuhi masa lapang mereka. Pekerjaan mungkin dianggap sebagai permainan atau hobi kepada sesetengah orang yang amat berminat terhadap kerja. Tetapi kebanyakannya orang mahukan sesuatu yang berbeza daripada kerja biasa walaupun kerja itu menyeronokkannya. Maka di sinilah letaknya peranan permainan atau yang seumpamanya untuk memberi kerehatan kepada kita.

Menoleh ke zaman kanak-kanak saya, saya sangat suka bermain badminton. Apabila menjelang dewasa hobi saya bertukar kepada permainan bola sepak sehinggalah saya memasuki perkhidmatan polis negeri Johor pada tahun 1939-1940. Pernah saya mewakili pasukan polis Johor melawan pasukan Askar Timbalan Setia Negeri Johor, pasukan Singapura, pasukan Tentera Laut Australia dan lain-lain lagi.

Bola sepak ialah sukan yang paling saya minati dan saya pula boleh dianggap jaguh dalam bidang bola sepak pada waktu itu. Sehingga akhirnya sewaktu mewakili pasukan berlawan dengan pasukan Australia itu saya telah tercedera di buku lali kerana patah setelah berlaga dengan pihak lawan. Akibatnya saya terpaksa duduk di Hospital Johor Bahru selama hampir sebulan dan telah menutup pintu bagi saya terhadap sukan kesukaan saya itu.

Sewaktu dalam polis, saya sentiasa menjalani latihan menembak. Kerana itu hobi menembak itu turut terbawa-bawa dalam kegiatan sehari-hari hidup saya walau pun setelah berhenti daripada perkhidmatan. Saya memiliki beberapa senjata api seperti pistol, senapang angin dan senapang patah. Untuk mengisi masa lapang, saya sering pergi memburu binatang liar seperti rusa dan kancil di hutan negeri Johor. Selain itu, saya juga suka menembak burung seperti burung laut, punai dan merburuk untuk dijadikan lauk. Ini adalah kesukaan saya sehingga ke hari ini. Kadangkala saya menjalankan kegiatan memburu burung secara sambil-sambilan sehingga ke Pagoh, tepi Sungai Muar dan Sungai Balang.


Pada suatu masa dahulu di Muar ini terdapat banyak pokok durian. Apabila tiba musim pokok itu berbunga terdapat banyak keluarga datang menghisap madu pada bunga durian itu, menyebabkan bunga-bunga tidak melekat di dahan untuk berputik. Di sekeliling rumah

saya juga terdapat beberapa pokok durian. Apabila haiwan itu datang mengerjakan bunga durian itu saya mengambil peluang menembaknya. Tetapi kini haiwan itu sudah amat berkurangan dan jarang sekali kita dapat melihatnya berterbangan walaupun tiba musim durian berbunga.


Setelah saya dilantik menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, hobi saya bertambah, khasnya bermain golf. Bukan saya seorang sahaja daripada kalangan keluarga saya yang suka permainan ini. Anak-anak saya juga berminat, dengan itu saya mengajar mereka bermain bersama-sama dengan pembantu-pembantu. Saya perhatikan permainan ini tidak memerlukan belanja yang besar dan sangat baik untuk kesihatan tubuh badan atau sebagai riadah. Ini kerana setiap kali kita bermain, tanpa sedari kita berjalan hingga enam kilometer atau sepuhl kilometer jauhnya. Ini senaman yang baik untuk kita.

Saya teringat pada masa muda-muda dahulu saya pernah menjelajah seluruh negara kerana bermain golf. Saya bermain golf di Hong Kong, Taiwan, Tokyo, Indonesia, London bahkan di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun saya tidak bermain untuk tujuan bertarung tetapi sekadar untuk kesihatan sahaja. Sehingga kini saya ahli seumur hidup Kelab Golf Ayer Keroh dan ahli Kelab Golf Diraja Selangor, Subang. Saya juga menjadi ahli Kelab Golf Johor di Johor Bahru yang padangnya saya turut asaskan hingga menjadi salah satu yang termoden.

Sumbangan saya kepada pembinaan padang golf di Tanjung Ketapang, Muar adalah sewaktu saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri pada tahun 1960-an. Saya berbincang dengan Pegawai Daerah Muar, Dato' Muhamad Said untuk mengadakan sebuah lapangan permainan yang mempunyai sembilan lubang. Tapaknya yang paling sesuai telah dikenal pasti terletak di sebuah kawasan belukar yang kemudiannya bertukar namanya kepada Tanjung Emas pada waktu Dato' Mohamad Yusof Abdul Rahman menjadi Pegawai Daerah Muar. Kedu-




Tun Sulaiman ketika berehat di rumah... tetapi ada saja yang hendak dibuatnya.



TUN SRI LAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





dukan padang golf itu yang terletak bersebelahan dengan rumah Pegawai Daerah menjadi satu daya tarikan para pelancong yang datang ke Daerah Muar.

Perbelanjaan bagi menyiapkan padang itu tidaklah berapa besar kerana mendapat kerjasama dan bantuan daripada beberapa jabatan. Jabatan Perparitan dan Saliran telah membina parit. Jabatan Kerja Raya menampal tanah pada kawasan-kawasan yang lekuk dan Majlis Perbandaran membersihkan kawasan belukar. Pada mulanya kawasan itu tidak mendapat perhatian langsung daripada orang ramai tetapi akhirnya berkat kerjasama daripada pelbagai jabatan dalam daerah ini, sebuah kawasan yang mempunyai daya tarikan dan senang mata memandang telah berjaya dibina.

Sewaktu berada di rumah pula, saya menggunakan masa lapang bagi memenuhi kawasan rumah yang saya diami seluas lima ekar itu dengan pelbagai jenis tanaman pokok buah-buahan di sekelilingnya. Antaranya pokok mangga, rambutan, durian, pulasan, cempedak, kelapa mawar dan juga pisang. Saya juga ada menanam beberapa batang pokok bongsai untuk hiasan selain membuat tiga kolam kecil dalam *rock garden* bagi memelihara beberapa jenis ikan. Hasil usaha ini telah mewujudkan landskap yang indah di sekitar pekarangan rumah saya. Saya telah membelanjakan sejumlah wang untuk menjaga taman ini termasuk khidmat tukang kebun. Alhamdulillah, hobi saya ini rupa-rupanya dianggap sebagai usaha yang berguna kerana telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan landskap rumah bagi seluruh negeri Johor pada tahun 2001.

Pada waktu saya tiada kerja mendesak atau bagi merehatkan fikiran, di taman inilah saya bersiar-siar. Pelbagai idea boleh datang ketika berada di sini. Taman ini juga menjadi kesukaan 14 orang cucu dan seorang cicit. Apabila mereka balik ke sini dapat bermain dan merasai buah-buahan yang ada.

Dalam kolam yang saya buat, terdapat sejenis ikan yang dipanggil *catfish* yang dihadiahkan oleh seorang sahabat saya yang memperolehnya dari Amerika. Ikan itu seperti ikan sembilang tetapi berwarna coklat

Tun Sulaiman bersama isteri dengan kucing Parsi.





*Kereta-kereta antik kepunyaan
Tun Sulaiman yang tersimpan di garaj.*

*Tun Sulaiman bersama sebuah kereta antik di
pekarangan rumahnya.*



Tun Sulaiman
memerhati ikan
di dalam kolam
di taman
rumahnya.





Tun Sulaiman dan Toh Puan Rose berahat sejenak ketika melakukan ibadah haji.




Tun Sulaiman (tiga dari kanan) bersama beberapa jemaah termasuk Dato' Abang Johari Tun Openg (empat dari kanan) sewaktu mengerjakan ibadah haji.


kemerahan pada badannya dan tidak mempunyai sisik. Pada awalnya ikan itu dua ekor dan kecil sahaja tidak sampai sekaki besarnya sewaktu diberi kepada saya. Tetapi kini ia mencapai sehingga tiga kaki panjang dan beratnya hampir-hampir 10 kilogram. Makanannya setiap hari ialah seekor ikan kembung. Kini ikan itu cuma tinggal seekor saja kerana seekor lagi telah dibaham oleh biawak yang berjaya memasuki *rock garden* melalui longkang. Terdapat beberapa ekor kucing pars dalam peliharaan saya. Tetapi kepunyaan saya cuma seekor sahaja. Yang lainnya kepunyaan anak-anak saya kerana mereka juga suka memelihara kucing pars. Yang demikian apabila saya keluar negara dan walau di mana jua saya pergi seperti Hong Kong, Jepun dan Arab Saudi saya akan membeli makanan untuk kucing peliharaan saya. Kerana saya berpendapat adalah sangat baik jika kucing-kucing yang turut menjadi kesayangan isteri saya itu diberi makanan yang diperoleh dari negara-negara

yang saya kunjungi itu. Pernah suatu ketika saya ditenung oleh seorang peniaga Arab apabila saya menanyainya sama ada makanan kucing di kedainya itu halal atau tidak. Kerana saya takut saya terbeli daging yang tidak halal. Tetapi katanya, saya ini merepek.

Saya juga ada memelihara beberapa ekor ayam perhiasan yang dipanggil ayam serama. Ayam kecil yang kelihatan sungguh menarik itu saya peroleh di Kelantan sewaktu saya pergi menyaksikan satu pertunjukan ayam-ayam perhiasan yang diadakan di sana. Saya membeli empat ekor dan dijaga dengan baik sehingga jumlahnya begitu banyak. Saya tidak menyentulinya untuk dijadikan lauk kerana ia terlalu kecil. Ia lebih sesuai sebagai permainan dan hiasan di persekitaran rumah.

Selain tanaman dan binatang peliharaan, sesiapa yang mengunjungi kawasan belakang rumah saya akan terampak garaj yang di bawahnya berbaris kereta-kereta jenis lama, terutama model Mercedes yang saya pernah





Tun Sulaiman menerima kunjungan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di kediamannya.

Tun Sulaiman menjalani pembekalan di sebuah hospital pada November 2000 sebelum Perhimpunan Agung Khas UMNO.

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





gunakan dahulu. Adalah menjadi tabiat saya tidak menjual kereta-kereta tersebut. Sebaliknya menyimpannya sebagai benda antik untuk tatapan dan sebagai kenangan hidup saya. Jauh sekali daripada mahu bersifat riak atau ingin menunjuk-nunjuk kemerahan.

Hidup ini tidak dapat lari dari pada masalah kesihatan. Sebut sahaja siapa orangnya, baik yang ternama atau yang tidak akan melalui waktu uzur. Saya sebagai insan biasa menerima hakikat ini. Tetapi ini bukan bermakna kita harus menyerah kepada keadaan dan tidak berbuat apa-apa.

Seperti yang diceritakan, saya berusaha berubat dengan memenuhi pakar singe sewaktu berkunjung ke negara China bersama rombongan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1980-an. Penyakit jantung yang saya hadapi itu hanya mula dikesan pada suatu hari dalam tahun 1964 tatkala saya sedang memandu kereta. Apabila saya sampai ke Kulai, dengan tiba-tiba mengalami sesak nafas lalu tidak sedarkan diri. Kerana itu saya dibawa ke Hospital Johor Bahru dan tinggal di sana selama satu bulan. Doktor yang merawat saya iaitu Dr. Lim Ki Jin memberitahu saya bahawa penyakit jantung yang saya hadapi itu amat serius. Katanya, dalam ilmu perubatan yang dipelajarinya beliau berpendapat saya hanya


Tun Sulaiman bersama ahli keluarganya terdiri daripada enam anak lelaki dan tiga perempuan serta cucu-cucu.

boleh hidup paling lama lima atau enam tahun sahaja lagi.


Berikut pendapat doktor itu, saya menerima hakikat penyakit saya itu dengan tenang. Saya pergi menemui Tan Sri Haji Hassan Yunos yang waktu itu menjadi Ketua UMNO Negeri Johor bagi melahirkan hasrat untuk tidak lagi bertanding dalam pilihan raya tahun 1964. Setelah mencebur perniagaan, naluri saya kuat menyatakan bahawa setiap penyakit itu mesti ada ubatnya. Dengan itu saya berikhtiar berubat baik secara moden maupun tradisional. Walau ke mana saya pergi, baik ke China, England atau London maupun ke Amerika saya tetap mencari pakar untuk mengubati penyakit yang saya hadapi ini.

Dalam menghadapi keadaan begini, saya cukup percaya akan kehendak Allah S.W.T. Dengan itu saya pergi menuaikan haji akbar pada tahun 1970, 1972 dan tahun 1974. Selainnya, saya juga mengambil kesempatan pada masa kelapangan untuk pergi menuaikan ibadat umrah ke Tanah Suci. Sehingga kini saya menuaikan umrah lebih 20 kali. Ini kerana kepercayaan saya selain memakan ubat, yang paling afdal ialah memohon ke hadrat Allah S.W.T di hadapan Baitullah di Masjidilharam, disertai dengan mandian zam zam. Seterusnya berkunjung ke makam junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w di Madinah memohon dilanjutkan usia dan disembuhkan penyakit yang saya hadapi itu. Maka kalau mengikut pendapat doktor umur saya hanya mampu mencecah tidak lebih daripada 50 tahun tetapi alhamdulillah saya masih hidup sehingga ke hari ini.

Sewaktu berada di Makkah, saya bertemu dengan beberapa orang ulama terkemuka di sana memohon supaya mereka mendoakan kesihatan saya. Antara ulama yang sempat saya temui itu ada yang datangnya dari Malaysia tetapi tinggal di sana selama 20 hingga 30 tahun. Dari Indonesia, Tuan Haji Ali Osman dan Tuan Haji Mohd Yassin serta ramai lagi. Satu ketika sewaktu di Madinah pernah saya mendapat peluang masuk dengan begitu dekat sekali tempat bersebelahan makam Junjungan Nabi Muhammad s.a.w dengan pertolongan



Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merenjis air mawar di majlis persandingan anak perempuan Tun Sulaiman.





Tun Sulaiman Ninam Shah

seorang ulama yang terkenal di sana. Oleh kerana jarang saya mendapat peluang berada sebegitu hampir dengan makam baginda, saya sangatlah bersyukur.

Dalam pada itu pernah juga sekawtu saya menuaikan ibadat haji dan umrah diberi peluang memasuki Baitullah sebanyak tiga kali oleh penjaganya. Saya duduk menuaikan solat sehingga selama satu jam di situ. Walaupun saya berpeluang mengelilingi dunia namun apa yang diizinkan oleh Allah S.W.T untuk diri saya beribadat di dalam Baitullah tidaklah sama dengan apa-apa kurniaian lain kepada saya.

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan rahmat-Nya saya selamat menjalani rawatan jantung di Hospital Pantai, Bangsar pada awal bulan November 2000, iaitu beberapa hari sebelum Perhimpunan Agung Khas UMNO bagi membincangkan pinjaman Perlembagaan. Saya sebelum itu bercadang untuk



Toh Puan Rose Hj. Othman

pergi menuaikan ibadah umrah, tetapi keperluan rawatan segera menyebabkan cadangan itu terpaksa dibatalkan. Oleh kerana proses yang saya akan lalui itu adalah kompleks, para doktor bersedia untuk melakukan pembedahan jantung saya secara darurat. Tetapi saya melalui rawatan itu dengan selamatnya, yang melegakan hati seluruh keluarga saya. Dengan itu juga saya dapat mempengerusikan Perhimpunan Agung Khas UMNO yang berkenaan.

Selesai perhimpunan itu saya terus terbang ke Singapura kerana menjalani satu lagi pembedahan, kali ini berkaitan dengan usus saya. Pembedahan dilakukan oleh para doktor di Hospital Mount Elizabeth kerana mereka itu tahu sejarah kesihatan saya. Syukur kepada Allah S.W.T semuanya berjalan dengan selamat yang menguatkan lagi azam saya untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara. Semasa di hospital itu saya tidak



Datin Faridah



Dato' Kadar Shah


lupa terhadap sifat prihatin DYMM Sultan Johor yang sering menelefon untuk bertanya keadaan saya pada waktu itu. Demikian juga beberapa sahabat yang rapat dan pemimpin parti. Kemudiannya, baginda memberikan sebuah keretanya sendiri untuk membawa saya pulang ke Muar. Kemurahan hati baginda itu saya tidak akan lupa buat selama-lamanya.

Saya menceritakan semua ini kerana waktu kita sakit, kita memerlukan orang terdekat yang menjadi perangsan kepada kita untuk cepat sihat dan meneruskan hidup. Maka di sini patutlah saya catat sedikit tentang perlunya ada beberapa sahabat yang baik dengan kita selain anggota keluarga tersayang. Dalam berpuluhan tahun saya hidup, saya bergaul dengan pelbagai orang baik sewaktu dalam perniagaan, kegiatan politik atau kemasyarakatan. Saya rapat dengan sesetengah mereka itu dan selalu bertanya khabar sehingga kepada yang

saya temui di luar negara seperti di Indonesia, Makkah atau lain-lain. Bagi saya persahabatan sangat bermakna dan tidak boleh dipisahkan daripada hidup saya.

Saya melayari semua kawan tanpa mengira darjat kerana setiap insan itu mempunyai nilai di sisi Allah. Mereka boleh mendatangi saya pada bila-bila masa dan saya bergembira bertukar-tukar pendapat dan mencuit mereka. Di rumah saya, saya raikan mereka dengan apa jua makanan yang ada. Begitu juga semasa dalam perjalanan salah satu daripada keseronokan saya ialah makan bersama dengan kawan-kawan. Saya berbangga dengan kawan-kawan yang saya kumpul dan persahabatan saya dengan mereka akan terus kekal berdasarkan keikhlasan, timbang rasa dan tolong-menolong baik dalam keadaan riang atau waktu ditimpa kesusahan.

Sesetengah orang apabila seronok berkawan atau menumpu pada sesuatu profesion kerja seperti politik



Mohamad Shah



Haji Othman

dan perniagaan terpaksa mengabaikan suatu perkara yang sangat penting—keluarga. Keluarga terbiar kerana asyik mencari kekayaan dan harta menyebabkan rapuhnya ikatan kekeluargaan. Ini saya cuba jauhi.

Betapa seseorang itu memerlukan tenaga bagi kejayaan hidupnya, saya berpendapat dia tidak harus ketepekian kesihatan diri dan tuntutan anggota keluarganya. Allah S.W.T menyuruh kita bertanggungjawab kepada keluarga, khasnya dari segi keperluan-keperluan hidup anggotanya dan kasih sayang yang harus dicurah pada setiap masa. Dalam kesibukan kita menjalankan tugas harian atau mencari harta benda, sangat besar kemungkinan kita mengabaikan keluarga sendiri. Islam malarang perbuatan ini dan sebagai insan yang kerdil saya akan menunaikan segala keperluan hidup keluarga saya sehingga mana saya mampu membuatnya.

Adalah mendukacitakan jika dalam mengejar kemajuan sesebuah keluarga itu roboh dan anggotanya

hidup berjauhan tanpa mengenali satu sama lain. Dalam keadaan ini, ikatan kekeluargaan tidak memberi apa-apa makna kerana kebahagiaan tidak wujud lagi. Saya berharap orang Melayu tidak akan termasuk ke dalam perangkap ini dalam usaha mereka menyahut kehendak pembangunan. Pendeknya dalam mengakui bahawa kebendaan itu penting, kesejahteraan keluarga juga harus menjadi keutamaan.

Jika timbul masalah dalam keluarga baik yang berkaitan keperluan kebendaan, hubungan antara anggota keluarga, perselisihan faham dan lain-lain patutlah ada seseorang untuk menjadi rujukan yang kata-katanya dihormati. Dengan cara ini kestabilan keluarga dapat dipelihara dan kehendak anggotanya dipenuhi. Tanpa sumber rujukan seperti ini, setiap anggota akan bersendirian dan rasa persaudaraan akhirnya hilang. Sebab itu saya sentiasa memberi perhatian kepada keadaan anggota keluarga saya semoga hidup mereka tidak ter-



Zainal Abidin




Mariam

abai. Biasanya mereka itu mendengar keputusan saya sebagai kepala keluarga yang berhak memberi tunjuk ajar kepada anak buahnya.

Berada di belakang mengawasi perjalanan keluarga ialah isteri saya, Rose. Kepadanya saya beri segala kasih sayang dan begitu juga dia terhadap saya. Saya tidak lupa membawanya ke majlis-majlis yang perlu walaupun pada kebanyakan kali dia lebih suka tinggal di rumah untuk melayan sanak saudara. Beliau juga ikut bersama dalam beberapa lawatan saya ke luar negara seperti ke Hong Kong, Tokyo, Australia, Amerika, Makkah dan beberapa tempat lagi. Kunjungan itu bukan sekadar berjalan-jalan sahaja kerana ada kalanya bersifat rasmi yang melibatkan beberapa anggota rombongan. Biasanya saya membeli buah tangan termasuk kain, tas tangan, kasut, tudung dan barang-barang kemas untuk isteri tercinta dan anggota keluarga saya.

Kalau sesiapa bertanya kepada isteri saya tentang makan minum saya, dia akan berkata: "Untuk sarapan pagi, beliau suka makan nasi goreng daripada nasi yang dimasak khas, telur mata kerbau dan sedikit roti. Seminggu sekali nasi lemak. Gulai kegemarannya ialah masakan asam pedas ikan, kari daging, dalca dan mesti ada sambal belacan. Apabila ada tetamu datang, selazimnya dihidangkan lontong. Sebelah petang, Tun Sulaiman suka minum kopitiam O halia. Goreng pisang tiap-tiap hari, juga goreng keledek dan keladi. Tetapi kadangkala beliau mahukan mi. Lazimnya menu makan malam daripada lauk siang hari sahaja dengan tambahan sedikit sayur."

Demi keakraban antara anggota keluarga dan tidak putus silaturahim, ziarah-menziarah sudah menjadi amalan biasa kami. Lawatan seperti ini semakin perlu setelah anak-anak kami besar dan mendirikan rumah tangga masing-masing. Dalam mengejar kehidupan ada



Hassan



Mohamad Nathir

antara mereka itu yang meninggalkan Muar untuk tinggal di tempat lain, khasnya Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan pusat perniagaan. Dengan perpindahan anak-anak ini, saya dan isteri tinggal sekelamin di rumah kami yang asal.

Bagi jaminan hidup anak-anak, saya memberi pendidikan yang selayaknya kepada mereka agar dapat menjadi orang yang berguna. Pendidikan ini bukan setakat yang bersifat formal tetapi merangkumi kehidupan sehari-hari. Kebanyakan mereka ini terlibat dalam perniagaan dan saya menunjukkan kepada mereka liku-liku yang perlu ditempuhi termasuk cara membuat pinjaman, pengurusan yang baik dan lain-lain untuk mencapai kejayaan.

Anak yang pertama—Datin Faridah, pernah menjadi guru dan sekarang tinggal di Petaling Jaya, Selangor bersama seorang jurutera.

Anak yang kedua—Dato' Kadar Shah, seorang ahli perniagaan yang terlibat dalam pengedaran motor dan tinggal di Kuala Lumpur.

Anak yang ketiga—Mohd Shah, timbalan pengurus merangkap pengarah Syarikat Bas Lian Hoe, Muar dan tinggal di bandar ini.

Anak yang keempat—Haji Othman, timbalan pengurus merangkap pengarah Syarikat Perniagaan Perusahaan Melayu Muar dan tinggal di bandar ini.

Anak yang kelima—Zainal, seorang akauntan dengan firmanya sendiri di Kuala Lumpur.

Anak yang keenam—Hassan, ahli perniagaan persendirian di Muar.

Anak yang ketujuh—Mariam, mencebur perniagaan Body Shop dan kemudiannya menjalankan perkhidmatan ruang pejabat dan kesetiausahaan di Kuala Lumpur.



Intan Rogayah

Anak yang kelapan—Mohd Nathir, pengurus Syarikat Semangat Motor di Kuala Lumpur.

Anak yang kesembilan—Intan Rogayah, pada mulanya bertugas di sebuah syarikat pembangunan dan kini mengusahakan sebuah restoran di The Mall, Kuala Lumpur.

Rumah yang saya duduki sekarang dibina tidak berapa lama selepas saya bernikah iaitu setelah kami mendapat anak yang pertama pada tahun 1946. Pada asalnya sebuah rumah lama, kami mendiaminya hingga sekarang dan tidak pernah pindah ke mana-mana. Ini satu sejarah bagi diri saya kerana walaupun rumah saya ini buruk, ia pernah dikunjungi oleh beberapa pemimpin negara. Antara mereka yang tidak dapat saya lupakan ialah Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Dato' Sulaiman Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail dan Tan Sri Syed Jaafar Albar. Turut meluangkan

masa untuk datang ke sini ialah pemimpin yang kita kasih, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan baru-baru ini Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selain pemimpin-pemimpin UMNO, sahabat handai serta penduduk di sekitar Muar.

Sekitar tahun 1963 saya menambah satu bangunan baru dua tingkat bersebelahan rumah asal saya khusus untuk menyambut lawatan DYMM Sultan Mahmood Iskandar yang mencemar duli untuk singgah di pondok kami. Saya tidak duduk di bangunan ini yang digunakan sebagai pejabat dan tempat menerima pelbagai pengunjung termasuk ahli-ahli parti, mereka yang ada urusan perniagaan dengan saya dan masyarakat Muar. Saya amat bersyukur kerana walaupun pondok ini tidak berapa besar dan terletak jauh di Muar tetapi pembesar-pembesar negara sudi datang menjajakkan kaki dan minum seteguk air di sini.

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





Sebahagian keluarga Tun Sulaiman bersama isteri Perdana Menteri Datuk Paduka Datin Seri Dr. Siti Asmah Mohd. Ali (duduk sebelah kiri) semasa rehat Perhimpunan Agung UMNO.



Tun Sulaiman bersama Tan Sri Abdullah Ahmad pada hari keputeraan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (foto NST).



AMANAT TUN SULAIMAN

MEMANDANG kepada nilai sejarah rumah No. 5A, Jalan Abdul Rahman saya telah mengambil keputusan setelah bermesyuarat dengan anak-anak saya bahawa sepeninggalan saya, tanah seluas lima ekar serta rumah yang ada ini tidak dijual kepada sesiapa. Hendaklah salah seorang antara anak-anak saya itu diam di rumah ini supaya semua peralatan di dalamnya dijaga dengan baik dan tidak dipindah ke mana-mana kerana ada berkaitan dengan peribadi saya yang telah menetap di sini.

Rumah ini dan segala kandungannya akan dijadikan sejarah peribadi bagi diri saya, anak-anak saya serta cucu-cicit saya pada masa akan datang. Inilah hasrat saya dan saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas pemberian-Nya. Dengan itu saya telah mewujudkan satu peruntukan kewangan yang khas bagi menanggung perbelanjaan mengurus kawasan ini. Itulah harapan saya dan saya berharap anak-anak saya dapat menuaikan hasrat saya yang tulus ikhlas ini.


Rumah yang saya duduki ini menjadi satu kenangan kepada saya kerana di sinilah saya berada selama berjuang untuk agama, bangsa dan tanah air kita. Kepada anak-anak saya Faridah, Kadar Shah, Mohd Shah, Othman, Zainal, Hassan, Mariam, Mohd Nathir serta Intan Rogayah mereka pada bila-bila masa boleh menggunakan rumah ini, tetapi saya harap rumah dan tanah ini kekal dalam tangan keluarga.

Anak-anak saya kini memiliki kedudukan yang baik dalam masyarakat. Saya ingin menasihati mereka jika ingin menjadi manusia yang berguna hendaklah sentiasa bersikap amanah, jujur dan sentiasa mengamalkan apa yang disuruh oleh Allah S.W.T dan tinggalkan apa-apa yang dilarang. Hendaklah sentiasa berbaik-baik dengan kaum keluarga serta lain-lain anggota masyarakat. Janganlah bersikap sombong dan bongkak kerana sifat tercela itu amat tidak diingini oleh sesiapa sahaja.

Selain itu, hendaklah berpegang kuat kepada ajaran agama Islam kita yang sebenar dan bermurah hati kepada orang yang kurang bernasib baik daripada kita dan berilah sedekah jariah kepada mereka itu sekadar yang layak dan mampu dilakukan pada hari-hari yang mulia. Jemputlah sahabat handai dan jiran-jiran ke rumah bagi membina ukhuwah. Insya-Allah kita boleh berjaya dalam apa jua usaha yang kita jalankan untuk faedah saudara-saudara kita, agama kita, bangsa kita dan negara kita.



Pemandangan rumah Tun Sulaiman dari Jalan Abdul Rahman, Muar.





Bangunan pejabat dan rumah tetamu (kiri) dan rumah asal (kanan).



TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





Tun Sulaiman (kanan) meraikan Almarhum DYMM Sultan Ismail ibni Sultan Ibrahim dan Permaisuri di kediaman beliau pada tahun 1960-an.



Bangunan pejabat dan rumah tetamu.




Tempat berahat di tengah-tengah taman di belakang kediaman Tun Sulaiman.





Halaman yang diserikan dengan pohon-pohon rimbun.





Anugerah pertama yang dimenangi oleh kediaman Tun Sulaiman dan Toh Puan Rose dalam pertandingan landskap peringkat negeri Johor.



Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (tiga dari kanan) berkunjung ke rumah Tun Sulaiman. Di kanan beliau Tun Sulaiman dan di belakang Hashim Rais.





DARJAH KEBESARAN

MELIHAT sejarah hidup Tun Sulaiman Ninam Shah dan rekod perkhidmatannya, ternyata ia telah memberi kesan kepada kemajuan bangsa dan negara yang beliau duduki. Sumbangannya itu bermula sejak beliau masuk ke dalam kancal politik tanah air bagi membantu perjuangan mencapai kemerdekaan dan penubuhan UMNO sebagai parti terulung orang Melayu.

Apabila terlantik sebagai Ahli Exco Negeri Johor, beliau turut membangunkan negeri itu hingga menjadi antara negeri yang termaju. Ini diikuti pula dengan penglibatan beliau dalam dunia perniagaan sebagai tokoh penting Dewan Perniagaan Melayu Negeri Johor dan di peringkat negara. Beliau juga menjadi pengaruh beberapa syarikat besar dan kecil yang menyumbang kepada ekonomi negara.

Namun beliau tidak sekadar berpuas hati dengan usaha mengukuhkan politik bangsanya atau berokeh kemewahan hidup. Beliau sangat prihatin terhadap nasib kanak-kanak miskin dan telah bertindak menukuhan asrama anak-anak yatim bagi memberi pendidikan kepada mereka. Dalam bidang sukan, beliau telah menghidupkan permainan golf di Johor selain memimpin persatuan bolu sepak Melayu.

Memandangkan kepada jasa-jasanya, kerajaan negeri Johor telah menganugerahkan beberapa darjah kebesaran kepada Tun Sulaiman, iaitu


- | | | |
|---------|---|--------------------------------|
| B.S.I | - | Bintang Sultan Ibrahim |
| P.I.S | - | Pingat Sultan Ismail |
| S.M.J | - | Setia Mahkota Johor |
| S.S.I.J | - | Dato' Seri Setia Sultan Ismail |
| S.P.M.J | - | Sri Paduka Mahkota Johor |

Anugerah-anugerah yang diterima daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sebanyak 4 kali, iaitu

- | | | |
|-------|---|--|
| J.M.N | - | Johan Setia Mahkota |
| P.S.M | - | Panglima Setia Mahkota, membawa gelaran "Tan Sri" kelas dua |
| P.M.N | - | Panglima Mahkota Negara, membawa gelaran "Tan Sri" kelas pertama |
| S.S.M | - | Seri Setia Mahkota, membawa gelaran "Tun" |

Kemuncaknya ialah S.S.M yang membawa gelaran "Tun" diangurahkan oleh DYMM Sultan Salahuddin Aziz Shah semasa Hari Keputeraan baginda pada 2 Jun 2001.

— PENYELENGGARA



Tun Sulaiman menerima Pingat Ismail Sultan (P.I.S) daripada DYMM Sultan Ismail Ibni Sultan Abu Bakar.

TUN SULAIMAN NINAM SHAH PENGURUSI TETAP UMNO





Tun Sulaiman menerima darjah kebesaran S.S.I.J daripada Sultan Ismail Ibni Sultan Abu Bakar.

Tun Sulaiman bergambar dengan Toh Puan Rose selepas menerima darjah Mahkota Johor (D.P.M.J) daripada DYMM Sultan Johor.



Tun Sulaiman menerima darjah kebesaran Sri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J)
daripada DYMM Sultan Ismail Ibni Sultan Abu Bakar.



Tun Sulaiman dan isteri di hari menerima darjah kebesaran Sri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J).



Tun Sulaiman sebagai Ahli Jemaah Diraja Johor bersama isteri.



Toh Puan Rose menerima pingat daripada DYMM Sultan Ismail Ibni Sultan Abu Bakar.



Tun Sulaiman menerima bintang Johan Mangku Negara (J.M.N)
daripada DYMM Sultan Yahya Petra Ibni Sultan Ibrahim.



Tun Sulaiman bersama
isteri semasa
menghadiri majlis hari
jadi Sultan Johor.





Tun Sulaiman bersama Toh Puan Rose selepas menerima darjah kebesaran.

Tun Sulaiman (paling kiri) dan Toh Puan Rose (paling kanan) bergambar bersama DYMM Sultan Iskandar Ibni Sultan Ismail dan Sultanah Tengku Zanariah Tengku Ahmad (di tengah) selepas menerima darjah kebesaran PSM.



Tun Sulaiman menerima darjah kebesaran P.S.M yang membawa gelaran Tan Sri daripada DYMM Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.



Tun Sulaiman (kanan) bergambar dengan DYMM Tuanku Jaafar Ibni Tuanku Abdul Rahman dan Tuanku Najihah.





Tun Sulaiman menerima darjah kebesaran S.S.M yang membawa gelaran "Tun" daripada DYMM Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Jun 2001.



Tun Sulaiman bergambar dengan Toh Puan Rose sempena penerimaan darjah kebesaran S.S.M.

*N*CAPAN *S*ERIMA *K*ASIH DAN *H*ENGHARGAAN

KEPADAA

BREDERO PRICE (Malaysia) SDN. BHD.

(P) SYARIKAT PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN
MELAYU MUAR BERHAD

SEMANGAT MOTOR SDN. BHD.

AL-MARWAH TRAVEL & TOUR SDN BHD

OSMARCO AUTOMOBIL SDN. BHD.

LIAN HOE OMNIBUS CO. BERHAD

PAN MALAYSIA BUS ASSOCIATION

PEMBINAAN TEGAP TUNAS SDN. BHD.

MEGA PLANNER JAYA SDN. BHD.

ACE AGRICUTURAL SDN. BHD.

ROBERT & STANLEY DEVELOPMENT SDN. BHD.

YANG TELAH MEMBERI SOKONGAN SERTA KERJASAMA YANG PENUH DALAM
MENERBITKAN BUKU INI SEHINGGA IMPIAN SAYA TERCAPAI.

SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI
PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH DI ATAS KATA-KATA ALUAN YANG
TELAH DIBERIKAN OLEH

YAB DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA/PRESIDEN UMNO

YAB DATUK SRI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
TIMBALAN PERDANA MENTERI/TIMBALAN PRESIDEN UMNO

YB TAN SRI DATO' KHALIL BIN YAAKOB
MENTERI PENERANGAN/SETIAUSAHA AGUNG UMNO

YB DATO' TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI/SETIAUSAHA KERJA UMNO

SAYA JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA

YBHG. TAN SRI DATO' KAMARUL ARIFFIN
PENGERUSI EKSEKUTIF KUMPULAN UTUSAN MELAYU BERHAD

YBHG. TAN SRI DATO' ABDULLAH AHMAD
KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN AKHBAR THE NEW STRAITS TIMES

YBHG. DATUK WAN MOHD. MAHYIDDIN WAN NAWANG

YM ENCIK HARUN BIN JOHARI

YBHG. DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN

YB DATO' SULAIMAN MOHD SALLEH

YBHG. DATO' MOHD YASSIN DATO ABDUL RAHMAN

DAN SEMUA MEREKA YANG TELAH
MEMBANTU MENYIAPKAN BUKU INI SEHINGGA IA DAPAT
DITERBITKAN DENGAN SEMPURNA.



Tun Sulaiman Ninam Shah Pengurus Tetap UMNO.